



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6045]

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Delegasi Ahli Parlimen United Kingdom [Ruangan 6077]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) [Ruangan 6078]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 6138]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Taph).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).

- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
 „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
 „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
 „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

- Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 5hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PROJEK JALAN DAN JAMBATAN
DI SABAH—TINDAKAN

1. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan kos setiap projek yang akan dilaksanakan di Sabah oleh Kerajaan Persekutuan yang menelan belanja \$429 juta seperti diumumkan oleh beliau semasa lawatannya ke Sabah dalam April 1985 dan sama ada projek-projek ini telah disiapkan dan wang \$429 juta telah pun dibayar; juga nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membaiki projek lebuhraya di Sabah untuk memudahkan perhubungan di negeri tersebut.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan saya ke Sabah, saya telah membuat pengumuman sebanyak lebihkurang \$400 juta akan dibelanjakan di negeri Sabah bagi projek-projek jalan dan jambatan.

Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Jalan Sandakan-Telupid \$217 juta.
dan Sandakan-Lahad
Datu
- (ii) Jambatan Kinabatangan 51 juta.
dan Segama

(iii) Jalan Pertanian Tawau- Merotai, Lahad Datu- Bakapit dan Sapi Nangoh	\$75 juta.
(iv) Jalan Beaufort- Menumbok	50 juta.
(v) Jalan Tambunan- Keningau	7 juta.
Jumlah ..	<u>\$400 juta</u>

Projek-projek di atas sedang dalam pembinaan dan akan siap keseluruhannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Bagi mengatasi masalah perhubungan di negeri Sabah, Kementerian Kerjaraya sentiasa mengambil perhatian berat dan peruntukan yang secukupnya akan disediakan. Buat masa sekarang, Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan yang lebih banyak kerana masalah kewangan negara.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu gambaran yang jelas di atas prestasi jentera-jentera pelaksanaan pembangunan di negeri Sabah dalam tempoh yang lepas supaya menentukan bahawa Kerajaan Sabah mempunyai keupayaan pelaksanaan yang cukup dan sesuai supaya wang yang begitu besar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi sebanyak lebih \$400 juta, akan semuanya, bukan sahaja diperuntukkan tetapi juga dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek tertentu secara sepenuhnya supaya mendatangkan manfaat kepada rakyat Sabah?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan berapa banyakkah peruntukan kita boleh sediakan kepada penduduk-penduduk di negeri Sabah yang mana kita boleh mengatasi semua masalah yang dihadapi oleh rakyat di negeri Sabah, saya harap berharga lebih daripada \$1.9 billion atau \$1,900 juta.

Dari \$1,900 juta itu, Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telah memperuntukkan \$400 juta untuk mengadakan jalan raya dan untuk menyelesaikan semua masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di negeri Sabah, saya harap kita harus membelanjakan lebih daripada \$1.4 billion atau \$1.5 billion lagi di masa akan datang.

Saya harap peruntukan ini akan memakan masa sekurang-kurangnya 10-12 tahun akan datang, baru sahaja kita boleh menyelesaikan masalah-masalah jalan raya di negeri Sabah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan lebih mendalam kepada Ahli Yang Berhormat dengan perbelanjaan yang besar seperti itu, yang saya katakan tadi, kita akan menyiapkan jalan-jalan utama sahaja, tetapi ini bukan bererti kita boleh mengadakan hubungan yang lebih ke Kawasan pedalaman, tetapi kawasan-kawasan pedalaman itu masuk dalam peruntukan yang akan disediakan oleh negeri Sabah pada masa yang akan datang.

Perkara ini kita akan serahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk memberi satu peruntukan. saya tidak tahu macam mana keutamaan mereka untuk menyiapkan projek-projek pedalaman seperti apa yang dikatakan tadi.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi, kita dapati bahawa Kerajaan tidak ada cukup peruntukan untuk

melaksanakan segala projek yang diumumkan oleh Menteri berkenaan. Oleh kerana itu adakah Kerajaan berhasrat menswastakan projek-projek yang diumumkan tadi sebab kalau projek-projek itu tidak dapat dilaksanakan dan akan mengambil masa yang panjang, saya kluatir akhirnya semua projek itu akan merupakan janji kosong dan ini akan meningkatkan krisis keyakinan terhadap Kerajaan oleh rakyat Sabah.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan maklumat dan sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Rasah itu, semua janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, dan rekod Kerajaan Perikatan kita boleh dapat dilihat contoh-contoh dan juga kemajuan yang telah dicapai di dalam tanahair kita mulai daripada tahun 1957 sehingga sekarang. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional dan juga Kerajaan Perikatan ialah satu Kerajaan yang boleh memerintah dan boleh memberikan pembangunan kepada tanahair kita.

Kepada penduduk-penduduk di negeri Sabah itu, saya yakin walaupun kita memberikan janji kepada mereka iaitu kita akan memberikan keutamaan kepada pembinaan jalan-jalan raya—sebelum kita siapkan jalan itu kita sudah pun membelanjakan lebih \$700 juta iaitu \$700 juta kita sudah pun belanjakan kepada Negeri Sabah, tetapi \$400 juta ini adalah satu peruntukan baru.

Kepada semua negeri-negeri yang lain Kerajaan mesti menunaikan janji yang kita beri kepada rakyat. Tetapi sebelum pilihanraya saya janji kepada negeri Sabah dan juga pengundi-pengundi di negeri Sabah dan kita mesti menjalankan projek itu dan selepas itu kita menangkah, kita kalahkah, kita mesti jalankan, tidak peduli.

LPN—PEMBELIAN PADI MUSIM TENGGUJUH

2. **Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang lebih berkesan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara dalam mengendalikan pembelian padi di musim tengkujuh di Kedah dan Perlis terutama dalam menyelamatkan penanam padi dari kerosakan padi dengan menggred mutu pada yang rendah bila dijual menerusi kompleks-kompleks LPN; dan
- (b) adakah LPN sedar terdapat perbezaan antara kompleks LPN di Kedah berbeza dengan menggred mutu jenis yang dibawa petani untuk dijual kepada LPN.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan berkaitan dengan tindakan yang lebih berkesan oleh LPN untuk mengendalikan pembelian padi di musim tengkujuh di Kedah dan Perlis telah pun diberi semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Wakil Kota Setar pada 8hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini.

Berkaitan dengan dakwaan wujudnya perbezaan penggredan mutu padi di antara kompleks-kompleks LPN, saya menerangkan bahawa penentuan mutu padi di tiap-tiap kompleks LPN dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat penentuan gred yang telah ditetapkan. Padi yang dijual oleh petani-petani adalah tidak serupa dan perbezaan mutunya disebabkan oleh kandungan wap basah, hampa, padi muda, padi rosak dan kotoran yang tidak sama. Perbezaan ini boleh berlaku walaupun padi itu dituai dalam unit sawah yang

sama. Contohnya perbezaan mutu padi boleh juga wujud jika sekiranya sebahagian dari padi itu dituai di sebelah pagi dan sebahagian lagi dituai di sebelah petang ataupun apabila padi dituai dalam keadaan cuaca yang berlainan seperti pada masa panas atau pada masa hujan. Padi yang dituai serentak tetapi dipasarkan dalam masa yang berbeza atau berlainan boleh juga menyebabkan perbezaan dari segi mutu oleh kerana padi yang disimpan itu telah berubah keadaannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bagan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa cara menggred padi oleh Pegawai LPN terbuka kepada penyalahgunaan dan rasuah, oleh kerana pegawai-pegawai LPN ini boleh menggred padi mengikut sesuka hati mereka di mana penanam padi di dalam keadaan yang tidak boleh menyoal cara menggred padi kerana takut akan dikecam. Jika ia, adakah Menteri berkenaan akan merangkakan cara yang lebih berkesan untuk menggred padi?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, agaknya Ahli Yang Berhormat tidak perasan cara kita menggred padi sekarang. Cara yang digunakan sekarang ialah menggunakan kaedah analisa padi di mana "sample" padi yang dibawa oleh petani itu dibawa ke tempat pembeli sama ada kilang swasta, kilang LPN atau agen LPN dan "sample" itu dianalisa di hadapan petani-petani dan dianalisa mengikut apa yang dikatakan tadi iaitu kandungan wap basah, padi rosak, padi muda, hampa dan sebagainya. Setakat ini, kecuali dalam masa-masa di mana musim hujan yang mana padi itu teruk rosaknya dan memang lazimnya petani-petani tidak puas hati dengan potongan yang

banyak yang kita buat. Potongan itu memang patut, tetapi mereka tidak puas hati kerana padinya basah dan tidak dapat harga lumayan. Tetapi setakat ini tidak ada pula rungutan daripada petani kerana mereka puas hati dengan sistem analisa kaedah baru yang kita gunakan ini. Terima kasih.

PERJANJIAN TIMAH ANTARA-BANGSA/GETAH ASLI

3. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil perundingannya dengan pihak Kerajaan Barat di atas satu Perjanjian Baru untuk "International Tin Agreement" dan "International Natural Rubber Agreement".

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Kementerian Perusahaan Utama tidak pernah mengadakan apa-apa perundingan dengan pihak Kerajaan Barat untuk mengadakan satu perjanjian baru bagi Perjanjian Timah Antarabangsa (ITA). Walau bagaimanapun mengenai Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA), tiga persidangan rundingan semula di peringkat pegawai-pegawai telah diadakan di Geneva di bawah naungan United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD). Perjanjian yang ada sekarang ini telah pun tamat tempoh kuatkuasa lima tahun pada bulan Oktober, 1985 yang lalu, tetapi telah dilanjutkan mengikut peruntukan yang terdapat dalam Perjanjian yang ada sekarang untuk tempoh dua tahun lagi sehingga Oktober 1987.

Beberapa cadangan untuk meminda peruntukan-peruntukan Perjanjian telah dibuat. Namun demikian, pihak negara-negara pengeluar dan pengguna masih belum mencapai kata

sepakat mengenai peruntukan-peruntukan yang ingin diwujudkan dalam Perjanjian yang baru. Walau bagaimanapun, kedua-dua belah pihak menekankan prinsip perubahan yang minimum daripada peruntukan-peruntukan yang ada sekarang tetapi sehingga kini telah menemui jalan buntu dan dengan demikian, kedua-dua belah pihak terpaksa mengadakan perundingan selanjutnya untuk menyelesaikan kebuntuan tersebut.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tentang beberapa pindaan yang sedang dalam perbincangan dan dalam pada itu terdapat ia terbuntu. Saya ingin dapat tahu apakah peruntukan yang disebutkan tadi yang tidak dapat menghasilkan satu pindaan yang boleh menguntungkan negara kita?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di sini sepertimana yang kita semua sedia maklum bahawa sebarang perjanjian yang kita mewakili atau tandatangani mestilah menguntungkan pihak kita. Oleh sebab itulah, walaupun terdapatnya 3 kali rundingan yang diadakan, masih lagi terbuntu, oleh kerana kita bagi pihak pengeluar telah pun menekankan bahawa perubahan mesti dibuat secara minima dan pihak pengguna pula menekankan beberapa perubahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa perkara yang masih lagi dibincangkan adalah seperti berikut:

- (a) Artikel 32 mengenai pindaan-pindaan terhadap harga rujukan ataupun "reference price" dan jajaran harga.
- (b) Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan perubahan harga di paras 450,000 tan stok penimbal dan satu lagi ialah tentang perubahan harga lantai.

Inilah perkara-perkara yang masih dalam perbincangan dan kita berharap dengan terdapatnya perbincangan yang akan diadakan, insya Allah perkara-perkara ini boleh diselesaikan untuk menguntungkan negara kita.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu berikutan dengan kegagalan "International Tin Agreement" dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, satu sistem untuk menolong pelombong-pelombong kita yang ada di dalam negara ini telah pun diumumkan oleh Kerajaan negara kita, tetapi nampaknya sampai ke masa ini sistem \$70 juta itu tidak dapat diamalkan. Saya ingin dapat tahu sebab apa gangguan telah dilakukan di atas sistem ini.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini proses untuk meluluskan pinjaman kepada beberapa ratus pelombong-pelombong di negara kita telah pun diselesaikan dan insya Allah dalam sedikit masa lagi kelulusan akan diberi dan bayaran akan diberi dengan secepat mungkin. Saya tidak dapatlah hendak memberi angka bilangan pelombong-pelombong yang telah pun diluluskan.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua negara kita Malaysia merupakan producer yang terutama untuk bijih timah dan dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita dapat tahu Kerajaan tidak bercadang menandatangani dengan negara-negara Barat terhadap pasaran dan segala urusan mengenai bijih timah. Saya ingin tahu apakah sebab di belakang keputusan itu, adakah ini oleh kerana peristiwa Maminco yang mana dibuktikan Kerajaan kita telah ditipu oleh orang Barat? Oleh itu Kerajaan sekarang kurang keyakinan

dan ini adakah menunjukkan satu lagi krisis keyakinan terhadap Kerajaan Barisan Nasional? Sila jawab.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk meyakinkan bahawa Kerajaan kita memang menjalankan perniagaannya dengan cara yang bersih, maka kita menentukan segala perjanjian yang kita tandatangani ialah elok supaya kita boleh melaksanakannya. Walau bagaimanapun, soalan ini tidak timbul oleh kerana soalan asal bertanya adakah pihak Kerajaan mengadakan perundingan dengan pihak-pihak Kerajaan Barat di atas satu perjanjian baru untuk International Tin Agreement, jawabnya tidak dan tidak ada sebab kita mengadakan perundingan dengan Kerajaan Barat untuk mengadakan satu perjanjian yang memang sudah ada.

CARUMAN KWSP— PENGELUARAN

4. **Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tujuan membeli rumah setakat ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan membeli rumah kos rendah telah dilaksanakan dalam tahun 1977, manakala skim pengeluaran untuk pembelian rumah bukan kos rendah telah dilaksanakan dalam tahun 1982.

Bagi skim pengeluaran untuk pembelian rumah kos rendah, mulai daripada tahun 1977 sehingga bulan Ogos tahun ini sebanyak 37,521 permohonan telah diluluskan yang mana melibatkan pengeluaran sejumlah \$104,048,479, manakala

pengeluaran bertujuan membeli rumah bukan kos rendah pula, sehingga Ogos, 1986 berjumlah sebanyak 159,931 permohonan dan melibatkan pengeluaran wang sejumlah \$834,776,543.

Bagi tahun ini sahaja sehingga bulan Ogos sebanyak 9,237 permohonan untuk membeli rumah kos rendah telah diterima, yang melibatkan pengeluaran sebanyak \$55,668,123. Bagi tujuan membeli rumah bukan kos rendah pula sebanyak 30,237 permohonan bernilai \$183,664,221 telah diluluskan bagi tempoh Januari hingga Ogos 1986.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu untuk pengetahuan orang ramai apakah syarat-syarat yang perlu bagi pencazum-pencazum untuk mengeluarkan wang simpanan mereka itu untuk membeli rumah-rumah, sama ada rumah-rumah kos rendah ataupun rumah-rumah bukan kos rendah.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak KWSP memberi kelonggaran untuk seseorang pencazum itu mengeluarkan semuanya sekali wang simpanannya untuk membeli rumah dengan alasan bahawa pencazum tersebut telah pun berhenti bekerja dan sedang bekerja sendiri dan juga oleh sebab wang pencazumannya itu tidak mencukupi untuk tujuan membeli rumah, sama ada kos rendah ataupun rumah bukan kos rendah.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pencazum-pencazum dibolehkan mengeluarkan wangnya tertakluk kepada 45% daripada jumlah simpanannya atau \$20,000, yang mana lebih rendah. Ertinya, ini hanya sebahagian daripada wang simpanannya sendiri, tidak termasuk wang caruman oleh majikannya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pencazum-pencazum KWSP boleh mengeluarkan 45% daripada jumlah pinjaman yang ada sekarang ini ataupun \$20,000, yang mana lebih rendah. Tetapi memandangkan bahawa harga rumah murah yang dijual oleh pihak swasta ialah \$25,000 sekarang ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan peratus pengeluaran wang ini kepada \$25,000, bukan \$20,000 yang telah dimaktubkan itu?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berkaitan dengan pinjaman perumahan, tetapi berkaitan dengan beberapa kegunaan lain lagi pihak Kerajaan sedang mengkaji dan saya percaya satu keputusan yang sewajarnya akan diambil tidak berapa lama lagi untuk dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Ertinya, termasuk pembelian perkakas perubatan, termasuk pembelian Amanah Saham Nasional dan juga bagi tujuan-tujuan lain, seperti menunaikan fardhu haji dan sebagainya, tetapi kajian ini masih belum lengkap dan apabila lengkap nanti, akan dibentangkan di sini, termasuk juga menambahkan jumlah pinjaman untuk kegunaan perumahan ini.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar yang KWSP telah salah mengeluarkan semua sumbangan pekerja terus kepada pemaju perumahan dengan tidak menentukan jika rumah berkenaan telah siap atau tidak. Dengan ini, ada rumah-rumah belum dibina walaupun pemaju telah dibayar sebanyak 30% daripada harga kos rumah. Apakah tindakan Kementerian?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kes-kes yang spesifik seperti itu. Kalau sekiranya ada kes-kes seperti itu, saya harap pihak yang berkenaan boleh menulis terus kepada KWSP supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mewakili bagi pihak Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Omar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh! Selepas ini.

(Soalan No. 5 Y. B. Tuan Ahmad bin Omar tidak hadir).

PETANI/PEKEBUN KECIL— BANTUAN

6. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah dan inisiatif Kementerian untuk membantu para petani dan pekebun-pekebun kecil khususnya di luar bandar dalam mempertingkatkan hasil dan mutu pengeluaran tanaman (permanent crops) seperti koko, kopi, kelapa sawit dan sebagainya; dan
- (b) sama ada Kerajaan sedar adalah sukar bagi petani dan pekebun kecil untuk mendapat pinjaman kewangan dari institusi kewangan terutama dari Bank Pertanian; disebabkan Geran Tanah si peminjam adalah geran kecil (Native Title) sahaja dan jika ya, kenapakah nilai geran Native Title ini sangat rendah berbanding dengan geran-geran yang lain seperti CL dan TL.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pertanian sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan hasil dan mutu pengeluaran tanaman para petani dan pekebun kecil. Melalui usaha agensi-agensi penyelidikan, variti-variti tanaman yang berpotensi dari aspek hasil pengeluaran telah pun diperkenalkan kepada para petani dan pekebun-pekebun kecil. Di samping itu, panduan dan bimbingan diberi mengenai amalan agronomi dan pengurusan ladang yang baik melalui program pengembangan dan latihan. Di samping itu, aspek kawalan mutu sentiasa diberi keutamaan untuk memastikan bahawa hasil-hasil pertanian dapat menembusi pasaran eksport dan petani-petani mendapat pulangan yang setimpal dengan usaha-usaha mereka. Pengembangan sosial dan institusi di luar bandar juga diberi tumpuan oleh Kerajaan untuk memudahkan perubahan sikap, penerimaan teknologi serta penyertaan petani dan pekebun-pekebun kecil secara aktif di dalam proses pembangunan pertanian. Dalam hal ini, sebanyak 242 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah ditubuhkan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan sosial ahli-ahli peladang di luar bandar. Untuk mengatasi masalah saiz kebun yang tidak ekonomik, program pembangunan yang berlandaskan konsep perladangan secara kumpulan di bawah satu pengurusan seperti mini-estet atau ladang berkelompok adalah digalakkan.

- (b) Adalah tidak benar bahawa para petani dan pekebun kecil menghadapi kesukaran untuk mendapat pinjaman kewangan daripada Bank Pertanian Malaysia disebabkan geran tanah si pemohon adalah daripada geran kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, penilaian BPM untuk sesuatu kelulusan pinjaman adalah berdasarkan kepada daya majunya sesuatu projek dan bukan berasaskan nilai cagaran semata-mata. Walau bagaimanapun, BPM mensyaratkan semua pinjaman hendaklah bercagar sama ada dengan tanah, harta tetap atau lain-lain bentuk cagaran yang boleh diterima oleh BPM. Tanah-tanah yang hendak dicagarkan kepada BPM adalah dinilai mengikut harga pasaran semasa dan harga pasaran Native Title adalah rendah.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan, apakah sumbangan daripada MARDI terhadap pekebun-pekebun kecil dan para petani?

Yang kedua, apakah langkah-langkah Kerajaan akan mengambil untuk memastikan harga-harga pasaran di mana penanam sayur-sayuran, khasnya di Cameron Highlands hasilnya dan tanamannya tidak akan dibuang ke dalam sungai?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, MARDI sentiasa memberi kursus dan latihan kepada petani-petani kecil dan meningkatkan hasil-hasil dan pengurusan ladang-ladangkecil dan melalui agensi-agensi Kementerian saya, hasil-hasil yang

dikeluarkan daripada MARDI adalah diperkembangkan kepada petani-petani kecil.

Berkenaan soalan kedua, Jabatan Pertanian sentiasa mengkaji pengeluaran sayur-sayuran daripada petani-petani di Cameron Highlands dan melalui FAMA, Kementerian saya sentiasa ada mengawal hasil-hasil yang dikeluarkan oleh petani-petani kecil dan juga mengawal import-import yang diadakan di negara kita dan menjaga harga pasaran hasil-hasil yang dikeluarkan daripada petani-petani kecil.

EKONOMI PETANI KECIL

7. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan dan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi petani kecil di negara ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedang dan akan terus melaksanakan rancangan untuk meningkatkan ekonomi petani kecil di negara ini melalui program mempelbagaikan aktiviti-aktiviti pertanian seperti mengusahakan tanaman selingan di dalam kawasan tanaman utama. Selain daripada itu, Kementerian akan terus menggalakkan program mengintegrasikan aktiviti-aktiviti ternakan seperti kambing biri-biri di dalam kawasan-kawasan tanaman kerana aktiviti ini memberikan pendapatan sampingan kepada petani kecil. Di samping itu bidang penyelidikan dan pengembangan di Kementerian ini sedang giat berusaha untuk memperkenalkan bidang usaha tanaman-tanaman baru di samping memajukan aktiviti-aktiviti pemerosesan bahan makanan daripada hasil pertanian.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam mempelbagaikan bidang pertanian ini, adakah Kementerian

Pertanian menjamin pasaran daripada barang-barang pertanian sepertimana sayur-sayuran, buah-buahan yang ditanam oleh petani-petani kita.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, FAMA ada menubuhkan beberapa Pasar Tani di negara kita dan pihak FAMA ada membeli hasil-hasil daripada petani-petani kecil untuk menjamin pasaran mereka.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi bahawa pengembangan dan juga pemeliharaan kambing biri-biri disebut sebagai usaha ke arah mempelbagaikan pertanian. Adakah pengembangan dan pemeliharaan kambing biri-biri ini memadai untuk mempelbagaikan aktiviti petani-petani kecil?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian adalah menggalakkan program mengintegrasikan aktiviti-aktiviti ternakan kepada petani-petani kecil di beberapa negeri kita. Program ini sudah dijalankan dan ini adalah bertujuan mempelbagaikan ekonomi petani-petani kecil.

CUKAI EKSPORT LADA

8. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan menghapuskan cukai eksport lada dan mengurung cukai ke atas "insecticide" lada dan baja supaya meringankan bebanan para petani lada di Sarawak.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan duti eksport atas lada. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengkaji duti tersebut dari masa ke semasa dan pengurangan duti

akan diberi jika didapati perlu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Belanjawan 1986 yang lalu Kerajaan telah meminda struktur duti serta menaikkan harga permulaan untuk pengenaan duti eksport dari \$3,000 kepada \$4,000 setan bagi lada hitam dan dari \$3,500 kepada \$4,500 setan bagi lada putih bagi tujuan mengurangkan beban duti eksport atas petani-petani berkenaan. Sebagai contoh, sebelum pindaan tersebut, jika harga lada hitam ialah sebanyak \$5,000 setan, duti eksport yang dikenakan ialah sebanyak \$643.25 manakala selepas pindaan, duti hanya dikenakan \$50 sahaja. Begitu juga dengan lada putih di mana atas harga yang sama, sebelum pindaan tersebut, duti eksport itu ialah sebanyak \$276.20, tetapi selepas pindaan, dutinya hanyalah sebanyak \$25 sahaja.

Mengenai cadangan pengurangan cukai ke atas baja, ingin dimaklumkan bahawa cukai yang ada adalah merupakan cukai perlindungan kepada pengeluar-pengeluar baja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat mengurangkan cukai yang dikenakan ke atas insecticide lada kerana tidak ada cukai dikenakan atas perkara itu sekarang.

BELIA NIAGA DAN BELIA PELADANG

9. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerangkan jumlah belia yang mendapat latihan dan pinjaman daripada program Belia Niaga dan Belia Peladang setakat ini. Apakah program ini masih berjalan ataupun sudah dibekukan. Dan apakah rancangan yang telah diatur untuk membantu para belia secara yang lebih progresif di dalam perniagaan supaya kadar pengangguran di kalangan belia dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Wang Choon Wing): Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1985, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui program Rancangan Belia Berniaga telah melatih belia-belia melalui kursus-kursus Keusahawanan seramai 27,490 orang. Dari jumlah itu yang telah mendapat kemudahan pinjaman Rancangan Belia Berniaga ialah 1,446 orang berjumlah \$22,378,871.11 dan Rancangan Peniaga Kecil ialah 1,232 orang berjumlah \$2,063,980. Manakala di bawah program Rancangan Belia Peladang sehingga tahun 1983, Kementerian ini telah memberi bantuan sebanyak \$11,994,876 yang melibatkan 11,319 orang belia.

Pada tahun 1983 sehingga tahun 1985 program Rancangan Belia Peladang telah ditangguhkan kerana ia tidak mempunyai peruntukan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$17 juta bagi Rancangan Belia Berniaga dan \$8 juta bagi Rancangan Belia Peladang di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Kelulusan sebenar tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan.

Saya ingin menerangkan masalah pengangguran masa ini berkaitan rapat dengan keadaan ekonomi negara kita. Kerajaan telah mengambil tindakan yang positif dari beberapa aspek untuk mengatasi kemelesetan ekonomi dan juga masalah pengangguran. Dalam perkara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga turut menjalankan beberapa program, misalnya latihan kemahiran, latihan niaga, latihan pertanian, latihan teknologi desa dan sebagainya untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberi pecahan pemuda menurut kaum, bangsa yang telah diberi latihan

dan pinjaman wang di dalam program ini? Jika pecahan terperinci tidak boleh diberikan, bolehkah Timbalan Menteri tolong beri peratusannya dan apakah garis panduan di dalam pemilihan para pemuda demi menyertai program tersebut?

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang ada pada saya itu cuma menunjukkan jumlah peserta tetapi tidak menurut kaum. Kalau Yang Berhormat ingin mendapatkan angka-angka menurut kaum, sila beri notis dan saya akan cuba sedaya-upaya.

Berkenaan dengan peratusan itu, saya ingin memberitahu bahawa rancangan-rancangan itu memang dibuka kepada semua kaum. Terima kasih.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan bagi belia-belia dan beliawanis juga supaya mereka melibatkan diri dalam Rancangan Belia Niaga dan Belia Peladang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah prestasi belia-belia dan beliawanis selepas menerima bantuan-bantuan ini daripada pihak Kerajaan yang merupakan cukai daripada pembayar-pembayar cukai negara ini dan sama ada hasil yang dikeluarkan oleh mereka yang menerima bantuan ini memuaskan dan sekiranya ada kegagalan, mengapa kegagalan ini boleh berlaku selepas diberi bantuan?

Tuan Wang Choong Wing: Tuan Yang di-Pertua, belia-belia yang telah mendapat bantuan dari Rancangan Belia Niaga atau Rancangan Belia Peladang itu pada keseluruhannya hasil mereka itu boleh dikatakan memuaskan.

PERDAGANGAN—GALAKAN PERKEMBANGAN

10. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan:

- (i) sedar akan penglibatan politik Barisan Nasional dalam perdagangan dan Perindustrian oleh Perdana Menteri yang telah mempengaruhi dan mengakibatkan kejatuhan taraf perdagangan dan perindustrian di dalam mahupun di luar negeri;
- (ii) bersedia dalam hal menjalankan dan menggalakkan perdagangan luar dan dalam yang bebas dari penglibatan politik dan pengaruh-pengaruh dari sesiapa pun; dan
- (iii) bersedia untuk mengambil langkah-langkah menambatkan perdagangan eksport dengan negara-negara asing, dan dari sebab-sebab untuk setiap soalan (i), (ii) dan (iii) di atas; serta nyatakan adakah ia benar bahawa Perdana Menteri sendiri pernah menyelia setiap Kementerian; jika ya, beri sebab-sebabnya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada bahagian pertama soalan ini ialah Kerajaan tidak sedar. Dan kepada bahagian kedua ialah Kerajaan sememangnya menggalakkan perkembangan perdagangan sama ada di dalam ataupun di luar negeri mengikut amalan "dagangan bebas" ataupun dengan izin, "free enterprise".

Jawapan kepada bahagian ketiga ialah Kerajaan sudah pun mengambil langkah-langkah menerusi berbagai cara untuk menambahkan eksport ke

negara-negara asing. Memanglah sukar bagi kita menembusi pasaran-pasaran luar di ketika ini oleh kerana kemelesetan ekonomi dunia dan juga oleh kerana dasar perlindungan yang menyekat kemasukan barang-barang eksport kita.

Untuk menjawab bahagian yang terakhir kepada soalan ini, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Perdana Menteri bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanan semua Kementerian.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah peranan politik DAP dalam membantu Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur ke negeri ini dan adakah peranan mereka dalam mengkritik dasar-dasar Kerajaan menghalang pelabur-pelabur untuk datang ke negara ini? (*Tepuk*)

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya sempat berkunjung ke luar negeri untuk menghadiri seminar menarik pelaburan luar negeri ke negara kita, pernah ditimbulkan soal-soal yang dibangkitkan oleh ahli-ahli politik negara ini dan kebanyakan mereka telah membayangkan ketakutan mereka kepada trend chauvinism yang dimainkan oleh setengah-setengah pihak dalam negara ini terutama sekali pihak DAP. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar apabila Yang Berhormat Ketua Pambangkang menghadiri mesyuarat EMF, ia juga memberitahu pelabur-pelabur bahawa Malaysia adalah masih sebuah negara yang baik untuk melabur dan adakah Yang Berhormat Menteri juga sedar bahawa Ketua Setiausaha Kanan Menteri Kewangan sendiri berkata terdapat krisis keyakinan di negara kita sendiri (*Tepuk*). Ini seorang daripada pihak Kerajaan yang berkata

sedemikian dan adakah ini bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar apa yang diperkatakan oleh Ketua Pembangkang di sidang EMF tetapi barangkali Yang Berhormat dari Kota Melaka lebih fasih dan lebih mengetahui apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. (*Ketawa*)

PENGANGGURAN AKIBAT PENUTUPAN LOMBONG BIJIH

11. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah penganggur akibat penutupan lombong bijih timah di seluruh negara amnya dan di negeri Perak khasnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan membantu penganggur-penganggur ini dan setakat mana langkah-langkah ini berjaya.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab bahagian yang pertama, menurut rekod Jabatan Galian didapati tenaga kerja di sektor perlombongan bijih timah semenjak bulan Disember 1981 sehingga bulan Ogos 1986 telah berkurangan dengan jumlah 22,787 orang di seluruh negara di mana 14,012 orang daripadanya adalah daripada negeri Perak.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan ini, jawapan yang lengkap mengenainya telah pun dimaklumkan di Dewan yang mulia ini pada 10hb Oktober, 1986 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan yang telah diberikan itu.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan setengah dari rekod rasmi, pengangguran disebabkan oleh keruntuhan bidang perlombongan bijih timah, setengahnya adalah daripada Perak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang berunding dengan Kerajaan Negeri Perak supaya memperuntukkan lebih tanah lombong yang telah tamat M. C., dengan izin, untuk dibuka bagi semua pekerja-pekerja lombong yang telah menganggur supaya menjalankan kerja bercucuk tanam?

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berunding dengan pihak-pihak berkenaan supaya menurunkan harga minyak diesel sebanyak 50% supaya lombong-lombong yang telah berhenti itu dapat menyambung pekerjaan pelombongan? Kalau tidak mengapa?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan bahagian yang pertama, perkara ini telah dijalankan sekarang ini yang mana di peringkat kebangsaan, Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan bersama-sama dengan Badan Petugas Negeri khasnya mengikut soalan ini bagi negeri Perak, kita ada monitor perkara ini, dengan izin, melalui Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan, melalui Badan Petugas Negeri ini untuk memberi peluang kepada pekerja-pekerja ataupun bekas-bekas pekerja lombong ini mengusahakan tanah-tanah bekas lombong. Memang perkara itu telah ada.

Bagi bahagian yang kedua daripada soalan ini, Kementerian saya tidaklah begitu detail kerjanya sehinggakan hendak merundingkan pula supaya menurunkan harga diesel ini sampai 50%.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, satu daripada langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah memberikan pinjaman-pinjaman mudah kepada pelombong-pelombong agar dapat memulihkan lombong-lombong bijih timah tersebut. Saya hendak bertanya apakah kedudukan pinjaman-pinjaman tersebut dan adakah ia sudah dilaksanakan? Kalau tidak, mengapakah setakat ini pinjaman masih belum dibuat?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak berkaitan dengan soalan yang asal kerana soalan asal ini berkaitan dengan orang yang menganggur akibat daripada tutupnya lombong itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju.

SKIM TABUNG PELABURAN BARU

12. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan sejak pelancaran tabung pelaburan baru (new investment fund) berapakah jumlah yang telah dipergunakan bagi memajukan bidang-bidang perindustrian, pelancongan dan pertanian. Mengapakah pelaksanaan program ini tidak berjalan dengan begitu lancar serta kurang berkesan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat 30hb September tahun ini sebanyak 115 permohonan bernilai \$432.8 juta telah diluluskan untuk pembiayaan di bawah skim Tabung Pelaburan Baru. Daripada jumlah tersebut, 32 permohonan bernilai \$172 juta adalah untuk sektor pertanian, 80 permohonan bernilai \$251.8 juta

untuk sektor pembuatan dan 3 permohonan bernilai \$9 juta untuk sektor pelancongan.

Walau bagaimanapun, jumlah yang dikeluarkan sehingga tarikh yang sama ialah sebanyak \$164.9 juta iaitu \$38.6 juta untuk sektor pertanian; \$121.4 juta untuk sektor pembuatan dan \$4.9 juta untuk sektor pelancongan.

Memandangkan Tabung Pelaburan Baru hanya dilancarkan setahun yang lalu, sambutan terhadapnya bolehlah dianggap sebagai memuaskan oleh kerana hanya pelabur-pelabur baru atau pelaburan yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran yang ada sekarang sahaja yang layak memohon kemudahan pinjaman di bawah tabung ini. Pelaburan di bawah Tabung Pelaburan Baru ini melibatkan perbelanjaan berjumlah \$1,065 juta.

Masa yang diperlukan untuk mengeluarkan pinjaman yang diluluskan menggambarkan terdapatnya jurang masa di antara kelulusan pinjaman dan masa untuk menyiapkan projek pinjaman ini, menyelesaikan dokumen guaman dan tempoh "gestation period" bagi membolehkan projek ini mula berjalan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beliau mengatakan sejumlah wang telah diluluskan daripada Tabung Pelaburan Baru ini untuk pelancongan, kalau tidak silap saya \$9 juta. Saya ingin tahu, untuk jenis-jenis projek seperti manakah yang diluluskan untuk maksud pelancongan ini?

Kedua, kenapakah jumlah begitu kecil dibandingkan dengan jumlah-jumlah lain.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka secara spesifik, tetapi jumlah

yang kecil ini kerana tidak ramai yang memohon, hanya tiga orang yang memohon. Permohonan kesemuanya bernilai \$9 juta dan jumlah yang diluluskan ialah \$4.9 juta.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah hasrat Yang Berhormat untuk mengadakan kuota ke atas sektor-sektor yang tertentu, kerana memandangkan sektor pembuatan adalah yang lebih diminati untuk mendapatkan wang ini.

Keduanya, apakah syarat-syarat untuk membayar balik?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak perlu buat kuota lagi sebab jumlah wang yang diperuntukkan belum lagi kehabisan. Ertinya, kalau Yang Berhormat dari Kepong hendak memohon boleh lagi.

Syarat-syarat pembayaran di bawah Tabung Pelaburan Baru ini sama juga dengan pinjaman-pinjaman lain, sebab pinjaman yang dibuat di bawah Tabung ini sebenarnya tidak ada beza dengan pinjaman-pinjaman biasa dari segi pembayaran. Hanya yang berbeza, faedah yang dikenakan terhadap pinjaman-pinjaman ini adalah kurang sedikit daripada pinjaman biasa iaitu sebanyak 11% berbanding dengan pinjaman-pinjaman biasa dan seseorang yang ingin memohon pinjaman itu hendaklah membuat melalui bank-bank perdagangan dan bank-bank perdagangan akan menanggung segala risiko sekiranya peminjam-peminjam di bawah skim ini tidak membuat bayaran. Maka itu pada kebiasaannya, bank-bank akan meneliti projek-projek seperti juga meneliti projek-projek di bawah pinjaman-pinjaman lain. Yang penting kita sediakan wang supaya bank-bank tidak dapat mengatakan pinjaman tidak boleh

dibuat atas sebab tidak ada wang untuk dipinjamkan kepada yang membuat permohonan ini.

KADAR ELEKTRIK

13. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada LLN akan mengurangkan kadar elektrik yang dikenakan bagi tujuan domestik memandangkan harga antarabangsa minyak telah turun sebanyak kira-kira 60%.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat izin pada 7hb November untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Bayan Baru ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Gantang dan saya juga telah menjawab soalan-soalan tambahan Yang Berhormat dari Pasir Pinji dan dari Ulu Selangor. Saya tidak berhajat untuk hendak menambah sebarang jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir)

MENARIK BALIK SOALAN No. 15

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita akan membahaskan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi pada hari ini, saya menarik balik soalan saya yang ke-15.

PROJEK PENSWASTAAN

16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah projek penswastaaan dan nilainya setakat ini telah diluluskan dan apakah semua projek penswastaaan akan diiklankan supaya pelabur-pelabur yang berminat boleh menceburkan diri mereka ke dalamnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini enam projek penswastaaan telah dilaksanakan:

(i) *Depoh Baikpulih Kapal Terbang Tentera Udara Di-Raja Malaysia (AIROD)*

Depoh Baikpulih Kapal Terbang Tentera Udara Di-Raja Malaysia telah diswastakan kepada pihak swasta. Nilai harta yang terlibat adalah \$89.5 juta.

(ii) *North Klang Straits Bypass*

Syarikat Shahpadu Holdings telah dibenarkan membina jalan raya ini dan seterusnya mengutip "tol" dari pengguna jalan raya itu. Kos pembinaan jalan raya itu adalah \$20 juta.

(iii) *Jejambat di Persimpangan Jalan Kuching/Jalan Kepong*

Syarikat Sri Angkasa telah dibenarkan membina jejambat di Persimpangan Jalan Kuching/Jalan Kepong, dan seterusnya mengutip tol dari pengguna jejambat itu. Kos pembinaan jejambat itu adalah \$80 juta.

(iv) *Sports TOTO*

Sports TOTO telah diswastakan dengan penjualan 70% sahamnya kepada

Syarikat B & B Enterprise Sdn Bhd. Nilai penjualan ini adalah M\$27,996,999.

(v) *Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)*

MAS telah diswastakan dengan menyenaraikan saham-sahamnya di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Modal yang dibenar bagi MAS adalah \$1,000,000,000 dan Modal Berbayar adalah \$350,000,000. Sebanyak 105,000,000 saham telah ditawarkan kepada orang awam tahun lalu dengan harga \$1.80 tiap-tiap satu saham.

(vi) *Terminal Kontena Pelabuhan Klang*

Terminal Kontena ini telah diswastakan dengan penubuhan sebuah syarikat Klang Container Terminal (KCT) yang dimiliki 100% oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK). Semua alat kelengkapan di terminal itu telah diambilalih oleh KCT. Nilai bagi alat-alat ini adalah M\$111,624,000. Nilai ini juga termasuk nilai "goodwill" dengan izin, terminal kontena.

Lembaga Pelabuhan Kelang telah menjual 51% saham dalam KCT kepada Konnas Terminal Klang Sdn Bhd. Selain daripada itu, "demised property", dengan izin, yang termasuk tanah, bangunan, wharves, jetties, dengan izin, dan "roll-on-rol-off facilities" juga, dengan izin, disewakan kepada KCT dengan bayaran \$16,959,000 setahun. Sewa ini akan ditambahkan bila bilangan kotak kontena yang dikendalikan melebihi suatu jumlah yang telah ditetapkan pada tiap-tiap tahun.

Projek-projek untuk diswastakan boleh dikenal pasti oleh pihak Kerajaan dan juga pihak swasta. Projek-projek yang dikenalpasti oleh Kerajaan akan ditawarkan kepada umum. Projek-projek yang dikenalpasti oleh pihak swasta tidak akan ditawarkan kepada umum. Projek itu, jika dipersetujui oleh Kerajaan akan ditawarkan kepada pihak swasta yang mengemukakan cadangan dengan syarat-syarat tertentu. Prosedur ini diikuti untuk mengelakkan pihak swasta membuat kajian dan menyediakan cadangannya sendiri. Pihak swasta yang menyediakan cadangan patutlah ditawarkan projek ini terlebih dahulu kerana mereka telah membelanjakan wang untuk membuat kajian dan menyediakan cadangan. Jika persetujuan tidak tercapai dengan pihak mencadang barulah projek itu ditawarkan kepada umum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI PELAJARAN DI LUAR NEGERI

5. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat ini berapa ramaikah Pegawai Pelajaran yang telah ditugaskan di luar negeri bagi mengawasi hal ehwal pelajar kita di luar negeri dan adakah di antara mereka yang telah didapati tidak menjalankan tugas sewajarnya dan diambil tindakan tatatertib.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Pada masa ini terdapat seramai 31 orang Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang sedang berkhidmat di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri bagi menguruskan hal ehwal pelajar-pelajar kita.

Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak menerima apa-apa aduan atau laporan mengenai Pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut Malaysia yang tidak menjalankan tugas sewajarnya.

KELAPA SAWIT—KEJATUHAN HARGA

14. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan dengan jatuhnya harga kelapa sawit beberapa ladang-ladang kelapa sawit dengan pokok-pokok tua telah tidak mengetahui apakah jenis "crop" untuk ditanam pada masa akan datang. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pihak yang berkenaan.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi menjawab soalan ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Hulu Selangor berhubung dengan akibat kejatuhan harga kelapa sawit, jenis "crop" yang akan ditanam dan usaha-usaha oleh Kementerian ini, pada amnya, kejatuhan harga minyak kelapa sawit adalah disebabkan oleh keadaan bekalan yang berlebihan dan permintaan yang merosot. Ini merupakan satu fenomena yang bukan sahaja melibatkan minyak kelapa sawit, bahkan beberapa barangan utama yang lain. Mengenai penanaman kelapa sawit, Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada penanaman barangan tersebut di bawah Dasar Pertanian Negara jika keadaan tanah dan iklim bersesuaian.

Dalam hal ini, berbagai usaha untuk meningkatkan kecekapan serta produktiviti telah dijalankan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Ini bertujuan meningkatkan tahap persaingan minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran dunia.

Namun demikian, tidaklah menjadi hasrat Kerajaan memastikan bahawa pihak-pihak ladang menanam atau menanam semula dengan satu jenis tanaman eksport. Ini selalunya bergantung kepada beberapa faktor, termasuk perbezaan kos pengeluaran di antara tanaman-tanaman, kesesuaian tanah, jangkaan pulangan kepada modal dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan sektor perladangan untuk menseimbangkan "portfolio" tanaman ladang mereka supaya tidak bergantung kepada sesuatu barangan utama untuk mengurangkan risiko pelaburan.

**PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA
MENGALU-ALUKAN DELEGASI
AHLI PARLIMEN UNITED
KINGDOM**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukacita memaklumkan iaitu bersama kita dalam Dewan ini ialah satu Delegasi enam orang Ahli Parlimen United Kingdom yang diketuai oleh Yang Berhormat Lord Alton. Mereka akan berada di negara kita hingga 14hb Disember, 1986 (*Tepuk*). Bagi pihak Parlimen Malaysia, saya mengucapkan selamat datang ke Malaysia pada delegasi tersebut.

To Lord Alton and the members of his Delegation, "We bid you welcome to the warm hospitality of our unique country". (*Tepuk*)

**RANG
UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG
RAHSIA RASMI (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Rahsia Rasmi seperti berikut:

- (a) untuk memasukkan takrif "bahan" dan "rahsia rasmi" kepada Akta;
- (b) untuk memasukkan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab untuk menambah, memotong atau meminda perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Jadual di bawah takrif "rahsia";
- (c) untuk memasukkan peruntukan yang memberi kuasa kepada seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri untuk melantik mana-mana pegawai awam bagi mengelaskan atau classify suratan-suratan, maklumat-maklumat atau bahan-bahan rasmi sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" untuk menjadikannya "rahsia rasmi" sebagaimana yang ditakrifkan;
- (d) untuk memasukkan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada mana-mana Menteri berkenaan, Menteri Besar, Ketua Menteri dan pegawai-pegawai awam yang

tertentu untuk mengelaskan semula atau declassify "rahsia rasmi" pada bila-bila masa supaya ianya tidak lagi menjadi "rahsia rasmi";

(e) untuk mengganti perkataan-perkataan seperti "benda, suratan dan maklumat" dengan perkataan "rahsia rasmi" yang terdapat dalam Seksyen-seksyen 7A dan 8 berikutan kemasukan takrif perkataan "rahsia rasmi";

(f) untuk memasukkan peruntukan baru yang memberi kuasa kepada mana-mana Menteri berkenaan, Menteri Besar, Ketua Menteri bagi sesuatu negeri dan pegawai-pegawai awam yang tertentu untuk membuat perakuan bahawa sesuatu suratan rasmi, maklumat atau bahan adalah "rahsia rasmi" dan perakuan ini hendaklah menjadi keterangan yang "conclusive" atau muktamad dan ianya tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan;

(g) untuk memasukkan satu peruntukan yang mana akan memberi hak pembelaan kepada pegawai-pegawai awam, sekiranya dituduh, mereka tidak akan didapati bersalah jika apa-apa yang dilakukan itu adalah dalam menjalankan tugas rasmi atau telah mendapat kuasa untuk berbuat demikian;

(h) untuk membuat peruntukan di mana hukuman optional denda yang sedia ada dihapuskan daripada Seksyen-seksyen 4, 7A, 7B, 8, 9(2), 11, 12 dan 13(1);

(i) untuk menggantikan denda-denda yang sedia ada dalam Seksyen-seksyen yang tersebut di atas dengan suatu hukuman minima penjara bagi tempoh satu tahun;

(j) untuk menambah tempoh maksima bagi hukuman penjara dalam Seksyen 11 dan 12 daripada 3 kepada 7 tahun. Tempoh maksima bagi penjara dalam Seksyen-seksyen lain, iaitu Seksyen 4, 7A, 7B, 8, 9(2) dan 13(1) adalah dikekalkan;

(k) untuk memasukkan satu Jadual kepada Akta di mana diletakkan satu persatu jenis suratan dan maklumat yang akan menjadi "rahsia rasmi".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 ini telah menarik perhatian ramai dan ramai juga yang menentang pindaan ini.

Kerajaan sengaja membaca pindaan kedua lebih awal kerana Kerajaan ingin memberi peluang selalu untuk rakyat mengetahui isi kandungan pindaan ini dan membuat teguran-teguran untuk dikaji oleh Kerajaan. Kita tidak berhajat untuk menyembunyikan apa-apa kerana kita ingin melihat semua pihak tahu akan hukuman-hukuman yang akan dikenakan jika sesiapa membocorkan rahsia Kerajaan. Hasil daripada bacaan pertama pindaan kedua pada bulan Oktober tahun ini ialah Rang Undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 yang ketiga, yang bacaan kali pertamanya dibuat pada 2hb Disember, 1986.

Bahawa Kerajaan menitik-beratkan pandangan ikhlas oleh rakyat terbukti daripada tindakan Kerajaan membenarkan pindaan yang asal termansuh melalui pembubaran Dewan untuk Pilihanraya 1986. Kerajaan Barisan Nasional tidak berniat untuk membelakangkan keluhan rakyat jika keluhan ini benar-benar mempunyai asas. Yang menjadi masalah kepada Kerajaan ialah mengasingkan protes yang berbau politik dengan keluhan yang ikhlasnya dan jujur.

Dalam masalah pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi ataupun OSA bagi kali yang kedua ini, Kerajaan mendapati bahawa protes yang nyaring yang didengar lebih banyak disebabkan oleh kepentingan politik pihak-pihak tertentu khususnya parti dan pertubuhan pembangkang. Bagi mereka, menentang apa sahaja yang dibuat oleh Kerajaan sudah menjadi tabiat walaupun mereka tahu tindakan Kerajaan ini adalah baik untuk rakyat dan negara. Mereka ini menggunakan apa sahaja institusi untuk kepentingan politik mereka sehingga terjejas imej dan kredibiliti institusi-institusi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mendapati ramai daripada mereka yang membuat protes beranggapan seolah-olah tidak ada undang-undang rahsia rasmi di Malaysia di waktu ini. Mereka juga cuba memberi gambaran seolah-olah hanya Malaysia sahaja yang mengadakan Akta Rahsia Rasmi.

Sebenarnya Akta Rahsia Rasmi memang sudah ada di Malaysia dan di hampir semua negara di seluruh dunia. Jika tidak, maka berhaklah pengintip ataupun spy negara asing mendapat semua maklumat. Akta Rahsia Rasmi Malaysia ditiru daripada Akta Rahsia Rasmi British kerana banyak undang-undang kita dipungut terus daripada Britain.

Masalah dengan akta rahsia di mana-mana juga ialah mentafsirkan apa ianya yang dianggap sebagai rahsia Kerajaan. Masalah ini menjadi rumit kerana sesuatu yang menjadi rahsia pada satu masa tidak boleh dikekalkan sebagai rahsia di waktu yang lain. Demikian kertas-kertas Jemaah Menteri dianggap rahsia sehingga ia dibincang oleh Jemaah Menteri. Selepas itu, ada yang kekal sebagai rahsia—umpamanya strategi mempertahankan negara—dan ada juga yang perlu diisytiharkan kepada

umum selepas sahaja mesyuarat Jemaah Menteri tamat. Di antara dua ektrim ini, ada yang dirahsiakan buat beberapa waktu, dan ada yang status rahsianya boleh ditamatkan dalam sebulan, setahun atau beberapa tahun kemudian. Dengan itu, maka sukarlah bagi Kerajaan berkata bahawa kertas Jemaah Menteri yang ini rahsia dan yang itu tidak. Supaya kertas Jemaah Menteri terpelihara, semuanya dikelaskan sebagai rahsia. Malangnya ini boleh menyebabkan pegawai atau sesiapa juga dituduh membocorkan rahsia apabila mereka menggunakan kertas Jemaah Menteri untuk apa juga maksud.

Syarat dan spesifikasi barangan yang akan dibeli oleh Kerajaan adalah rahsia pada mulanya. Begitu juga pandangan dan syor pegawai-pegawai. Akhirnya syarat dan spesifikasi perlu diumumkan supaya pembekal dapat mengetahuinya. Tawaran-tawaran yang dibuat oleh pihak berkenaan perlu dikaji dan penilaian dibuat. Jikalau undang-undang lama digunakan maka berbagai fasal dalam proses menender kontrak atau bekalan menimbulkan kerumitan kerana adakalanya fasa itu rahsia dan pada fasa yang lain pula tidak rahsia.

Jelaslah Akta Rahsia Rasmi yang lama terlalu luas dan menimbulkan masalah bagi orang ramai dalam urusan mereka dengan Kerajaan. Untuk mengelak daripada keanehan inilah maka Kerajaan, atas desakan rakyat, telah menggubal pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Dengan itu hanya dokumen-dokumen tertentu sahaja akan menjadi rahsia rasmi dan tindakan yang jelas perlu diambil untuk menjadikan sesuatu dokumen rasmi itu tidak rasmi lagi.

Masalah yang dihadapi dengan Akta Rahsia Rasmi yang lama dapat dilihat daripada satu kes pembocoran rahsia yang dibicarakan dalam tahun 1978. Dalam kes tersebut seorang Ahli Yang persidangan Dewan kali ini. Takrif

Berhormat telah terlibat dan mahkamah memutuskan bahawa apa sahaja dokumen atau maklumat yang disimpan atau yang ada dalam tangan Kerajaan adalah "rahsia" selagi Kerajaan tidak mengizinkan bagi ianya dilepaskan atau diberi kepada pengetahuan awam. Soalnya ialah apakah semua ratusan ribu surat Kerajaan dalam satu-satu tahun itu rahsia dan apakah caranya keizinan Kerajaan diberi untuk menjadikan sesuatu surat itu tidak rahsia?

Memandangkan betapa anehnya undang-undang rahsia yang begitu luas yang dikuatkuasakan sekarang, Kerajaan tidaklah menggunakannya melainkan jika perkara yang dibocorkan itu serius. Sebab itu semenjak hampir 30 tahun kita merdeka, hanya 5 kali sahaja Kerajaan membuat dakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi yang sedia ada. Kerajaan tidak menggunakan Akta ini untuk mendakwa orang awam atau wartawan dengan sewenang-wenangnya. Kes-kes yang dibawa ke Mahkamah melibatkan pembocoran rahsia yang serius yang menjejaskan kepentingan awam atau keselamatan negara. Walaupun Kerajaan berhati-hati dalam menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada, seseorang itu tidak mungkin tahu bila ia akan didakwa dan bila ia tidak boleh didakwa.

Apabila Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) kepada sidang terakhir Dewan Parlimen Yang Keenam, pada bulan Mac lalu, beberapa pihak menegur bahawa takrif rahsia tidak jelas. Oleh kerana itu, Kerajaan telah menarik balik Rang Undang-undang itu dan berjanji akan mengkaji dan, jika boleh, membuat takrif rahsia secara yang lebih jelas.

Inilah yang dibuat oleh Kerajaan dalam membentangkan pindaan baru kepada Akta Rahsia Rasmi di

yang dibuat terbahagi kepada dua. Yang pertama ialah dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam Jadual adalah rahsia sehingga tindakan diambil oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menyatakan dokumen itu tidak lagi rahsia. Terdapat dalam Jadual kepada Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 yang baru senarai dokumen-dokumen rahsia yang berikut:

Jadual

"Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri;

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Suratan berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa."

Jika dokumen yang tidak terdapat dalam Jadual ini hendak dirahsiakan kerana sebab-sebab tertentu, maka dokumen itu hendaklah dicap "Rahsia Besar" atau "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" dan dinyatakan oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau pegawai-pegawai tertentu yang diberi kuasa. Pegawai-pegawai ini adalah pegawai-pegawai kanan yang bertanggungjawab.

Prosedur untuk menjadikan sesuatu dokumen itu rahsia ditentukan mengikut peraturan-peraturan pengurusan. Umumnya dokumen ini akan ditanda dengan jelas dan akan diurus hanya oleh pegawai-pegawai yang diberi kuasa sahaja. Dokumen-dokumen ini juga akan disimpan

secara tertib dan pegawai-pegawai tertentu akan bertanggungjawab terhadap simpanan dan penggunaan dokumen-dokumen ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua dalam pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 ini, adalah berkenaan dengan hukuman penjara secara mandatori sekurang-kurangnya satu tahun. Hukuman ini menjadi perlu kerana dokumen-dokumen rahsia Kerajaan tidak ternilai harganya.

Sudah menjadi satu amalan dalam dunia moden bagi pemberita dan akhbar membeli dokumen yang dicuri oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Dalam persaingan yang hebat antara akhbar-akhbar, pembocoran rahsia Kerajaan boleh menjadikan seseorang pemberita terkenal dan akhbar-nya laris dijual. Bahawa pembocoran ini boleh mengancam keselamatan atau kestabilan negara tidak lagi menghalang pemberita daripada menyiarkan rahsia Kerajaan. Apakah gunanya kita menangkap dan menghukum pengintip-pengintip asing, foreign spies, dengan izin, jika orang kita boleh membocorkan rahsia negara dengan sewenang-wenangnya?

Pembocoran rahsia juga boleh digunakan oleh pegawai untuk tujuan-tujuan tertentu. Di negara-negara Barat, pegawai tentera sering membocorkan rahsia untuk menentukan bahawa alat yang dibeli oleh Kerajaan adalah yang diminati oleh mereka. Kadang-kadang mungkin cara ini digunakan kerana tidak mahu dibekalkan dengan alat yang tidak baik. Tetapi boleh jadi juga perbuatan ini dilakukan kerana disogok dengan wang oleh pihak pembekal yang tidak terpilih.

Apabila sesuatu kontrak Kerajaan bernilai puluhan atau ratusan juta, bukan sahaja sogokan yang diberi tinggi nilainya, tetapi jika pembocor itu ditangkap dan dihadapkan ke

Mahkamah, denda yang dikenakan boleh dibayar oleh pihak yang memberi rasuah.

Dalam keadaan seperti ini di mana pihak yang membocorkan rahsia boleh mendapat wang yang banyak, lebih banyak daripada denda yang dikenakan dan denda itu juga boleh dibayar oleh pihak yang mendapat manfaat daripada pembocoran, denda sudah tidak ada makna lagi. Hanya hukuman penjara yang boleh menjadi deterrent kepada mereka yang membocorkan rahsia Kerajaan.

Di sini, timbul soal mandatori—iaitu jika sesiapa didapati bersalah, mahkamah dimestikan menjatuhkan hukuman penjara tidak kurang daripada satu tahun. Soal mandatori ini bukanlah baru. Dalam kes menggunakan senjata-pi semasa rompakan, atau di bawah Undang-undang ISA atau Akta Dadah Berbahaya, hukuman mati adalah mandatori.

Apakah ini menghalang budibicara Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman? Sebenarnya dalam apa juga kesalahan, undang-undang biasanya menghadkan hukuman maksima dan adakalanya hukuman minima dan Mahkamah tidak boleh menjatuhkan hukuman secara suka hati. Zaman hakim menjatuhkan hukuman seperti Nabi Sulaiman sudah berlepas.

Dengan menentukan secara tepat hukuman yang dikenakan apabila didapati bersalah, undang-undang ini adalah lebih adil. Soal budibicara yang tidak selalunya sama antara seorang hakim dengan seorang hakim yang lain, tidak akan timbul. Di samping itu, kesan hukuman sebagai deterrent akan tercapai. Selagi ada harapan hukuman boleh diringkankan, selama itulah hukuman tidak begitu berkesan sebagai deterrent.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya sekali lagi menarik perhatian mengenai Kerajaan yang memerintah. Kita percaya bahawa Kerajaan sekarang dan Kerajaan-kerajaan di masa depan di Malaysia adalah demokratik dan bertanggungjawab serta tidak menyalahgunakan kuasanya. Bahawa hanya 5 kes pembocoran rahsia sahaja yang didakwa di Mahkamah dalam jangkamasa 29 tahun, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat berhati-hati dalam menggunakan Undang-undang Rahsia Rasmi ini.

Memandangkan bahawa hukuman di bawah pindaan baru ini lebih berat, maka Kerajaan akan mengkaji dengan lebih teliti kes-kes yang hendak didakwa ke Mahkamah. Untuk menjamin bahawa seseorang itu tidak dianiayai, maka peruntukan yang sedia ada dikekalkan, iaitu selepas pihak Polis menyelesaikan siasatan dan berpendapat ada kes yang perlu didakwa, pihak Pendakwa Raya akan memutuskan sama ada dakwaan akan dibuat. Sudah tentu hanya kes-kes di mana kepentingan awam atau kepentingan negara menghendaki didakwa sahajalah yang akan dibawa ke Mahkamah.

Seperti biasa pihak yang dituduh boleh mempertahankan diri mereka dalam Mahkamah. Mungkin juga Mahkamah akan memutuskan bahawa yang dituduh tidak bersalah. Di Malaysia perkara ini bukan mustahil kerana Kerajaan tidak mempunyai apa-apa pengaruh ke atas Mahkamah.

Pegawai-pegawai Kerajaan mungkin khuatir bahawa mereka lebih terdedah kepada tuduhan pembocoran daripada orang lain. Dalam menjalankan tugas mereka, tidak dapat tidak, mereka akan menggunakan dokumen-dokumen yang rahsia. Untuk melindungi pegawai-pegawai ini peruntukan

dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini yang berbunyi seperti berikut:

“Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidaklah boleh disabitkan jika dia membuktikan yang dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa sepatutnya.”

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berfikir panjang sebelum mencadangkan pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi yang saya kemukakan ini. Kerajaan telah memberi pertimbangan yang serius kepada kekhawatiran yang ikhlas pihak yang menegur peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Memang benar Kerajaan tidak akan menimbang teguran daripada pihak yang berkepentingan politik yang setelah gagal memujuk rakyat supaya tidak memberi majoriti 2/3 kepada Barisan Nasional, sekarang cuba hendak memecah undi Barisan Nasional dengan mencadangkan. (*Tepuk*) Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional mengundi secara bebas.

Pengundian oleh ahli-ahli Barisan Nasional di Dewan ini adalah bebas (*Tepuk*) dalam menentukan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini lulus atau tidak. Janganlah berfikir apabila semua ahli Barisan Nasional menyokong Kerajaan, maka Whip telah digunakan.

Kerajaan, saya ulangi, sedia menimbang teguran yang ikhlas daripada orang ramai. Sebab itu satu Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 yang baru telah dikemukakan kepada Dewan ini pada 2hb Disember. Pindaan yang baru ini mengandungi pindaan-pindaan terhadap pindaan yang dibuat dalam Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) yang dikemukakan bagi bacaan kali yang

pertama pada 27 Oktober 1986. Pindaan yang baru ini bertujuan mengurangkan lagi jenis-jenis dokumen yang disenaraikan dalam Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen, Kerajaan dan saya juga tidak keliru atau confuse sedikit pun apabila membuat undang-undang. Kita membuat peruntukan yang cukup dan menggunakan perkataan yang tepat apabila menggubal undang-undang. Tetapi pihak-pihak lain masih boleh membuat tafsiran yang lain. Mungkin juga undang-undang yang tertulis dibelakangkan kerana ingin mendaulatkan undang-undang yang tidak tertulis. Amalan di negara lain boleh menjadi contoh tetapi jika kita mempunyai undang-undang tertulis, sepatutnya yang tertulis inilah yang digunakan. Jika tidak, maka sia-sia sahajalah kita membuat undang-undang.

Kerajaan tidak berasa "frustrated" asalkan pertimbangan dibuat dengan penuh ilmiah dan mengikut amalan yang sudah menjadi peraturan dan tradisi bagi sesuatu institusi. Yang mendukacitakan ialah apabila pertimbangan dibuat kerana lain-lain sebab.

Dalam demokrasi kita membahagi-bahagikan kuasa untuk menjamin keadilan berlaku. Bagi Parlimen yang membuat undang-undang, kita terdedah kepada kehendak rakyat. Lima tahun sekali di negara ini, Ahli-ahli Parlimen ditemuduga semula oleh rakyat. Jika ahli itu tidak menjalankan tugasnya dengan memuaskan, maka ia tidak akan dipilih semula. Demikian juga jika parti yang menjadi Kerajaan tidak dapat memuaskan kehendak rakyat, maka Parti yang menjadi Kerajaan itu boleh dijatuhkan dalam pilihanraya.

Tentulah tidak adil jika Ahli-ahli Parlimen dan Kerajaan boleh menentukan nasibnya sendiri. Tentulah keadilan sukar dicapai jika

Parlimen boleh mendakwa sesiapa yang mengecam atau menegur Parlimen atau Kerajaan atau Ahli Parlimen, membicara dan menghukum sendiri pihak yang dituduh. Lebih tidak adil lagi ialah apabila Parlimen dan Ahli-ahlinya yang diberi keistimewaan bercakap dengan bebas dalam Dewan, menggunakan kebebasan itu untuk mencela orang lain yang tidak mungkin berpeluang menjawab celaan itu. Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen tidak boleh mencabul hak rakyat biasa dengan sewenang-wenangnya kerana perbuatan ini merupakan "abuse of rights" oleh Parlimen atau Ahli-ahli Parlimen. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *privilege is not meant to be abused*, oleh apa-apa institusi sekalipun.

Dalam demokrasi amat penting sekali institusi-institusi tidak menyalah-gunakan kuasa yang diberi kepadanya. Sebaliknya, institusi-institusi ini harus bertindak tegas dan adil dan tidak mencari populariti jika sesuatu demokrasi itu ingin maju dan kekal dan institusi itu tidak mahu maruah dan kredibilitinya hilang.

Apabila undang-undang digubal oleh Parlimen, dan ini adalah hak Parlimen, tujuannya jelas. Seseorang yang mungkin keliru boleh merujuk kepada ucapan anggota yang memperkenalkan undang-undang kepada Parlimen dan perbahasan yang berlaku untuk mengetahui maksud undang-undang berkenaan. Jika ini dibuat, tidak akan timbul kekeliruan di pihak sesiapa dan keadilan akan wujud.

Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini telah dikaji dengan teliti oleh Kerajaan dengan mengambilkira pandangan yang ikhlas yang dibuat oleh rakyat. Sehingga kini telah dibentangkan tiga draf undang-undang ini, hasil daripada teguran

orang ramai terhadap peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Kepada mereka yang membuat teguran yang ikhlas Kerajaan mengucapkan terima kasih.

Tidak sesiapa pun boleh menafikan bahawa Kerajaan terpaksa merahsiakan sebahagian daripada urusannya. Sebenarnya, semua pertubuhan, termasuk parti politik DAP sekalipun, bahkan orang perseorangan pun perlu merahsiakan sebahagian daripada apa yang dilaku atau dirancangan. Umpamanya, tidak akan ada perniagaan jika bank dan syarikat tidak dibolehkan merahsiakan sebahagian daripada urusan mereka. Sebab itu dalam Banking Act terdapat peruntukan bahawa segala transaction antara bank dengan pelanggan mereka adalah rahsia.

Dalam dunia akhbar, rahsia amatlah penting. Akhbar biasanya tidak mahu memberitahu siapa yang menulis sebahagian daripada surat-surat atau rencana-rencana yang disiarkan oleh mereka. Pemberita pula sering mencari punca-punca berita dan kadang-kadang menyiarkan komen oleh apa yang disebut sebagai "sumber yang boleh dipercayai". Apabila ditanya siapakah punca sesuatu maklumat atau berita itu, mereka berkata ini adalah rahsia dan mereka tidak boleh memberitahu sesiapa punca itu untuk memelihara punca tersebut. Kadang-kadang tidak ada punca sebenarnya (*Ketawa*)—hanya maklumat yang dicipta—dan ini juga rahsia. Justeru itu, akhbar dan pemberita lebih faham akan pentingnya rahsia dalam sesuatu urusan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sebagai Ketua Pembangkang, telah menulis surat kepada saya untuk menyemak Minit Mesyuarat Jemaah Menteri serta perjanjian berkenaan dengan

Maminco. Sepertimana termaklum, minit mesyuarat dan kertas berkaitan adalah Rahsia Kerajaan. Ketua Pembangkang tidak berhak menyemaknya. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Minta penjelasan. Adakah Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takut bahawa kalau minit itu dilihat dan perjanjian itu dibaca akan menunjukkan bahawa versi-versi Kerajaan mengenai penubuhan Maminco itu adalah palsu. Bahawa sebenarnya penubuhan Maminco ialah pada tahun 1981 dan tidak benar bekas Perdana Menteri ada kena-mengena dalam keputusan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat itu bersabar sedikit bolehlah saya jelaskan tentang takut atau tidak takut Kerajaan ini. (*Tepuk*)

Dengan membuat permohonan ini, Ketua Pembangkang meletakkan saya dalam keadaan serba salah. Kalau saya tidak membenarkan beliau menyemak, maka saya mungkin dituduh menyembunyikan sesuatu. Sebaliknya, jika saya membenarkan beliau menyemak, maka ini akan menjadi satu precedent di mana Ketua Pembangkang dan ahli-ahli lain, kerana berbagai sebab, juga berhak menyemak Minit Mesyuarat Jemaah Menteri dan lain-lain dokumen Kerajaan. Dengan ini, segala rahsia Kerajaan tidak mungkin menjadi rahsia lagi.

Saya tidak berhasrat membenarkan sesiapa yang tidak berhak menyemak dokumen rahsia Kerajaan semata-mata kerana ingin mengelak daripada Kerajaan dituduh melakukan sesuatu yang curang. Walau bagaimanapun, dalam perkara Maminco ini Kerajaan sanggup membenarkan bekas Perdana Menteri menyemak minit dan perjanjian antara Marc Rich dan Maminco kerana minit tersebut

tidaklah rahsia kepada beliau— (*Tepuk*). Dengan itu, beliau boleh mengetahui sama ada kenyataan Kerajaan dalam Dewan ini benar ataupun tidak. Terpulanglah kepada bekas Perdana Menteri untuk membuat kenyataan tentang kebenaran apa yang dimaklumkan kepada Dewan ini oleh Timbalan Menteri Kewangan. Saya ingin menjelaskan juga bahawa Timbalan Menteri Kewangan tidak berhak membaca Minit Mesyuarat Jemaah Menteri. Beliau cuma diberi maklumat tertulis berkenaan dengan kandungan minit itu bagi tujuan menjawab soalan di Dewan ini. Oleh kerana beliau tidak berhak mendapat Minit Mesyuarat Jemaah Menteri yang sepenuhnya, maka tidak dapatlah beliau memberikannya kepada sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Amat Berhormat, ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Amat Berhormat, bilakah rakyat boleh membaca Minit-minit Mesyuarat Jemaah Menteri, berapa tahun yang diperlukan untuk membukakannya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah, barang di jauhi Allah, DAP menang jadi Kerajaan, mereka boleh bacalah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya membuat huraian tentang kepentingan rahsia dalam masyarakat ialah supaya orang ramai akan sedar bahawa rahsia adalah sebahagian daripada keperluan urusan masyarakat. Jika kita tahu apa yang ada dalam hati tiap-tiap orang dalam dunia ini, keamanan tidak akan wujud. Tidak ada siapa yang akan ada kawan seorang pun, malahan suami dan isteri tidak akan dapat mendirikan rumah tangga yang berbahagia.

Rahsia perlu bagi masyarakat. Dalam urusan Kerajaan atau perniagaan mungkin ada orang yang akan menyalah-gunakan hak merahsiakan urusan ini. Untuk ini ada cara-cara lain bagi mengesan dan bertindak. Tetapi merahsiakan urusan mesti dibuat jika Kerajaan, atau perniagaan atau orang perseorangan, hendak menguruskan kerja-kerja mereka. Jika rahsia-rahsia ini dibongkarkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau yang mempunyai kepentingan yang lain, maka segala urusan dan rancangan masyarakat akan gagal. Dalam keadaan ini tentulah masyarakat akan menjadi kucar-kacir dan tidak akan maju dan mara ke hadapan. Untuk mengelakkan kucar-kacir inilah maka hukuman terpaksa dijatuhkan ke atas sesiapa yang membocorkan rahsia Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu adalah mustahak bagi Akta Rahsia Rasmi 1972 itu dipinda:

- (1) untuk menjelaskan apa dia "rahsia rasmi" dengan memasukkan takrif kepada perkataan-perkataan itu;
- (2) dengan mengadakan takrif lebih tepat perkataan "rahsia rasmi" bersama dengan kuasa Menteri untuk meminda Jadual seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang. Kuasa juga diberi kepada Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri dan pegawai-pegawai awam yang tertentu untuk mengelas semula atau declassify rahsia rasmi Kerajaan. Adalah diharapkan dengan pindaan ini orang ramai akan lebih terlindung daripada dituduh membocorkan rahsia Kerajaan dan kepentingan negara akan lebih terpelihara;
- (3) untuk menentukan bahawa sesuatu dokumen atau maklumat rasmi itu adalah benar-benar "rahsia rasmi"

dengan mengadakan perakuan yang mana tidak boleh lagi dipersoalkan di dalam Mahkamah. Sebenarnya peruntukan ini tidak mengubah keadaan yang ada sekarang. Sekarang ini, sebagaimana juga yang telah diputuskan oleh sebuah Mahkamah, semua dokumen atau maklumat yang ada di tangan Kerajaan tidak boleh dilepaskan atau diberikan kepada orang awam melainkan dengan izin Kerajaan. Dalam lain perkataan, semuanya itu adalah "rahsia" melainkan ianya dilepaskan dengan kebenaran atau izin Kerajaan. Peruntukan baru ini cuma bertujuan untuk menjelaskan lagi bahawa cuma Kerajaan sahaja yang benar-benar mengetahui pada saat dan ketika mana sesuatu dokumen atau maklumat itu sepatutnya dijadikan rahsia. Dengan adanya peruntukan ini cuma Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri dan pegawai-pegawai awam atasan yang tertentu sahaja yang diberi kuasa untuk membuat perakuan itu;

- (4) untuk menjelaskan lagi akan hak pegawai-pegawai awam sekiranya dituduh, peruntukan diadakan supaya mereka tidak lagi mempunyai perasaan takut-takut atau kuaratir apabila mereka perlu melepaskan maklumat-maklumat yang ada di tangan mereka dalam menjalankan tugas rasmi mereka;
- (5) untuk memastikan supaya terdapat satu hukuman minima penjara bagi tempoh satu tahun untuk menunjukkan betapa serius dan beratnya kesalahan-kesalahan itu dan pesalah-pesalah yang didapati salah diberi hukuman yang setimpal;

- (6) penalti-penalti yang terdapat di Seksyen 11 dan 12 sekarang ini menentukan tempoh maksimumnya tidak lebih daripada 3 tahun di penjara tidak mencukupi dan ini tidak akan dapat mencegah orang-orang daripada melakukan kesalahan-kesalahan itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya tempoh maksima penalti bagi kedua-dua Seksyen itu dinaikkan daripada 3 kepada 7 tahun.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa setiap undang-undang itu dibuat setelah pelbagai perkara dan masalah diambil kira semoga matlamatnya tercapai dengan tidak mengorbankan soal keadilan. Kerajaan akan memastikan bahawa Akta Rahsia Rasmi ini akan dikuatkuasakan dengan adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

4.47 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ini yang menganggotai Parlimen Ke 7 selepas dimandatkan pada 3hb Ogos tahun ini berkumpul di sini hari ini untuk

memungkir ikrar atau sumpah yang mereka telah membuat kira-kira dua bulan dahulu iaitu pada 6hb Oktober, 1986. Ahli-ahli Parlimen Malaysia mungkin mempunyai kuasa pengingatan yang begitu singkat ataupun ikrar-ikrar yang dibuat atau sumpah yang diangkat tidak membawa sebarang erti atau makna sebenar.

Biarlah saya memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen ini tentang ikrar murni yang mereka membuat untuk "menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur, dengan segala daya upaya saya, bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya".

Biarlah semua Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen memeriksa hati dan sanubari mereka untuk menyuarakan kata hati dan batin serta menyoalkan diri sendiri tiga soalan yang berikut:

- (1) Apakah kita semua menjalankan tugas-tugas kita dengan penuh kesanggupan apabila kita tidak berani untuk mempersoalkan dan juga mengundi menentang Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) yang, dengan izin, draconian, undemocratic and repugnant, walaupun kita mempersetujui apabila dalam perbincangan secara perseorangan bahawa tidak sebarang justifikasi untuk menggubal Rang Undang-undang ini? Tetapi, apabila datang ke Dewan ini semua tunjuk tangan, kaki pun tunjuk. (*Tepuk*)
- (2) Apakah kita menunjukkan ketaatsetiaan kita kepada Malaysia, apakah kita berdedikasi kepada matlamat Rukunegara untuk membentuk sebuah masyarakat yang

bersatu-padu, demokratik, adil, liberal dan progresif apabila kelulusan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) akan membawa negara kita ke satu tahap authoritarianisme yang baru?

- (3) Apakah kita memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Malaysia apabila Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini akan, mengikut kata-kata Hakim Besar Malaysia, Tan Sri Abdul Hamid Omar, menjadikan prinsip kebebasan untuk berucap sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan tidak bermakna akibat pencerobohan-pencerobohan, campurtangan atau sekatan-sekatan yang berlebihan terhadap prinsip yang murni ini.

Sekiranya Parlimen mahu meluluskan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) dengan tidak menghiraukan bantahan umum yang begitu hebat, maka Dewan ini akan menjadi pengancam, pengguling dan pemusuh kepada hak-hak asasi, demokrasi dan Perlembagaan Malaysia.

Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa semua Ahli Parlimen adalah berhak untuk menentukan sama ada mahu sokong atau mahu tentang. Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional sudah sampai kepada satu tahap di mana tak perlu Whip pun, tak perlu Whip, satu keadaan whipless Whip pun cukup (*Tepuk*), untuk memaksa semua untuk mematuhi arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana beliau memberi satu taklimat khas kepada Ahli-ahli Parlimen. Sebelum itu ada suara menentang, ada suara menyatakan bahawa Rang Undang-undang itu tidak adil, tetapi apabila

dalam taklimat itu nampaknya “whip” ditunjuk, semua suarapun hilang (*Tepuk*) dan sungguhpun Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa tanpa Whip digunakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun, beri jalan?

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bertanya Ahli Yang Berhormat, jika dia sudah pinda ucapannya selepas Rang Undang-undang baru dibentangkan di sini. Nampaknya ucapan tidak dipinda, ucapannya itu seperti dahulu.

Beberapa Orang Ahli: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan itu nampaknya mahu menunjuk-nunjuk apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di sini, harap dia boleh naik pangkatlah (*Ketawa*), tetapi tak ada chance. Dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Kerajaan sudah mengkaji sedalam-dalamnya Rang Undang-undang ini tetapi kalau begitu, kenapa apabila ada bantahan yang kuat oleh orang ramai, oleh pertubuhan-pertubuhan barulah satu mesyuarat dipanggil di mana satu taklimat diberi kepada Menteri-menteri, oleh Kamar Peguam Negara. Ini menunjukkan bahawa apabila Kabinet meluluskan, menyokong Rang Undang-undang ini dan dibentangkan dalam Parlimen ini, bahawa Menteri-menteri tak faham, tak faham.

Dato' S. Samy Vellu: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Sebagai seorang Menteri dalam Kabinet, saya boleh akui tidak ada satu penjelasan seperti itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ada satu briefing oleh pegawai-pegawai Peguam Negara, itulah kita dapati, mungkin “secret briefing”, satu taklimat yang sulit, yang rahsia. Itu lagi pun rahsia, rahsia untuk Kabinet. Tak boleh tunjuk, tak boleh akui, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, minta penjelasan? (*Ketawa*) Silakan, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah betul Parti MIC jadi satu parti termasuk pemimpin parti itu tidak ada “back-bone”, dengan izin, untuk bangkang apa yang dibentangkan oleh UMNO dalam Dewan ini? Adakah benar dan betul?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. (*Ketawa*) Itu benar.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini cuma satu rang undang-undang yang ringkas sahaja tetapi tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia apabila institusi-institusi serta batu asas sistem demokrasi diancam dengan begitu seriusnya oleh edisi ketiga Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) yang mempunyai sembilan fasal seperti mana dibentangkan pada hari Selasa lalu.

Saya akan menjejaskan dalam ucapan saya sebentar lagi mengapa edisi ketiga Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 ini tidak jauh berbeza dengan kedua-dua edisi yang telah dibentangkan dahulu kerana ia masih mengekalkan unsur-unsur yang, dengan izin, draconian, repugnant and obnoxious.

Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini telah menolak dengan sebulat-bulatnya ikrar pilihanraya Barisan Nasional untuk menjadi Pembela Rakyat serta menimbulkan tanda-tanda soal tentang komitmen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila ia mula menjadi Perdana Menteri dalam bulan Julai 1981 untuk menjamin satu pentadbiran yang bersih, cekap dan beramanah serta Kerajaan yang terbuka dan liberal.

Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini adalah satu serangan yang tidak pernah berlaku ke atas institusi-institusi serta prinsip-prinsip yang penting iaitu Parlimen serta Kehakiman dengan merebut kuasa-kuasa mereka supaya dapat memusatkan kuasa dalam Eksekutif, menyerang doktrin pemisahan kuasa, kebebasan akhbar, jaminan Perlembagaan terhadap kebebasan asasi, fahaman dan sistem demokrasi, prinsip sebuah Kerajaan yang terbuka, bertanggungjawab dan accountable, kewibawaan umum, kemaruahan dan negara yang bebas daripada rasuah.

Sudah menjadi kebiasaan bagi pemimpin-pemimpin Kerajaan untuk mengisytiharkan bahawa rakyat Malaysia mesti membebaskan diri sendiri daripada gari-kaki, dengan izin, "fetters" warisan kolonial dan juga Memandang Ke Timur. Tetapi di sebaliknya, Kerajaan seolah-olah hanya berminat untuk menggunakan garikaki warisan kolonial untuk lebih menyekat rakyat Malaysia dan sering

menganggap undang-undang kolonial sebagai "Kebenaran al-Kitab" dan sumber segala kebijaksanaan.

Janganlah kita terlupa bahawa Akta Rahsia Rasmi Malaysia dibentukkan berdasarkan Akta Rahsia Rasmi Britain yang digubal kira-kira 75 tahun dahulu pada tahun 1911 dan kini nampaknya kita masih membiarkan negara kita dipengaruhi oleh roh dan semangat bekas penjajah kita itu.

Di United Kingdom dan lain-lain sistem berparlimen, terdapat satu kecenderungan ke arah lebih liberalisation dan pengaliran maklumat dengan lebih bebas, tetapi di Malaysia, Kerajaan melakukan sebaliknya dan cuba menghambakan lagi rakyat Malaysia dengan Akta Rahsia Rasmi yang begitu dahsyat yang kemungkinan akan memberi kepuasan kepada kolonialis yang tersombong sekali. Sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat dan demokratik, kita seharusnya mendemokratikkan perundangan serta masyarakat dengan cara-cara demokratik dan bukan menjadi lebih kolonialis daripada kolonialis yang paling dahsyat dengan menyempurnakan undang-undang kolonial supaya menjadi jentera, dengan izin, "monstrous" penindasan dan penekanan yang lebih mendahsyatkan lagi.

Dalam meluluskan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) kita tidak boleh berbangga bahawa kita adalah lebih baik, lebih bebas dan lebih demokratik berbanding dengan kolonialis, tetapi sebaliknya kita lebih dahsyat lagi kerana walaupun dalam era penjajahan yang tergelap sekali dalam sejarah pun kita tidak pernah ada sebuah Akta Rahsia Rasmi yang menetapkan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya satu tahun bagi sebarang kesalahan di bawah Akta ini. Biarlah kita jangan lupa bahawa Akta Rahsia Rasmi, 1972

adalah percantuman Ordinan Rahsia Rasmi 1950 dan juga Ordinan sedemikian yang dikuatkuasakan di Sabah dan Sarawak.

Saya mencabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyatakan negara manakah yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang mempunyai satu undang-undang yang sebegitu dahsyat seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan di mana diadakan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya satu tahun kerana mendedahkan maklumat rasmi yang tidak ada kaitan dengan espionage atau pengintip-pengintip? Saya rela memberi jalan kalau beliau boleh memberikan nama, menamakan satu negara.

Saya sudah pasti bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak dapat menyebut sebarang negara pun. Mengapakah kita begitu asyik melakukan kekejian antarabangsa untuk melayakkan diri supaya dapat dicatat namanya dalam "Guinness Book of Records", dengan izin, sebagai negara yang unggul di dalam dunia berparlimen Commonwealth yang mempunyai Akta Rahsia Rasmi lengkap dengan unsur-unsur yang terdahsyat, tidak berdemokratik dan mencelakakan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Adakah Yang Berhormat berpendapat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk dahulu Yang Berhormat dari Tanjong. Boleh beri?

Tuan Lim Kit Siang: Belum beri. (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum beri, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Perdana Menteri: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, dia berani.

Tuan Lim Kit Siang: Baik!

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di waktu ini Kerajaan Great Britain sedang kluatir kerana ada sebuah buku yang akan dicetak di Australia berkenaan dengan kegiatan Ketua Pengintip British di waktu dahulu dan Kerajaan Britain sekarang ini cuba mengambil tindakan di luar daripada negaranya. Sebaliknya kita cuma bercakap berkenaan dengan negara kita sahaja. Jadi, ada negara yang lebih daripada kita. (Tepuk)

Tuan Lim Kit Siang: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya tidak ada jawapan, mahu main-main sahaja. Soalan saya ialah, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menamakan satu negara di mana ada mewajibkan penjara sekurang-kurangnya satu tahun oleh kerana mendedahkan, melahirkan maklumat-maklumat yang tidak kena-mengena dengan espionage dan pengintipan. Kes di Sydney, Australia itu ialah mengenai espionage, mengenai MI5. Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak faham. (Ketawa)

Dato' Saidin bin Haji Pat Piah: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Saidin bin Haji Pat Piah: Penjelasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehlah. Nanti tidak beri dia chance pun susah.

Dato' Saidin bin Haji Mat Piah: Saya ingin mendapat penjelasan. Mana lebih bermaruah bagi sebuah negara, adakah kerana kita ikut sistem negara lain lebih maruah daripada kita membentuk satu sistem yang sesuai dengan keperibadian kita sendiri?

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa tidak ada apa-apa hendak dibanggakan kalau kita mahu tubuh satu sistem neraka di dunia kita. Saya rasa saya mahu teruskan.

Dato' Saidin bin Haji Mat Piah: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak berilah.

Tuan Lim Kit Siang: Neraka cukuplah.

Dato' Saidin bin Haji Mat Piah: Tunjuk bukti dia.

Tuan Lim Kit Siang: Buktikah? Rang Undang-undang ini ialah buktinya. (*Ketawa*)

Dato' Saidin bin Haji Mat Piah: Itu bukan bukti, itu cakap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Terdapat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada lagi yang bangun di sana, boleh beri tak?

Tuan Lim Kit Siang: Sampai akhir, baru saya boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri sampai akhir. Saya beri notis, masa untuk interruption boleh datang.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat pelbagai bantahan-bantahan terhadap Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) dan saya akan menyentuh satu demi satu bantahan ini.

Bantahan pertama: Penafian Jaminan Perlembagaan tentang Kebebasan Berucap dan Melahirkan Pendapat.

Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) telah menafikan serta mengancam peruntukan Perkara 10 (1) (a) mengenai kebebasan berucap dan melahirkan pendapat sepertimana terjamin dalam Perlembagaan Malaysia, Pengetahuan, Tuan Yang di-Pertua, adalah kuasa dan kebebasan mendapat maklumat digambarkan sebagai unsur kewajipan kepada kebebasan berucap dan melahirkan pendapat kerana tanpa maklumat hak kebebasan berucap dan melahirkan pendapat tidak bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata bulan lepas bahawa orang ramai boleh mengkritik Kerajaan dengan bebas tetapi mereka tidak boleh membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan.

Rakyat kita tidak dapat menggunakan hak mereka untuk mengkritik atau berucap dalam "vacuum", dengan izin, sekiranya mereka dihalangi untuk memperoleh

maklumat, fakta-fakta dan data-data. Sekiranya ada Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen yang tidak memahami bahawa penafian terhadap kebebasan mendapat maklumat, maka ia adalah serupa dengan penafian secara langsung terhadap kebebasan berucap dan bersuara, dan dengan itu orang yang berkenaan saya rasa tidak layak menjadi Menteri atau Wakil Rakyat. Saya tidak percaya bahawa Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen kita adalah orang yang daif. Sebaliknya Kerajaan meletakkan penghormatan menyelubungi untuk mendapat maklumat Kerajaan kerana semua Menteri dan Ahli-ahli Parlimen memahami kesamaan (equation) yang wujud di antara kebebasan mendapat maklumat dengan kebebasan berucap.

Berhubung dengan perkara ini, benarkan saya menyatakan suatu hakikat. Pihak DAP menyokong sepenuhnya undang-undang yang bertujuan untuk membanteras pengintip-pengintip, penderhaka-penderhaka dan mereka yang menjual rahsia yang menjejaskan pertahanan, keselamatan dan kebaikan ekonomi Malaysia sama ada kerana keuntungan "mercenary" atau kerana tidak taat setia kepada Malaysia. Akan tetapi, apa yang sedang kita berbincang serta menentang sekuat-kuatnya pada hari ini bukanlah kategori maklumat ini, tetapi tentang maklumat mengenai perjalanan Kerajaan secara am yang mana pendedahannya tidak akan menjejaskan keselamatan negara, pertahanan atau kebaikan ekonomi tetapi hanya mungkin untuk, embarrass Kerajaan dalam membongkar sebarang ketidackecapan, amalan rasuah, kesalahan atau salah-anggapan Menteri-menteri, pemimpin-pemimpin politik atau kakitangan-kakitangan awam. Mengapakah kategori maklumat Kerajaan ini patut dilindungi oleh undang-undang serta hukuman jenayah satu tahun penjara mandatori?

Peguam Negara dalam akhbar *The New Straits Times* pada hari ini telah menegaskan bahawa hukuman penjara mandatori satu tahun bagi kesalahan-kesalahan telah diperkenalkan kerana definisi "rahsia rasmi" telah "semakin sempit". Beliau kata Kerajaan telah menyempitkan klasifikasi "rahsia rasmi" kepada tiga kumpulan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini, yakni "keperluan melahirkan suatu hukuman yang wajar bagi pendedahan atau penggunaan-penggunaan maklumat serta dokumen-dokumen berkenaan."

Dalam justifikasi serta penerangannya bagi hukuman penjara mandatori satu tahun, Peguam Negara, saya rasa, adalah tidak jujur dan menyesatkan. Pertama, ingin saya menjelaskan bahawa hukuman penjara mandatori satu tahun ini telah diperkenalkan bukan kerana klasifikasi "rahsia rasmi" yang tersempit, tetapi kerana beliau berasa tidak puas hati, dan nampaknya mungkin dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana gagal mendapat hukuman penjara ke atas kelima-lima orang yang sehingga kini telah dituduh dan disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi, khususnya, kegagalannya untuk mendapatkan saya dipenjarakan di bawahnya serta menyebabkan saya hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen yang terpilih.

Pada bulan Mei tahun ini, Peguam Negara telah ditemuduga dalam rancangan Hal Ehwal Semasa, dan jelaslah dari temuduga tersebut bahawa beliau masih terganggu oleh hakikat bahawa denda kelima-lima tuduhan Akta Rahsia Rasmi ke atas saya pada tahun 1978 yang sepatutnya menyebabkan saya hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen malah juga hilang hak mengundi selama lima tahun, telah diturunkan oleh

Mahkamah Persekutuan ke bawah tahap hilang kelayakan sebanyak \$2,000.

Adalah jelas bahawa dalam kes saya, beliau mungkin ingin lihat saya dihukum penjara minima 5 tahun bagi kelima-lima tuduhan, walaupun saya hanya cuba menjalankan tanggungjawab awam dengan menarik perhatian kepada perbelanjaan keterlaluan dalam pembelian 4 bot-bot pembinasu laju SPICA-M buatan Sweden pada harga \$166 juta, yang akhirnya diturunkan kepada \$157 juta dan dengan itu menjimatkan \$9 juta.

Cadangan bagi hukuman penjara mandatori satu tahun ini telah dibentangkan di dalam versi Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) yang asal pada bulan Mac yang tidak mengandungi sebarang "penyempitan" kelassifikasi "rahsia rasmi". Latar belakang ini mematahkan hujah-hujah Peguam Negara bahawa hukuman penjara mandatori satu tahun ini adalah perlu memandangkan klasifikasi "rahsia rasmi" yang menyempitkan. Malah, bagi memberi justifikasi kepada hukuman penjara ini, Peguam Negara serta Kerajaan telah cuba meredakan bantahan awam dengan memberikan suatu klasifikasi "rahsia rasmi" yang nampaknya lebih menyempitkan.

Sebenarnya, klasifikasi rahsia rasmi yang dikatakan sebagai "lebih menyempitkan" atau "restricted" dalam versi ketiga Rang Undang-undang di hadapan kita ini adalah khayalan sahaja.

Pertamanya, Peguam Negara telah menasihatkan orang ramai lagi apabila beliau mendakwa bahawa klasifikasi rahsia rasmi dikurangkan kepada tiga kumpulan dalam Jadual Rang Undang-undang ini. Ini kerana di bawah Seksyen 2 dalam Akta yang dipindahkan amatlah jelas bahawa selain daripada rahsia rasmi yang dijadualkan atau "schedule", lain-lain maklumat Kerajaan yang tidak

dijadualkan, tetapi diklasifikasikan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad" oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pegawai awam yang diperakukan berbuat demikian juga akan menjadi "Rahsia Rasmi". Saya tidak menjadi hairan sekiranya rahsia rasmi dalam kategori yang tidak dijadualkan atau bukan dalam Schedule melebihi rahsia terjadual atau rahsia schedule dengan beberapa kali ganda.

Tambahan pula, rahsia yang tidak dijadualkan boleh menjadi rahsia yang terjadual dengan mudahnya sekiranya Menteri berkenaan menggunakan kuasa-kuasa yang berada dalam seksyen 2A baru yang membolehkannya untuk menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual dengan memerintah ia disiarkan dalam Warta. Dengan menggunakan seksyen 2A, keempat-empat kumpulan maklumat dalam Jadual yang telah ditarik balik itu boleh dikedalkan kembali dengan disiarkan dalam Warta tanpa memperolehi kelulusan, sebenarnya satu perampasan ketara kuasa-kuasa Parlimen yang saya akan menyentuh kemudian.

DAP juga tidak bersetuju ketiga-tiga kumpulan maklumat yang masih terkandung dalam Jadual yang secara automatik menjadikan dokumen-dokumen itu rahsia rasmi, iaitu "Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Jemaah Menteri:

"Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Suratan berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa.”

Sebagai contoh, mengapa semua suratan mengenai keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa harus diisytiharkan secara *ipso facto* sebagai rahsia rasmi?

Hanya pendedahan yang memprejudis atau memudharatkan keselamatan negara, pertahanan dan perhubungan antarabangsa berhak untuk diberi perlindungan dalam sebuah demokrasi. Tetapi maklumat mengenai pembelian alat-alat pertahanan di mana amalan rasuah dan amalan-amalan curang terlibat tidak harus dibenarkan mendapat perlindungan di bawah Akta Rahsia Rasmi atau dalam Jadual.

Satu contoh yang jelas mengenai ini ialah kes saya sendiri bersabit dengan Akta Rahsia Rasmi. Sungguhpun tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut mengenai kes ini yang berkata bahawa pendakwaan ada dibuat atas kepentingan awam, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan sebarang bukti bahawa pendedahan maklumat oleh saya mengenai pembelian 4 buah kapal penyerang laju SPICA-M mungkin atau telah memudharatkan keselamatan negara dan pertahanan Malaysia, bolehkah? Bolehkah? (*Beberapa Orang Ahli: Tidak boleh*).

Mahkamah Persekutuan menyatakan dalam pembicaraan kes rayuan saya ini ialah Public Prosecutor Vs Lim Kit Siang bahawa, dengan izin:

“We do not hide from ourselves the fact that the details of the fire control system and of the engines installed in the capability of the craft are of possible utility to an enemy which seeks to destroy our naval defence and if such information had tended to endanger or had the effect of imperilling the security of the

country, we would have interfered by substituting a sentence of imprisonment or any fine that might have been imposed. But one has to be realistic and see the conditions. We could not but wonder whether the details provided in calling for tenders for the guns, missiles and launchers, available to anyone who applied for a tender form, had not largely removed the veil of secrecy from the ships' armaments. Also no one has suggested in any way that the information in the charges was useful to such enemies as this country has at the moment or in the foreseeable future. Neither has anyone submitted that the real intention of the effect of such revelations was to benefit the enemy or endanger the country. This is particularly true of the disclosure of the tender exercise and the financial provisions of the final contract.”

Dan ini menunjukkan apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata itu tidak benar, palsu. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan!

Perdana Menteri: Takut. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Tidak ada takut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menjelaskan bahawa saya akan jawab bila habis perbahasan, saya tak hendak berdialog. Di sini bukan majlis dialog, majlis perbahasan. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ada Peraturan Mesyuarat di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menggunakan untuk menjelaskan, kalau tidak, itu lain hal, bukan dialog, itu perbahasan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi perlindungan yang menyelubungi ke atas segala maklumat berkaitan dengan pertahanan, keselamatan negara dan perhubungan antarabangsa yang tidak akan memudharat atau memprejudiskan kepentingan-kepentingan tersebut, sebenarnya bererti memberi perlindungan yang menyelubungi ke atas rasuah, ketidaktanggungjawapan dan amalan-amalan curang. Malah dengan sikap sedemikian Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri akan berani datang ke Parlimen dan menolak pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Parlimen mengenai bidang-bidang yang termasuk dalam bidangkuasa Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar Negeri atau alasan bahawa perkara-perkara tersebut adalah rahsia-rahsia yang dijadualkan.

Kami menentang sebarang pengharaman yang bersifat menyelubungi dan tidak terhad ke atas dokumen-dokumen, rekod-rekod mengenai keputusan-keputusan dan perbincangan-perbincangan Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet. Kontroversi baru-baru ini mengenai permulaan syarikat MAMINCO dan operasi membeli bijih timah secara misteri di London dalam tahun 1981 adalah satu kes yang ketara sehubungan dengan ini. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa saya sebagai Ketua Pembangkang tiada hak untuk menyemak minit-minit Kabinet, saya minta bukan sebagai seorang Ketua Pembangkang, sebagai Wakil Rakyat Malaysia (*Tepuk*) dan maklumat Kabinet itu kalau tidak memudharatkan keselamatan negara ini ialah harta-benda rakyat Malaysia (*Tepuk*) dan bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet, peranan mereka sebagai "trustees" sahaja (*Tepuk*) dan kepentingan orang ramai akan lebih

mustahak daripada kepentingan pandangan-pandangan Menteri-menteri yang mahu memperlindungi maklumat-maklumat tersebut. Apakah Menteri-menteri Kabinet atau Timbalan-timbalan Menteri sekarang.

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Oh! tadi kata tak mahu cakap. (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat ilham daripada Yang Berhormat dari Jelutong selalu berhujah macam ini dalam Dewan, jadi saya pun kadang-kadang tertarik juga dengan cara dia (*Ketawa*), sebab itu saya bangun untuk bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang kita boleh ajar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan semakan minit mesyuarat itu, Ahli Yang Berhormat harus ingat bahawa bukan dia seorang sahaja yang mewakili rakyat, bahawa Ahli-ahli yang ada di sebelah sini dan di sebelah situ juga mewakili rakyat (*Tepuk*), bahkan rakyat yang lebih ramai lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Betul!

Perdana Menteri: Dan kami bercakap di sini mewakili rakyat yang lebih ramai (*Tepuk*), dan dalam sistem demokrasi, Tuan Yang di-Pertua, suara ramailah yang menentukan sesuatu. Jadi, kalau Ahli Yang

Berhormat menang di Tanjong, ia baru berhak bercakap di Tanjong sahaja. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Kalau begitu, Yang Amat Berhormat baru berhak balik di Kedah bercakap di Kubang Pasu sahaja. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Betul! betul!

Tuan Lim Kit Siang: Kita di sini atas prinsip-prinsip demokrasi, kita mewakili rakyat Malaysia, majoriti, minoriti. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang yang bangun di belakang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis. Saya mahu habis trend of thoughts saya, saya tak mahu diganggu oleh. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu habiskan trend of thoughts saya bahawa kita mewakili rakyat baikpun majoriti atau minoriti, setiap orang rakyat ada hak yang sama, tidak menggunakan alasan bahawa majoriti untuk menindas minoriti. Kalau begitu, ini bukan demokrasi majoriti, ini sudah menjadi tyranny of majority. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, apakah Menteri-menteri Kabinet atau Timbalan-timbalan Menteri sekarang harus dibenarkan menyembunyikan di sebalik alasan bahawa perkara-perkara tersebut adalah rahsia-rahsia yang dijadualkan dan dengan itu memberi maklumat-maklumat yang salah atau separuh benar kepada orang ramai di mana orang ramai tidak

mempunyai peluang atau, dengan izin, "avenues" untuk mendapat tahu apa yang sebenarnya berlaku? Sistem yang seumpama itu nescaya adalah bertentangan dengan sebuah Kerajaan yang terbuka, bertanggungjawab dan beraccountable.

Di sini saya hendak bertanya apakah kerosakan kepada negara akan wujud kalau saya boleh menyemak minit-minit mengenai perkara MAMINCO sahaja? Saya tak mahu baca lain-lain hal - MAMINCO sahaja oleh kerana ini telah menjadi satu perkara demi kepentingan orang ramai dan itulah yang lebih mustahak daripada apa-apa peraturan rahsia. Peraturan-peraturan rahsia ialah untuk demi kepentingan negara dan bukan untuk menjadi satu secret cult, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bantahan kedua terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah perampasan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Parlimen. Bantahan pokok yang kedua terhadap Akta Rahsia Rasmi ialah ianya melemahkan doktrin pemisahan kuasa di mana kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Parlimen dirampas. Kini terdapat satu konflik iaitu sama ada ini dicapai dengan mencero bohi kuasa-kuasa perundangan-perundangan yang ada pada Parlimen menerusi seksyen 2A yang berbunyi:

"Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini".

Dalam peruntukan seksyen ini perbincangan mengenai apa yang patut atau tidak patut disenaraikan dalam Jadual ini akan menjadi akademik semata-mata kerana walaupun Kerajaan boleh membuat kelonggaran-kelonggaran, namun ia masih boleh mengembalikannya dengan mudahnya jenis-jenis surat yang dikira rahsia dan ditarik balik itu

termasuk kategori-kategori baru yang tidak pernah dijadualkan dahulu sebaik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebenarnya, Kerajaan boleh bersetuju untuk menarik balik ketiga-tiga jenis maklumat yang masih ada dalam Jadual ini kerana ia mempunyai kuasa untuk mengisikan Jadual itu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan.

Tidak seorang Ahli Parlimen yang bermaruah—yang bermaruah boleh bersetuju untuk meluluskan satu undang-undang yang boleh menghakiskan tugas-tugas dan tanggungjawab Parlimen mereka. Ini tidak jauh berbeza dengan memperuntukkan satu seksyen dalam Akta Rahsia Rasmi dan memberi kuasa kepada pihak Eksekutif untuk menambah, memotong atau meminda mana-mana seksyen Akta Rahsia Rasmi melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* sekiranya didapati perlu. Itu cukup, tak payah kita ada Parlimen. Serahkan semua kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup, tak payah Parlimen.

Dengan adanya peruntukan seksyen 2A ini, kuasa tanggungjawab fungsi dan kedudukan Parlimen akan kian merosot dengan pihak Eksekutif merampas peranan Parlimen dan hari ini adalah hari yang paling menyedihkan bagi Parlimen Malaysia di mana para Ahli-ahli Parlimen dengan begitu gembira melakukan “hara kiri” (*Ketawa*), tetapi pun tak sedar melakukan “hara kiri” untuk menyerahkan lebih banyak lagi kuasa tanggungjawab dan fungsi-fungsi mereka kepada Badan Eksekutif.

Ingin saya mengingatkan semua Ahli-ahli Parlimen termasuk mereka dari Barisan Nasional yang mengatakan ada majoriti rakyat bahawa mereka telah dipilih untuk

menegakkan prinsip keagungan Parlimen dan kedaulatan kemahuan rakyat. Mereka akan gagal dalam tanggungjawab mereka kepada rakyat dan negara sekiranya mereka dengan sukarela bersama-sama dengan pihak Eksekutif membenarkan pihak Eksekutif merampas kuasa-kuasa mereka. Ini adalah kerana mereka akan memecah amanah rakyat serta Perlembagaan.

Semua Ahli-ahli Parlimen tanpa mengira parti-parti yang mereka anggotai harus membantah — kalau boleh membantah serta menentang seksyen 2A Akta ini atau menentukan bahawa kegunaan kuasa-kuasa oleh Menteri itu akan tertakluk kepada kelulusan oleh Parlimen.

Rakan saya, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah mencadangkan suatu pindaan memberi notis akan mencadangkan satu pindaan bahawa sebarang pindaan kepada Jadual mestilah dibentang serta diluluskan oleh Parlimen sebelum diwartakan oleh Menteri. Jika Barisan Nasional tidak cukup berani untuk menolak seksyen baru 2A yang dicadangkan ini, maka mereka mestilah bersedia untuk menyokong pindaan kepada seksyen baru ini untuk menentukan bahawa kuasa-kuasa Parlimen tidaklah diambilalih oleh pihak Eksekutif.

Bantahan pokok ketiga kepada Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini adalah serangannya ke atas doktrin pemisah kuasa-kuasa yang memberikan checks and balances yang sewajarnya dalam sebuah masyarakat demokratik yang merampas kuasa-kuasa kehakiman dan mengancam prinsip kebebasan kehakiman.

Saya amat memandang berat bahawa terdapat rasa ketidakpercayaan yang kian bertambah terhadap pihak kehakiman oleh Eksekutif seperti dicerminkan dalam temuramah Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dengan majalah "Times" bertarikh 24hb November, 1986 dan, dengan izin:

"The judiciary says (to us) 'Although you passed a law with a certain thing in mind, we think that your mind is wrong, and we want to give our interpretation'. If we disagree, the courts will say, 'We will interpret your disagreement.' If we go along, we are going to lose our power of legislation. We know exactly what we want to do, but once we do it, it is interpreted in a different way, and we have no means to reinterpret it our way. If we find out that a court always throws us out on its own interpretation, if it interprets contrary to why we made the law, then we will have to find a way of producing a law that will have to be interpreted according to our wish?"

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa semenjak merdeka dalam tahun 1957 tidak pernah wujud ketidakpercayaan oleh pihak Eksekutif terhadap pihak kehakiman yang begitu teruk. Ini mengingatkan saya akan kenyataan Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Reid tahun 1957 mengenai syor-syor ataupun, dengan izin, Constitutional Guarantees on Fundamental Rights, perenggan 161, dengan izin:

"161. A Federal constitution defines and guarantees the rights of the Federation and the States: It is usual and in our opinion right that it should also define and guarantee certain fundamental individual rights which are generally regarded as essential conditions for a free and democratic way of life. The rights which we recommend should be defined and guaranteed are all firmly established now throughout Malaya and it may seem unnecessary to give them special protection in the Constitution. But we have found in certain quarters

vague apprehensions about the future. We believe such apprehensions to be unfounded, but there can be no objection in guaranteeing these rights subject to limited expectations in conditions of emergency and we recommend that this should be done. The guarantee afforded by the Constitution is the supremacy of the law and the power and duty of the Courts to enforce these rights and to annul any attempt to subvert any of them whether by legislative or administrative action or otherwise."

Kini semakin jelas bahawa perasaan bimbang atau apprehensions mengenai keutuhan hak-hak asasi yang disuarakan oleh rakyat Malaysia atau Malaya kepada Suruhanjaya Reid kira-kira 30 tahun dahulu telah dibuktikan sebagai berasas kerana pihak Eksekutif kini cuba untuk meniadakan salah satu prinsip kardinal Perlembagaan kita dengan menyekat dan menghadkan kuasa dan tugas-tugas mahkamah untuk membatalkan sebarang percubaan melalui tindakan perundangan atau pentadbiran untuk mensubvert jaminan-jaminan Perlembagaan mengenai hak-hak asasi Perlembagaan.

Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) merampas kuasa-kuasa pihak kehakiman dan melemahkan kebebasan Badan Kehakiman menerusi:

- (1) hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya setahun, di mana para hakim tidak akan menghakimkan, mereka tidak akan dapat menggunakan kuasa pertimbangan budi bicara mereka, mereka tidak akan memainkan peranan yang bermakna dalam pentadbiran keadilan; dan
- (2) pengecualian hak pihak kehakiman untuk mengkaji semua sijil yang dikeluarkan

oleh seorang Menteri atau pegawai awam yang akan dianggapkan sebagai bukti konklusif bahawa sesuatu dokumen, maklumat atau bahan boleh ditakrifkan sebagai rahsia rasmi.

Bantahan keempat: Bunyi Loceng Maut untuk Kebebasan Akhbar.

Bantahan pokok kami yang keempat terhadap Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ialah kelulusannya akan menandakan bunyi loceng maut untuk kebebasan akhbar di Malaysia. Akhbar Malaysia tidak pernah menjadi terkenal atau terkemuka kerana kewartawanannya yang bebas dan bersifat "investigative" disebabkan suratkhbar dalam pelbagai bahasa kian banyak dimiliki oleh parti-parti komponen Barisan Nasional.

Perkembangan sihat sistem demokrasi di Malaysia memerlukan perkembangan akhbar yang lebih bebas, articulate dan bertanggungjawab yang mempunyai satu sumbangan yang berbeza dan "distinct" kepada negara dan bukan cuma menjadi, dengan izin, "appendage" kepada parti-parti pemerintah.

Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) tidak akan membenarkan perkembangan sihat ini tetapi sebaliknya ia akan menjadikan suratkhbar-suratkhbar kita tidak lebih daripada warta-warta Kerajaan disebabkan adanya peruntukan-peruntukan yang dahsyat dalam Akta Rahsia Rasmi ini.

Marilah kita ingat akan kata-kata Albert Camus yang berbunyi, dengan izin:

"A free Press may be good or bad, but a Press without freedom can only be bad. (*Tepuk*) For the Press as

for mankind, freedom is the opportunity for improvement; slavery is the certainty of deterioration."

Bantahan kelima: Tamatnya sebuah Kerajaan Yang Terbuka, Bertanggungjawab dan Accountable.

Bantahan pokok yang kelima terhadap Akta Rahsia Rasmi ialah kelulusannya akan menandakan tamatnya sebuah Kerajaan yang terbuka, bertanggungjawab dan accountable.

Walaupun dengan Akta Rahsia Rasmi yang sedia ada, kita mendapati begitu sukar untuk mendapatkan Kerajaan menjadi terbuka, bertanggungjawab dan accountable. Sebagai misalannya, Kerajaan tidak pernah secara rela menjadi pihak yang menjelaskan kepada rakyat tentang kewujudan pelbagai skandal di negara ini, seperti skandal KWSP-MAKUWASA, skandal pembelian bijih timah oleh Maminco dan skandal UMBC.

Sebaliknya, Kerajaan dipaksa untuk mendedahkan sedikit demi sedikit maklumat-maklumat mengenai skandal-skandal ini dan setakat ini rakyat Malaysia masih tertunggutunggu Yang Berhormat Menteri Kewangan mengotakan janjinya untuk memberi kenyataan penuh sebagai menjelaskan urusan saham UMBC yang membabitkan syarikat-syarikat keluarganya dalam tiga episod urusan yang berlaku dalam tahun 1984, 1985 dan 1986 termasuk harga yang dibayarkan oleh PERNAS untuk mendapat 51% saham UMBC, walaupun dua bulan telah lalu semenjak pembelian oleh PERNAS itu dilakukan.

Akta Rahsia Rasmi dengan Rang Undang-undang yang dicadangkan ini pernah dipanggil sebagai, dengan izin, "Charter for Corruption" atau satu Piagam bagi Rasuah kerana ia akan

melindungi rasuah, amalan-amalan curang serta kesalahan-kesalahan dalam Kerajaan dan di tempat-tempat atasan.

Selama ini, Menteri-menteri telah memberikan hanya satu alasan secara awam bagi mempertahankan Rang Undang-undang (Pindaan) ini, iaitu keperluan untuk memelihara dokumen-dokumen tawaran serta kontrak daripada dibocorkan. Ini adalah suatu masalah rasuah dan bukan satu masalah berhubung dengan rahsia rasmi. Jika Kerajaan benar-benar mengambil berat tentang masalah ini, ia patut meminda Akta Pencegahan Rasuah untuk menjadikan sebagai satu kesalahan rasuah bagi seseorang untuk beruntung daripada pendedahan maklumat-maklumat rasmi yang tidak dibenarkan.

Kini, seseorang yang bersalah atas tuduhan rasuah mungkin akan didenda sebanyak \$1,000 atau \$2,000 manakala seorang, dengan izin, "whistle-blower" yang patriotik yang mendedahkan maklumat mengenai rasuah-rasuah terpaksa menjalani hukuman penjara minimum selama setahun. Bukankah ini bererti bahawa ada sesuatu yang amat tidak kena dalam susunan keutamaan kita, tanggapan serta nilai-nilai moral serta etika kita?

Adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Pencegahan Rasuah untuk menjatuhkan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya setahun bagi sesiapa yang menggunakan maklumat Kerajaan untuk mendapat keuntungan atau faedah?

Sebuah Kerajaan yang bersih, beramanah dan accountable seharusnya memberi penghargaan kepada fungsi dan sumbangan yang diberi oleh "whistle-blower", dengan izin, yang memberi amaran tentang rasuah, penyalahgunaan dan pengabaian dengan risiko yang besar.

DAP ingin mengesyorkan supaya Perintah Am Kerajaan dipinda untuk menghendaki kakitangan Kerajaan mendedahkan penyelewengan-penyelewengan dan amalan-amalan rasuah sebagai menempatkan kesetiaan kepada prinsip-prinsip moral dan negara di tahap yang tertinggi yang mengatasi kesetiaan kepada orang-orang, parti atau Jabatan Kerajaan - kalau kita percaya nilai-nilai universal khasnya nilai-nilai Islam.

Inilah sebabnya mengapa kita menentang larangan yang menyeluruh terhadap pendedahan maklumat rasmi yang tidak dibenarkan. Kecuali maklumat-maklumat sensitif mengenai pertahanan dan keselamatan negara, haruslah diadakan satu fasal penyelamat atau saving clause di mana setiap orang yang membongkarkan "rahsia rasmi" boleh mempertahankan diri atau boleh menjadi satu defence dalam mahkamah bahawa ia bertindak demi kepentingan awam dan negara. Kalau tidak, satu "cult of secrecy", dengan izin, akan merangkumi seluruh Kerajaan dan mewujudkan satu suasana ketakutan dan kesenyapan yang bercanggah dengan sebuah Kerajaan yang demokratik, terbuka, bertanggungjawab dan accountable.

Kita telah diberi jaminan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Peguam Negara dan pemimpin-pemimpin yang lain bahawa rakyat tidak perlu merasa bimbang kerana Kerajaan tidak akan menyalahgunakan kuasa-kuasa yang terkandung di bawah Akta ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada mengulangi jaminan ini.

Biarlah saya nyatakan di sini bahawa rakyat jelata tidak lagi merasa senang dengan jaminan-jaminan Kerajaan ini kerana sekiranya kita mahu, kita boleh mencatatkan dalam

beberapa jilid buku tentang jaminan yang tidak dikotakan (*Tepuk*) serta janji-janji palsu yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Akta Keselamatan Dalam Negeri yang merupakan, dengan izin, "terror twin sister" ISA dan OSA pernah disalahgunakan di mana ramai rakyat Malaysia mengkritik atau membantah Kerajaan. Ahli Parlimen dari Kok Lanas pernah mendakwa bahawa beliau telah sengaja dituduh serta disalahkan di bawah ISA, dan kenyataan ini masih belum dinafikan atau dicabar oleh Kerajaan. Jika ISA boleh disalahgunakan untuk menahan seorang pemimpin UMNO, pastilah Kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk menggunakannya ke atas kritik-kritik serta pembangkang-pembangkang politik di luar parti memerintah seperti pernah berlaku.

Ketika ESCAR dicadangkan dalam tahun 1975, Peguam Negara ketika itu telah memberi jaminan bahawa beliau akan sendiri memutuskan setiap kes yang dibicarakan di bawah ESCAR untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan. Akan tetapi, seorang budak berumur 14 tahun nyaris digantung mati jika tidak kerana bantahan seluruh negara. Negara Malaysia yang terkejut selepas itu telah diberitahu bahawa Peguam Negara tidak pernah mengkaji semula kes budak itu sebelum dituduh.

Kedudukan darurat yang tetap serta "multiple" di Malaysia adalah salah satu lagi contoh ketara akan penyalahgunaan kuasa yang keterlaluan oleh Kerajaan. Kedudukan yang memerlukan keempat-empat Perisytiharan Darurat diisytiharkan iaitu konfrantasi Indonesia tahun 1964, krisis Ketua Menteri Sarawak, Stephen Kalong Ningkan, tahun 1966, Peristiwa Mei 13 tahun 1969 dan Krisis Kelantan tahun

1977, kesemuanya telah lama berhenti (*lapse*), tidak wujud lagi. Akan tetapi, Kerajaan masih enggan menyerah kalah serta enggan memansuhkan (*annul*) kuasa-kuasa darurat ini.

Buat selama-lamanya, rakyat negeri Sabah akan mengingatkan rusuhan, letupan bom, pembakaran demonstrasi haram yang berlaku dalam bulan Mac tahun ini serta bagaimana mereka yang terlibat sama ada dalam merancang atau melaksanakan jenayah-jenayah ini diberikan imuniti malah dihadiahkan dengan kedudukan-kedudukan politik yang tinggi. Bagaimanakah Kerajaan akan meyakinkan penduduk-penduduk Sabah bahawa Kerajaan tidak pernah menyalahgunakan kuasanya? Ataupun kita mengambil pula kes Akta Pencegahan Rasuah 1961. Penyalahgunaan undang-undang ini oleh Kerajaan begitu nyata sekali dengan menggunakannya secara sewenang-wenangnya dan selektif di mana Akta tersebut digunakan untuk mendakwa pencabar-pencabar yang mencabar mereka yang berkuasa, sementara orang-orang yang berasuah dalam kalangan pihak yang berkuasa tidak perlu takut sebarang pendakwaan di bawah Akta tersebut.

Kes saya di bawah Akta Rahsia Rasmi juga adalah satu contoh ketara di mana Kerajaan menyalahgunakan kuasanya di mana saya didakwa dan disabit walhal majalah *Far Eastern Economic Review* dan *ASEAN Defence Journal* dilepaskan dari dakwaan begitu sahaja. Saya telah menunggu selama 8 tahun untuk mendapatkan satu penjelasan mengenai perkara ini dan saya harap nanti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi satu penjelasan.

Akhirnya, cara bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dapat menjelajah di seluruh negara dan mengadakan rapat-rapat

umum raksaksa, tetapi peluang ini tidak diberikan kepada pihak Pembangkang dan kumpulan-kumpulan awam yang lain juga merupakan satu lagi contoh tentang penyalahgunaan kuasa oleh pihak Kerajaan. (*Tepuk*) semalam Polis Kuala Lumpur telah mengeluarkan satu amaran yang keras kepada orang ramai supaya jangan menyertai dalam perhimpunan rakyat di Dewan Perhimpunan Cina Selangor yang akan diadakan pada hari Ahad ini untuk membantah Rang Undang-undang Rahsia Rasmi serta untuk menunjukkan rasa pandang berat rakyat terhadap demokrasi dan hak-hak asasi serta keinginan mereka untuk mengadakan Akta Kebebasan Maklumat atau, dengan izin, Freedom of Information Act. Mengapakah pihak polis mengganggu atau menghalang satu perhimpunan rakyat yang aman dan teratur yang bertujuan menunjukkan rasa pandang berat dan harapan rakyat terhadap sistem demokrasi.

Adakah kita mempunyai keadaan di mana hanya pemuda UMNO sahaja boleh berkumpul dan berdemonstrasi, mengadakan perhimpunan-perhimpunan dan tunjuk-tunjuk perasaan sementara rakyat Malaysia yang lain dinafikan hak ini. Ia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, ya. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti boleh. Sekarang saya banyak lagi yang hendak dihabiskan dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jenis tiga suku ini memang penakut.

Beberapa Ahli Pembangkang: Duduk! Diamlah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas, jangan sebut begitu. Sila teruskan.

Ahli-ahli Pembangkang: Hear! Hear! (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Takut? Takut, tidak berdiri di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat pun jangan sebut perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya dapat penerangan apa yang dikatakan tadi, "jenis tigasuku".

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa pasti.

Tuan R. Karpal Singh: Tadi ada, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, minta teruskanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah kita mempunyai satu keadaan di mana hanya pemuda UMNO sahaja, atau orang yang apa itu "tigasuku" pun tidak tahu, yang boleh mengadakan perhimpunan-perhimpunan dan tunjuk-tunjuk perasaan sementara rakyat Malaysia yang lain dinafikan hak ini? Sekiranya ia, maka jelaslah sekali lagi bahawa Kerajaan telah menyalahgunakan kuasanya. Satu tahap di mana pelabur-pelabur asing yang telah atau ingin melabur di Malaysia berasa terganggu kerana mereka menyaksikan jurang yang semakin membesar di antara propaganda dan reality.

Saya tidak mempercayai bahawa berbagai agensi Kerajaan yang tugasnya adalah untuk mengawasi pendapat nasional serta antarabangsa adalah tidak begitu berkesan sehingga

jahil akan krisis keyakinan yang begitu mendalam, yang diburukkan lagi dengan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Oleh kerana bantahan keenam dan yang terakhir kepada Rang Undang-undang ini adalah bahawa ia akan mencetuskan satu krisis demokrasi di Malaysia dan akan menjadikan negara ini di dalam krisis keyakinan yang terbesar sekali dalam sejarah negara ini. Tetapi sebelum saya sebut perkara ini, saya harap apa yang saya sebutkan tadi dan saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri untuk sama ada memberi permit polis bagi perhimpunan rakyat yang akan diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor atau menahan diri daripada menghalang atau mengganggu perhimpunan mempertahankan demokrasi ini oleh rakyat Malaysia yang biasa yang mengambil berat serta berasa marah tentang Rang Undang-undang ini.

Biarlah perhimpunan rakyat hari Ahad ini merupakan satu tryst, dengan izin, dengan demokrasi dan berilah rakyat kebebasan untuk menyuarakan rasa pandang berat serta kesayangan mereka terhadap hak-hak demokratik serta kebebasan-kebebasan asasi di Malaysia secara aman dan damai. Kita tidak perlu takut bahawa rakyat tidak akan aman dan damai. Semacam tadi, dalam Parlimen nampaknya ada "barbed wire" dan lain-lain yang mahu mewujudkan satu suasana tegang, untuk apa? Rakyat aman dan damai! Tetapi tidak memberi hak mereka untuk menyuarakan, menunjukkan perasaan kecintaan kepada demokrasi?

Tuan Yang di-Pertua, Pilihanraya Umum bulan Ogos ini sepatutnya, tadi saya ada menyebutkan krisis keyakinan, sepatutnya dihentikan

krisis keyakinan ini. Tetapi peristiwa-peristiwa semenjak 4 bulan yang lepas telah memperlihatkan krisis ini sampai ke tahap yang lebih tinggi. Krisis keyakinan ini telah sampai kepada satu tahap di mana pelabur-pelabur asing yang telah atau ingin melabur di Malaysia berasa terganggu mengenai apa yang sebenarnya berlaku di negara kita oleh kerana jurang yang semakin membesar di antara propaganda dengan reality. Saya tidak percaya bahawa berbagai agensi Kerajaan yang tugasnya adalah untuk mengawasi pendapat nasional serta antarabangsa adalah begitu tidak berkesan sehingga jahil akan krisis keyakinan yang begitu mendalam yang akan diburukkan lagi dengan kelulusan Rang Undang-undang ini.

Kenyataan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian kepada para pelabur asing bahawa mereka tidak perlu bimbang tentang Akta ini kerana mereka boleh bertemu dengan beliau sendiri jika memerlukan sebarang maklumat, tidaklah meyakinkan melainkan Yang Berhormat Menteri menyerahkan tanggungjawabnya sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan menjadi Pegawai Penerangan sepenuh masa bagi pelabur-pelabur asing. Itu tidak mungkin.

Wujud satu lagi sebab yang lebih penting mengapa setakat ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak patut meneruskan dengan Rang Undang-undang ini. Ini adalah kerana pada ketika masalah yang paling genting di dalam negara adalah krisis keyakinan yang menghalang pemulihan ekonomi, dengan menggembeling tenaga serta sumbangan semua rakyat Malaysia menghadapi krisis ekonomi, Kerajaan patutlah mengelakkan sebarang tindakan yang mungkin mewujudkan jurang yang lebih besar di antara Kerajaan dan rakyat.

Daripada reaksi awam kepada Kempen Pergerakan Kebebasan terhadap Maklumat, Kerajaan pasti akan melihat bahawa tidak pernah satu Rang Undang-undang yang menimbulkan begitu banyak bantahan serta kritikan dan kita tidak patut menyalahgunakan sesiapa bahawa ada apa-apa berunsur politik.

Rakyat Malaysia berasa hampa kerana dengan menarik balik versi pertama Rang Undang-undang ini pada bulan Mac sebelum pilihanraya umum, rakyat telah diberi gambaran bahawa Kerajaan seolah-olah akan menggugurkan cadangannya untuk mengenakan hukuman penjara mandatori minima setahun dan definasi Rahsia Rasmi yang begitu menyeluruh.

Mandat yang telah diterima oleh Barisan Nasional pada 3hb Ogos bukanlah satu mandat untuk meluluskan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi, tetapi untuk menggugurkan sama sekali pindaan ini. Saya mencabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan satu pungutan suara nasional, atau referendum atas Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) ini, untuk menentukan keinginan rakyat jika sekiranya beliau percaya bahawa Rang Undang-undang ini akan menerima sokongan popular majority rakyat kita. Bagi saya, saya mempunyai keyakinan bahawa satu pungutan suara nasional ke atas Rang Undang-undang ini akan menyatupadukan rakyat Malaysia dari semua golongan kaum dan juga kawasan-kawasan bandar dan luar bandar untuk membantah Rang Undang-undang ini. Saya harap bahawa janganlah memberi satu jawapan bahawa pilihanraya besar sudah menunjukkan mandat, dan saya sudah sebut tadi itu bukanlah mandat.

Saya tidak ragu-ragu lagi bahawa kelulusan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) hari ini

dengan bantahan keras orang ramai yang begitu berleluasa terhadap Akta ini akan memisahkan lagi rakyat Malaysia daripada pihak Kerajaan kerana tindak-tanduk Kerajaan ini akan dilihat sebagai satu sikap yang diambil secara terang-terang oleh Kerajaan untuk tidak mempeduli serta berkonfrantasi dengan rakyat jelata. Sikap ini bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan krisis keyakinan di Malaysia dan penghakisan kesahihan pihak pemerintahan, malahan ia akan memburukkan lagi krisis keyakinan.

DAP rasa dalam masa yang begitu kritikal ini dalam kehidupan negara kita, kita sepatutnya cuba dengan sedaya upaya untuk mengelakkan pendekatan yang bersikap berkonfrantasi, lebih-lebih lagi sekiranya ini akan memburukkan lagi jarak pemisahan yang ada di antara Kerajaan dan rakyat jelata.

Atas sebab inilah pihak DAP mengesyorkan supaya Rang Undang-undang ini dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan dan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini ditangguhkan sehingga persidangan bulan Mac Parlimen tahun depan.

Di bawah Peraturan Mesyuarat 54 (1) "Sesuatu Rang Undang-undang boleh diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali yang kedua". Saya menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bersetuju dan membenarkan sebuah Jawatankuasa Pilihan mengenai kebebasan terhadap maklumat ditubuhkan untuk mendapat penyertaan yang lebih dari orang ramai dalam penggubalan Rang Undang-undang ini serta juga meninjau seluruh persoalan mengenai kebebasan terhadap maklumat di Malaysia.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak setuju—nampaknya beliau tidak setuju—maka saya memberi notis bahawa saya akan bercadang di bawah Peraturan 54 (2)

untuk merujukkan Rang Undang-undang ini kepada Jawatankuasa Pilihan selepas bacaan kali yang kedua.

Saya rasa keselamatan ataupun kepentingan negara ini tidak akan dikompromaiskan sekiranya Rang Undang-undang ini ditangguhkan sehingga bulan Mac depan. Sebaliknya, saya percaya langkah ini akan mendatangkan hasil yang baik dalam mengelakkan pemisahan di antara Kerajaan dan rakyat daripada bertambah buruk dan ia akan membantu menyelesaikan masalah utama yang dihadapi oleh negara iaitu krisis keyakinan.

Kerajaan mempunyai majoriti empat perlima untuk meluluskan Rang Undang-undang ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarah semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mengundi mengikut kehendak parti atau menghadapi segala akibatnya demi kepentingan negara. Saya ingin menggesa. . . .

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tadi selain daripada apa yang dikatakan. Tidak tukar ucapan selepas dengar ucapan Yang Amat Berhormat. Ini dia salah!

Tuan Lim Kit Siang: Tiga kali, empat kali berdiri pun tidak dapat Kementerian penuh (*Ketawa*).

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta jawapan. Adakah beliau dengar tidak betul apa Perdana Menteri kata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, itulah satu hal. Apa yang kita percaya, apa yang rakyat percaya, itu lain hal. Kita semua tahu bahawa arahan ada dikeluarkan. Siapa berani untuk berdiri membantah, untuk mengundi menentang dalam Barisan Nasional. Kita tahu, kita akui ada Whip atau Whipless Whip sudah cukup. Whipless Whip itu lebih dahsyat. Tuan Yang di-Pertua, saya. . . .

Dato' Dr Ling Liong Sik: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah ahli-ahli DAP yang akan menyokong Usul ini atau tidak?

Beberapa Orang Ahli: Bodoh!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau pertanyaan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu lagi yang bangun, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidah bin Kassim: Saya dengar ada perkataan "bodoh" tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya pun belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau bertanya sama ada ada Ahli-ahli Parlimen DAP yang akan mengundi menyokong

Rang Undang-undang ini, nantilah kita tengok! Tetapi nampaknya apa yang tersirat dalam persoalan ini ialah bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak ada kebebasan untuk menentang. Itu satu pengakuan bahawa ada Whip—Whipless Whip.

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Sila.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat maklumat bahawa parti DAP mengenakan Whip kepada ahli-ahlinya supaya semua jangan menyokong (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak dengar perkataan yang akhir. Apa itu perkataan, boleh ulangi sekali lagi. Beri chance lagi.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa parti DAP telah mengeluarkan arahan melalui Whipnya yang tidak rasmi—“shadow Whip” (*Ketawa*) bahawa jika ada seseorang ahli DAP yang mengundi menyokong Kerajaan, dia akan dipecat dari DAP oleh Setiausahanya sendiri (*Tepuk*) (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, Yang Berhormat menggunakan perkataan “bohong”. Saya minta. . . .

Tuan Hu Sepang: Apa dia. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar Yang Berhormat berkata bohong.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, buat kali ini saya cuma boo sahaja, bohong lain orang buat (*Ketawa*). Kita hendaklah tangkap orang yang salah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan sesiapa menggunakan “bohong” dalam Dewan ini. Sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya sudah menjadi ketua rumourmonger do Malaysia (*Ketawa*). Dengar dan ucap—spread rumours.

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Perdana Menteri: Tuduhan yang sama boleh jugalah dikenakan kepada Ahli Yang Berhormat itu kerana dia sendiri pun tidak tahu apa yang kita bercakap dalam meeting kita. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Rumourmonger!

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui dia rumour monger. Saya tidak mengakui. Itulah perbezaannya. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menimbang semula dan menunjukkan bahawa beliau boleh menjadi cukup demokratik untuk mengakui rasa pandangan rakyat yang sah dan meluas terhadap implikasi-implikasi meluaskan Rang Undang-undang ini. Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersedia untuk mendengar pandangan, pendapat dan rayuan rakyat jelata maka beliau telah memulakan jejak langkah ke arah proses, dengan izin, “national reconciliation”.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu degil untuk meluluskan Rang Undang-undang ini, Maka saya ingin menyeru kelau boleh Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk

membuat satu pendirian mengikut hati kecil mereka dan bukan mematuhi kepada kehendak Whip semata-mata.

Ada kalanya dalam sejarah sesebuah negara di mana kita harus bersedia untuk mengambil satu pendirian yang berprinsip bukan semata-mata untuk kepentingan diri sendiri tetapi demi kepentingan negara dan generasi-generasi yang akan datang. Politik di Malaysia akan bertambah lebih sihat jika mempunyai satu tradisi di mana Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen tidak menghiraukan kepentingan golongan atau parti mereka serta meletakkan jawatan mereka atas sesuatu prinsip yang meletakkan kepentingan negara dan awam di atas kepentingan sendiri.

Seorang Ahli: (Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya ada orang yang berdiri mahu "jack-jack" sahaja. Saya berharap Parti Gerakan dan PBS, yang secara terbuka telah mengumumkan bantahan mereka terhadap peruntukan-peruntukan yang perlu dibantah yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini untuk mengambil satu pendirian yang berprinsip di dalam Parlimen ini.

Parlimen, Badan Kehakiman, kebebasan akhbar dan penghidupan awam tidak akan sama seperti sekarang sekiranya Rang Undang-undang ini dijadikan undang-undang.

Saya terpaksa berkata dengan seterang-terangnya di sini bahawa keinginan manusia untuk mencapai demokrasi, kebebasan dan keadilan tidak dapat disekat dan dipadamkan oleh undang-undang yang "repressive" dan sekiranya Barisan Nasional mahukan Rang Undang-undang ini diluluskan tanpa menghiraukan kepentingan negara, maka perjuangan untuk

mengembalikan demokrasi akan bermula pada hari ini juga. Kebebasan, demokrasi dan hak-hak asasi manusia telah mengalami kekecewaan yang begitu serius, tetapi selagi rakyat Malaysia yang menghargai kebebasan dan demokrasi masih hidup dan bernafas maka perjuangan ini akan diteruskan sehingga tercapainya kejayaan. *(Tepuk)*

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
RAHSIA RASMI (PINDAAN)**

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Larut.

6.02 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan ini kerana menepati ikrar yang saya lakukan di Dewan yang mulia ini sebagai mewakili rakyat yang mana saya percaya bahawa apa yang saya lakukan diredhai Allah serta memenuhi akuan Barisan Nasional "Tradisi Membela Rakyat". (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Pembangkang dengan lantangnya hari ini adalah seolah-olah di zaman purba dahulu ahli-ahli juris dan peguam-peguamnya berkata adanya absolute freedom, dengan izin. Tetapi kalaulah Ketua Pembangkang ini hidup di zaman purba dahulu dan diberi absolute freedom kepadanya, ia juga terus menjadi ahli Pembangkang (*Tepuk*) kerana membangkang senang dan memerintah amatlah payah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan? Hendak berikah tidak?

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak beri. (*Ketawa*) Saya tidak beri penjelasan dan tidak beri jalan kerana saya di Parlimen ini anak pun tidak ada, bapa pun tidak ada. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Apa maknanya itu? (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, jadi. . . .

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri penjelasan, dia sudah ada notis. Dia tidak mahu beri orang-orang bangun minta penjelasan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak beri, fasal saya ini kali yang pertama masuk Parlimen. Dema lama "beno". (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang kerana kami mempunyai orang-orang yang boleh bercakap dalam Dewan. Saya suka bercakap di sini iaitu kita tidak ada absolute freedom dan kita terpaksa membetul atau meminda OSA 1972 untuk kepentingan negara, bangsa dan tanahair. Sejak kita merdeka, saya dapati kita tidak begitu yakin kepada keadaan yang ada kerana kita dapati ada segelintir rakyat yang tidak loyal kepada negara kita, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita seperti di negara-negara lain juga ada mempunyai undang-undang seperti undang jenayah, undang sibil dan lain-lain. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai hukuman gantung bagi mempunuh, pengedar dadah dan possession and custody of firearms, dengan izin, kita mengakui bahawa undang-undang ini kita menerima dan mereka yang membuat salah digantung. Jadi, ini diterima oleh rakyat seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam principle of jurisprudence, dengan izin, ataupun doctrine of justice, dengan izin, a person is innocent until proven guilty. Seseorang itu tidak bersalah melainkan sabit kesalahannya di mahkamah.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun. . . .

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak boleh berilah. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Doctrine of Parliament atau doctrine of justice?

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak bolehlah. Nanti saya bercakap bulan Mac nanti, saya beri semua orang bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan. Sila teruskan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: A person is innocent until proven guilty—seseorang itu tidak bersalah melainkan bersabit salahnya di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak ada siapa pun mesti takut kepada undang-undang "for its mere existence or amendment which will be approved by the Dewan this evening, dengan izin. Kalau kita tidak membuat salah, kalau kita tidak ada, dengan izin, malice ataupun motive untuk buat salah, maka saya fikir tidak ada siapa pun takut kepada sesiapa. Kalau umpamanya kita takut kepada hantu, kita terpaksa lari daripada hantu. Kalau umpamanya hantu itu tidak datang, kita hanya bernasib baik. Tetapi kalau dia datang, kita takut kepada dia, kita tidak cari dia.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun pula.

Tuan Lau Dak Kee: Dia kata hantu. Adakah hantu dalam Dewan ini?

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak boleh berilah, bulan Mac nanti. Ahli-ahli Dewan termasuk saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli DAP dan Ahli dari Pengkalan Cepa, kita tidak sebut parti dia, fasal parti dia tidak menang. Ada seorang sahaja Ahli dari Pengkalan Cepa, semuanya baik-baik belaka. Sebab itu sejak Parlimen mulai daripada awal bulan Oktober dahulu, tidak seorang pun mendapat apa-apa hukuman dan

belum ada satu pun dihukum gantung dan Polis pun tidak ada menangkap sesiapa pun di Dewan ini kerana Ahli-ahli Yang Berhormat baik-baik belaka dan Ahli Dewan ini tidak takut kepada sesiapa pun kerana kita tidak ada salah.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan? Dia tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Parlimen ini bersidang bukan dimulai pada bulan Oktober, dimulai bulan November.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak boleh, tidak boleh beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji, dia tidak beri jalan, tidak payah bertengkar.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Dia tahu saya bukanlah sebagai ahli yang suka bergaduh. Dia hendak ajak saya bergaduh. Saya tidak mahu bergaduh, kita ini hendak berdamai. Saya berkeyakinan, Tuan Yang di-Pertua, mungkin, saya kata perkataan mungkin, ada di antara penduduk-penduduk di negara ini yang mempunyai motive, dengan izin, tertentu yang mana mereka percaya dan yakin kalau OSA ini diluluskan malam ini, ini akan menghadkan aktiviti-aktiviti mereka kerana mereka tahu kalau mereka langgar Undang-undang ini, mereka adalah membuat kesalahan. Jadi, saya harap dengan adanya undang-undang ini nanti, janganlah buat salah kalau takut kena tangkap. Saya suka menarik perhatian Dewan bahawa undang-undang trafik umpamanya, Polis tidak menyaman dan membawa sesiapa pun ke mahkamah kalau tidak ada apa-apa kesalahan. Tidak ada cukai jalan umpamanya ataupun tidak ada lesen memandu, barulah Polis menyaman. Jadi, orang-orang yang mempunyai syarat-syarat ini tidak akan takut kepada sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga mahkamah tidak menghukum gantung atau hukum mati kepada sesiapa jika ianya tidak membunuh orang lain, tidak mengedar dadah dan tidak memiliki firearms, dengan izin. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di sini mungkin timbul perasaan fear, dengan izin atau phobia of law, takut-takut kepada undang-undang, takut kepada OSA ini seperti yang difikirkan oleh setengah-setengah rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sedar rungutan-rungutan dan rintihan-rintihan yang disuarakan oleh orang ramai. Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, undang-undang baru OSA dan pindaannya adalah, dengan izin, prevention is better than cure. Dalam pepatah Arab "alwiyoyah khoirom minal illaj".

Seorang Ahli: Dia tidak faham itu.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak faham, biar dia cari ustaz terjemah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, rakyat pada keseluruhannya menerima hukuman gantung atas kesalahan mengedar dadah. Rakyat juga boleh menerima hukuman gantung atas kesalahan membunuh, rakyat juga menerima kesalahan-kesalahan lain dan ada hukuman-hukuman yang lain. Kenapakah mengenai OSA ini rakyat begitu risau, adakah rakyat yang kebanyakannya ini kerja mereka hendak mencuri rahsia Kerajaan sahaja? Tidak buat kerja lain sebagaimana orang-orang Barisan Nasional?

Tuan Yang di-Pertua, jadi begitulah juga rakyat dapat menerima seluruh undang-undang yang ada yang diluluskan oleh Parlimen, bagaimanakah pula kedudukan mereka sekiranya undang-undang ini diluluskan nanti?

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin bahawa rakyat di negeri ini mempunyai kebebasan berfikir, kebebasan menulis dan kebebasan berpolitik, justeru itulah kita mempunyai 24 Ahli DAP dan 1 Ahli Pengkalan Chepa. Janganlah pula kita cuba hendak membandingkan, umpamanya, politik di negeri ini ataupun politik atau undang-undang di negeri-negeri lain seperti di England, Australia, Japan atau Amerika Syarikat. Kita mempunyai keadaan yang unik, serba berlainan, yang mana rakyatnya menghadapi cabaran, bukan dari dalam negeri sahaja, bahkan dari luar negeri kerana sudah ada unsur-unsur tidak bertanggungjawab dan tidak loyal, dengan izin, kalau loyal pun hanya di bibir sahaja untuk kepentingan ataupun motif-motif yang tertentu.

Saya dengan tegas dan yakin menyatakan bahawa kita perlu kepada pindaan OSA 1972 supaya kita dapat menentukan bahawa sesiapa sahaja yang tidak ikhlas, jujur dan tidak loyal, dengan izin, boleh dikenakan hukuman yang akan ditentukan mengikut undang-undang baru nanti. Jadi saya kira saya suka mengambil peluang di sini supaya semua rakyat hendaklah berwaspada, be coutious, dengan izin, sentiasa menyokong.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji bangun pula.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tidak boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Sportinglah sedikit.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: menyokong pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji jangan kata "sporting"—tidak boleh, itu hak dia, dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: I will have your pleasure in March (*Ketawa*) insya Allah.

Seorang Ahli: Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dengan.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Dengan izin (*Ketawa*). menyokong OSA ini dengan tidak berbelah bahagi, berpandukan Hadis Nabi Muhammad s.a.w Qulilhaqqa walaukanamurram yang bermaksud: Katalah olehmu wahai Muhammad s.a.w. walaupun pahit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak lagi Ahli-ahli Barisan Nasional hendak bercakap, saya mohon menyokong Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan memohon menyokong Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan), 1972.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

6.05 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta ini, bagaimanapun adalah bersyarat bagi sebab-sebab yang akan saya terangkan dengan panjang lebar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam, saya sesungguhnya memahami hasrat Kerajaan untuk mengemukakan pindaan-pindaan ini kepada Akta Rahsia Rasmi, 1972.

Pertamanya untuk memberikan suatu takrif yang lebih jelas tentang erti "rahsia rasmi"; dan

Kedua, untuk mengenakan suatu hukuman penjara mandatory, dengan izin.

Saya mengaku bahawa alasan bagi pengemukaan takrif "rahsia rasmi" adalah disebabkan oleh keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai kes Lim Kit Siang v. Public Prosecutor, dengan izin yang dilaporkan dalam "The Malayan Law Journal" tahun 1980 Jilid I, muka surat 293. Izinkan saya memetik keputusan Raja Azlan Shah, yang dahulunya Ketua Hakim, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

". In any event, Government must surely have the undoubted right to decide what information it would keep from the public. Such information would be official secrets and would be caught by the Act".

Oleh yang demikian, ia memberi erti yang luas tentang rahsia rasmi. Hampir keseluruhan dokumen Kerajaan yang mahu dilindungi oleh Kerajaan daripada diketahui umum adalah rahsia rasmi. Pindaan ini akan menyekatkannya hanya setakat yang tersebut dalam Jadual dan yang dikelaskan oleh pegawai bertanggungjawab sebagai rahsia rasmi.

Sebab yang kedua, ialah hukuman yang setakat ini yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang telah disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi adalah terlalu lembut dan ringan, tanpa memberi ketegasan tentang kesalahan-kesalahan yang sepatutnya diterima.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lau Dak Kee: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Pinji bangun, hendak minta penjelasan!

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, okay, tetapi saya hanya.

Tuan Lau Dak Kee: Sedikit sahaja.

Puan Ling Chooi Sieng:saya akan menjawab kalau perlu.

Tuan Lau Dak Kee: Okay!

Tuan Yang di-Pertua: Sila!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kluang telah menyatakan dia akan menyokong OSA, tetapi nampaknya wanita-wanita daripada MCA telah menyuarakan mereka akan menentang OSA ini. Tidakkah ini bercanggah antara satu dengan lain?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat dari Pasir Pinji memberi saya masa, saya rasa saya akan beritahu kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong minta jalan! Hendak beri jalan atau tidak?

Puan Ling Chooi Sieng: Boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat dari Kluang nampaknya jadi suara MCA. Tetapi apa yang saya hendak mendapat penjelasan ialah tadi Yang Berhormat ada menyebut hukuman-hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah adalah ringan. Bolehkah saya dapat contoh-contoh hukuman yang ada, yang dijatuhkan oleh mahkamah yang dikatakan ringan?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, perbuatan itu the accusation case Lim Kit Siang v. Public Prosecutor (*Tepuk*), mengenai keselamatan negara itu amatlah serius.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Belum habis lagi, kes itu. . . .

Puan Ling Chooi Sieng: Saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ditanya ini berkenaan dengan hukuman, adakah.

Puan Ling Chooi Sieng:kerana Yang Ariff Raja Azlan Shah ialah seorang yang bersimpati dengan pihak merayu, itu adalah hukuman yang ringan.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah habis, dia sudah menerangkan, saya minta teruskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya rasa saya sudah terangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup, minta teruskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan!

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Puan Ling Chooi Sieng: Tidak beri.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya lagi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, Akta Rahsia Rasmi adalah berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang amat serius, ia bertujuan untuk menghalang orang ramai daripada menggunakan rahsia-rahsia rasmi bagi apa jua maksud sama ada bagi maksud keuntungan kewangan atau kerana sebab-sebab politik. Sebahagian daripada rahsia rasmi adalah terlalu sensitif dan kebocorannya boleh melemahkan keselamatan negara.

Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi adalah dengan yang demikian itu tidak boleh dipandang ringan. Memandangkan kepada dua keputusan iaitu Lim Kit Siang vs. Public Prosecutor. . . .

Dr V. David: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Puchong, apa dia Yang Berhormat.

Dr V. David: Dia sebut nama Lim Kit Siang. Sepatutnya dia sebut Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ruling itu. . . . (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Itu nama kes itu.

Puan Ling Chooi Sieng: . . . tetapi saya sebutkan nama kes itu. Memandangkan kepada dua keputusan iaitu Lim Kit Siang vs. Public Prosecutor dan Datuk Haji Zulkifli bin Datuk Abdul Hamid vs. Public Prosecutor di mana dalam kes Lim Kit Siang vs. Public Prosecutor pihak merayu (the appellant) hanya didenda \$1,500 atas tuduhan pertama, \$1,000 atas tuduhan kedua dan ketiga masing-masingnya dan \$1,500 atas tuduhan keempat dan kelima masing-masingnya.

Dalam kes Datuk Haji Zulkiflee denda pihak merayu ke atas semua tuduhan masing-masingnya dikurangkan kepada \$1,000, \$1,500 dan \$1,000. Dalam kedua-dua kes dendanya masing-masingnya tidak melebihi 2,000. Pindaan untuk menambahkan hukuman adalah wajar.

Mengenai hukuman pula, saya mohon mencadangkan supaya denda minimum \$10,000 dan denda maksima \$200,000 ditambah kepada semua kesalahan-kesalahan dan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau empat belas tahun. (*Tepuk*) Berkenaan dengan kes yang mungkin jadi. . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya rasa Yang Berhormat dari Jelutong itu sudah diberi peluang bercakap secukupnya. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua,. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, dia tidak beri jalan. Minta duduklah.

Puan Ling Chooi Sieng: . . . dikuatkuasakan untuk memberi mahkamah kebebasan memutuskan masa penjara dari satu hari kepada tujuh tahun atau empat belas tahun. Dengan mengemukakan denda yang besar adalah wajar oleh kerana sebahagian dari pesalah-pesalah itu adalah penerima-penerima keuntungan, bagi keuntungan kewangan sanggup mencuri rahsia rasmi ataupun memberinya. Badan Kehakiman sedar tentang bahaya kebocoran rahsia-rahsia rasmi kepada orang-orang yang tidak dibenarkan. Saya ingin menyebut tentang

keputusan Yang Arif Salleh Abas dahulu ialah Hakim Persekutuan dalam kenyataan penutupnya dalam kes Datuk Haji Zulkifli, dengan izin,

“We consider that the practice of stealing documents and leaking the information contained in them to un-authorized persons is highly dangerous to the country and we will certainly not hesitate in future to impose proper and adequate sentences where circumstances merit such punishment”.

Di sini lagi sekali saya memetik apa yang dikatakan oleh Yang Arif Raja Azlan Shah di dalam kes Lim Kit Siang iaitu mengenai berlainan antara Parlimen dan Judiciary, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

“We have to remember that our function is judicial, not legislative and that we ought not to use our office to legislate under the guise of exercising our judicial powers and functions. In particular, we have no power to create a right for any person to ignore the provisions of the Official Secret Act or any other law of the land”. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jelutong bangun pula.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya tidak beri dia jalan, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 15 (1) Akta Rahsia Rasmi memperuntukkan seperti berikut: Dengan izin—

“Any prosecution for an Offence under this Act shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor”.

Tetapi oleh kerana Seksyen 376 (3) Ciriminal Procedure Code yang

memperuntukkan seperti berikut: Dengan izin—

“The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be Deputy Public Prosecutors. Subject to the general control and direction of the Public Prosecutor, a Deputy Public Prosecutor so appointed shall have and may exercise all and singular the rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by or under this Code or other written law excepting only any rights or powers expressed to be exercisable by the Public Prosecutor personally”.

Saya mohon mencadangkan untuk menambah perkataan “persendirian” (personally) selepas perkataan “Pendakwaraya” di dalam seksyen 15 (1) supaya pendakwaan demikian tidak boleh diwakilkan kepada Timbalan Pendakwaraya (Deputy Public Prosecutor). Oleh yang demikian, jaminan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Kerajaan ini tidak akan mengambil tindakan ke atas sesiapa dengan tidak bertanggungjawab (the assurance by our Prime Minister that the Government will not prosecute haphazardly) akan ditegaskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Puan Ling Chooi Sieng: Siapa, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada dua orang berdiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak.

Puan Ling Chooi Sieng: Saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Nampaknya Yang Berhormat itu banyak takut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong tidak boleh menggunakan perkataan "banyak takut". Itu hak dia.

Puan Ling Chooi Sieng: Cabaran itu tidak ada gunalah. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Baca pun takut juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong. . . .

Puan Ling Chooi Sieng: Bolehkah saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong minta duduk—apabila saya bercakap duduk.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: On a point of order 37 (b). "Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi". Ini nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong Pengerusi tidak panggil pun dia bangun juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah cukuplah. Saya minta Yang Berhormat dari Kluang teruskan.

Puan Ling Chooi Sieng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya di sini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan ini untuk mengambil kira akan pendapat umum dan memberi kuasa kepada pegawai yang

bertanggungjawab untuk mengkelaskan dan membatalkan pengkelasan apa-apa maklumat dan bahan sebagai rahsia rasmi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa tiada Kerajaan yang dipilih oleh rakyat mahu hukuman secara yang tidak patut orang-orang yang memilih mereka untuk memegang jawatan dan saya dengan sesungguhnya. . . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Ipoh bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Puan Ling Chooi Sieng: Bolehlah.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat daripada Kluang tadi bercakap, bahawa beliau akan mengakhiri maka sebelum beliau mengakhiri, saya ingin menanyakan beliau sama ada beliau akan patuh kepada keputusan Wanita MCA iaitu untuk menentang Rang Undang-undang ini ataupun beliau akan berpaling tadah kepada Wanita MCA dan lalu menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Rahsia Rasmi ini yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap dahulu. Saya tidak dengar apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi bersangkutan paut dengan MCA atau tidak. Penjelasan hendaklah dikemukakan berkenaan dengan ucapan yang dibuat (*Tepuk*). Sila teruskan. Minta teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Ipoh, saya minta duduk. Saya minta teruskan Yang Berhormat dari Kluang.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguhnya percaya bahawa pindaan itu.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia baru mula hendak bercakap itu.

Tuan R. Karpal Singh: Sudah cakap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Puan Ling Chooi Sieng: Okay, yang terakhir.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Ahli Yang Berhormat daripada Kluang ada menyebutkan consent to prosecute. Consent ini tentu ada diberi oleh Peguam Negara personally apa yang ada dicakap tadi. Apa jaminan kuasa itu tidak disalah guna kuasa oleh kerana Peguam Negara tidak bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh membuat ucapan. Minta penjelasan apa Yang Berhormat daripada Kluang tadi ucap.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, penjelasan atas itu juga, Tuan Speaker. Apa jaminan atas tanggungjawab itu.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, Attorney-General ialah seorang yang arif. Consent yang diberikan oleh Attorney-General, saya rasa itu tentulah adil dan sesuai kepada circumstances yang diperlukan waktu itu. Dan saya rasa kalau ada perkataan persendirian itulah sudah cukup menunjukkan keadilan dan kejujuran Kerajaan kita.

Dan saya dengan sesungguhnya percaya bahawa pindaan itu tidak bermaksud untuk menghalang

penyaluran maklumat secara bebas, dengan izin, free flow of information, atau untuk menuntut apa-apa kesalahan Kerajaan. Motif yang tidak baik yang ditimbulkan berkenaan dengan pindaan ini adalah terlalu tidak adil. Tertakluk kepada cadangan-cadangan yang diberikan, saya adalah dengan ini menyokong supaya Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) tahun 1986 diluluskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud.

6.32 ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak banyak persediaan untuk bercakap dalam perkara ini kerana terpaksa menunggu keputusan pendirian rasmi Parti Bersatu Sabah atau singkatnya PBS pada keseluruhannya yang mana baru sebentar tadi sahaja diterima, untuk pengetahuan semua Ahli-ahli Parlimen PBS sebagai panduan untuk menentukan pendirian kami dalam perbahasan ke atas usul yang ada di hadapan ini. Dan sebelum saya melanjutkan ucapan saya ini, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk melahirkan rasa penghargaan bagi pihak rakyat Kota Belud dan juga parti PBS pada keseluruhannya dan terima kasih di atas kesempatan untuk membolehkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 yang saya anggap begitu mustahak sekali untuk diambil perhatian demi untuk kepentingan negara kita, bukan sahaja pada masa kini tetapi untuk warisan generasi rakyat Malaysia yang akan datang.

Bagi diri saya dan PBS adalah bersetuju dengan prinsip Kerajaan terhadap keselamatan negara dan menyokong sebarang tindakan untuk

menghukum sebarang orang yang melakukan sebarang perbuatan yang mempengaruhi keselamatan negara.

Inginlah juga saya sentuh di sini sebagaimana yang telah menjadi pengetahuan umum bahawa sejak pembacaan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) tersebut pada kali pertama di Dewan yang mulia ini, ia telah menarik perhatian yang begitu hebat sekali daripada seluruh lapisan rakyat Malaysia sama ada secara individu atau menerusi persatuan, pertubuhan sukarela dan juga pertubuhan siasah atau, dengan izin, political parties dan dalam hal ini parti PBS sendiri adalah tidak terkecuali.

Saya percaya Kerajaan sendiri telah mengikuti beberapa pendedahan yang dibuat oleh parti PBS menerusi kenyataan-kenyataan akhbar yang dibuat oleh para pemimpinnya yang mana antara lainnya ialah Setiausaha Agung parti itu sendiri, Yang Berhormat Encik Joseph Kurup dan Presiden parti itu sendiri, Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Pairin Kitingan dalam mana dapatlah kita mengetahui bahawa PBS bukanlah mempersoalkan ataupun menolak bulat-bulat pindaan Akta Rahsia Rasmi tersebut. Tetapi hanya setakat untuk mengambil kesempatan untuk mengemukakan pandangannya yang merupakan pandangan majoriti rakyat Malaysia di Sabah dalam parti PBS dengan harapan ianya akan diberikan pertimbangan oleh Kerajaan.

Dan kesanggupan Kerajaan untuk mengubahsuai dengan mengurangkan definisi pindaan Akta tersebut adalah tidak dapat disangkal lagi betapa pekanya Kerajaan kepada suara rakyat. Dan untuk itu saya dan PBS mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan. Adalah juga menjadi harapan saya agar kepekaan. . . .

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang jalan atau tidak?

Tuan Maidom bin Pansai: Saya fikir saya sedang memberi pendapat saya sendiri dan setakat ini saya belum dapat memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila duduk, dia tidak beri jalan. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Maidom bin Pansai: Adalah juga menjadi harapan saya agar kepekaan Kerajaan seperti itu yang dianggap sebagai suatu yang paling mulia dan disanjung tinggi, terutama sekali dalam negara yang berpemerintahan yang bercorak demokrasi berparlimen seperti Malaysia akan terus menjadi prinsip dan amalan. Para pemimpin Kerajaan kita adalah menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama dari masa ke semasa.

Menyentuh kepada Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 yang ada di hadapan kita sekarang ini, sekali lagi saya ingin menyatakan persetujuan saya dan PBS pada keseluruhannya. Bagaimanapun, dengan hati yang jujur dan ikhlas, izinkanlah saya untuk mengemukakan beberapa perkara lagi untuk pertimbangan dan diambil kira oleh Kerajaan dalam pelaksanaan Akta tersebut seperti berikut ini:

Pertama, kuasa yang diberikan kepada Menteri dalam sub-seksyen 2A membolehkannya dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual pada Akta ini adalah suatu perkara yang amat luas dan ianya mendatangkan kesan negatif kepada pengubahsuaian atau pengurangan pindaan Akta tersebut yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam

konteks definisinya. Ianya juga memberi ruang yang luas bagi kegiatan penyalahgunaan Akta tersebut dan dengan demikian saya merayu kepada Kerajaan agar ianya tidak dikuatkuasakan dengan cara demikian.

Namun begitu, kalau rayuan ini tidak dapat dipertimbangkan, PBS boleh menerimanya dengan syarat segala tambahan dan pemotongan yang akan dibuat oleh Menteri-menteri yang berkenaan hendaklah dirujuk kepada Kabinet terlebih dahulu untuk persetujuan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun lagi. Beri jalankah atau tidak?

Tuan Maidom bin Pansai: Okay.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kota Belud, adakah pendiriannya bercanggah dengan apa yang dikatakan yang dia akan menentang Rang Undang-undang ini bermati-matian walau bagaimanapun PBS akan mengarahkan supaya menyokong Rang Undang-undang ini dan kenyataan Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah bahawa PBS akan menentang Rang Undang-undang ini. Bolehkah Yang Berhormat dari Kota Belud menjelaskan mengapa apa yang diheboh-hebohkan tidak dilakukan, atau kalau tidak, adakah ini seperti kata pepatah Melayu "lidah biawak" sahaja.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Hendak apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat itu tarik balik perkataan "lidah biawak" itu, sebab unparliamentary.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kota Belud, sila teruskan.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pertanyaan tadi kerana dengan itu maka dapatlah saya mengambil kesempatan untuk memberi gambaran sepenuhnya.

Sebenarnya, kami Ahli-ahli Parlimen PBS telah pun dijemput balik ke Sabah untuk menghadiri suatu mesyuarat yang amat penting berkaitan dengan Akta yang ada di hadapan kita sekarang ini. Walaupun tidak dapat disangkal bahawa terdapat laporan yang kontroversial selama ini di surat-suratkhabar tetapi sesudah mesyuarat diadakan dengan mempertimbangkan segala aspek secara terperinci yang telah melibatkan banyak aspek, maka apa yang saya katakan sekarang ini adalah merupakan pendirian PBS yang muktamad (*Tepuk*). Jadi sama ada lidah biawak ataupun tidak, itu terserah kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk menilai dan mentafsirkannya. Tetapi saya buat pengakuan ini dengan hati yang jujur dan ikhlas selepas, dengan izin, consultation with the pengundi-pengundi, yang telah dibuat oleh Supreme Council parti itu sendiri dan kemudian disalurkan kepada kami untuk disampaikan ke Dewan Parlimen yang mulai ini.

Yang kedua, pindaan yang dibuat dalam Seksyen 2b pindaan tersebut yang memberi kuasa kepada seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesebuah Negeri melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah

tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Sulit" atau "Terhad", adalah dikhuatiri bahawa ianya juga memberikan ruang yang luas untuk memungkinkan penyalahgunaan Akta tersebut oleh orang-orang tertentu. Maka dengan itu, PBS merayu agar ianya dikaji semula atau sekurang-kurangnya tidak dikuatkuasakan atau kalau tidak dapat digugur terus sama sekali.

Yang ketiga, PBS juga dengan hati yang jujur dan ikhlas merayu kepada Kerajaan agar hukuman penjara mandatori tidak kurang dari satu hingga 14 tahun ke atas sesiapa yang bersalah melanggar Akta ini, agar ianya diubahsuai kepada dari satu hari sehingga 14 tahun demi untuk memberikan pihak Mahkamah menggunakan budibicaranya untuk menjatuhkan hukuman kepada seseorang pesalah mengikut keadaan atau dengan izin, circumstances and the motivation of the offenders.

Selain daripada itu, PBS juga merayu kepada Kerajaan agar Akta ini diulangkaji (review) dari semasa ke semasa apabila dianggap perlu demi untuk mengelakkan sama sekali sebarang kemungkinan bagi kegiatan penyalahgunaan Akta itu, dalam usaha kita untuk mewujudkan keadaan yang adil dan saksama dengan menyelamatkan seseorang yang tidak bersalah daripada menjadi mangsa penyalahgunaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar segala pandangan yang saya berikan dalam perkara ini akan dapat diberikan pertimbangan positif atau yang sewajarnya demi untuk kepentingan negara, Kerajaan dan rakyat kita.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon menyokong Akta Rahsia Rasmi 1972 ini (*Tepuk*). Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

6.43 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahar Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta rahsia Rasmi 1972 seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Sejak Rang Undang-undang ini dibaca buat kali pertamanya di Dewan yang mulia ini, ia telah menarik minat orang ramai. Minat tersebut mungkin timbul dari perasaan ingin tahu berkenaan kandungan sebenar pindaan Akta Rahsia Rasmi ini. Ia juga timbul kerana kekeliruan yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang dan golongan-golongan tertentu yang mempunyai kepentingan atau sengaja mencari publisiti. Golongan-golongan itu termasuklah pihak DAP yang sentiasa mencari kesempatan untuk mengganggu gugat segala usaha Kerajaan bagi mengemaskinikan jentera pentadbiran negara. Pihak DAP juga berharap bahawa kekeliruan yang ditimbulkan oleh mereka akan memberikan keuntungan politik di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar maklum bahawa sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong atau Ketua Pembangkang berada di sebuah negara kecil di Selatan Malaysia, maka beliau boleh dipenjara, didenda dan dilucutkan keahliannya dalam Dewan (*Tepuk*), semata-mata kerana menjadi pembangkang. Kerajaan parti negara inilah yang membela DAP dan masih menjadi inspirasi kepada DAP. Jelaslah jika DAP memerintah, Ahli-ahli Barisan Nasional akan dipenjara dan dilucutkan keahlian mereka sebagai Ahli Dewan. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, ada juga golongan-golongan yang lain. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada ahli yang bangun, ada beri jalankah atau tidak? Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa sangkaan itu bukan daripada pengalaman beliau. Bolehkah beliau buat sangkaan sebegitu itu dengan ketiadaan bukti, tiada butir-butir lanjut dan sebagainya. Adakah dia sanggup memberi DAP memerintah?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah ramalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong, beliau pun membuat ramalan. Tetapi ramalan ini adalah betul. Tuan Yang di-Pertua, ada juga golongan-golongan lain.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada ahli yang bangun, Yang Berhormat beri jalan?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak beri jalan. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, ada juga golongan-golongan lain yang telah menyuarakan bantahan mereka melalui media massa terhadap pindaan yang dicadangkan. Mereka ini termasuklah Majlis Peguam (Bar Council), ALIRAN, Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia (NUJ), dan. . . .

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Persatuan-persatuan Pengguna dan lain-lain pertubuhan dan juga orang-orang perseorangan yang tidak senang hati dengan pindaan yang dicadangkan. Tuan Yang di-Pertua, mungkin pandangan dan bantahan-bantahan dari mereka itu.

Tuan R. Karpal Singh: Majlis Peguam sudah dituduh tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat nanti sekejap, ada beri jalan atau tidak?

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya tidak beri jalan. Mungkin dia tak faham.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, saya kacau lagi sampai dia beri jalan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Mungkin pandangan-pandangan dan bantahan mereka itu dipengaruhi oleh logik-logik mereka tersendiri tetapi golongan-golongan ini harus ingat bahawa satu daripada cara melindungi kepentingan negara ialah dengan menentukan bahawa rahsia-rahsia yang tidak boleh dibocorkan kepada orang ramai, lebih-lebih lagi kepada pihak musuh atau kuasa asing yang boleh mengambil kesempatan daripada kebocoran tersebut. Kita telah melihat peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kepada Amerika Syarikat sewaktu perang Vietnam pada awal tahun 1970an di mana seorang pemberita bernama Neil Sirhan telah mendedahkan rahsia-rahsia rasmi negara itu melalui tulisannya yang kemudian dibukukan di bawah tajuk The Pentagon Papers. Penulisan buku tersebut dibuat atas

nama kebebasan akhbar dan keperluan orang ramai untuk mengetahui segala-galanya yang dilakukan oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada masa ini.

The Pentagon Papers mengandungi surat-suratan penting di antara Presiden dan kabinetnya dan lain-lain pegawai tinggi tentera dan awam serta teks-teks telegram rahsia di antara Kerajaan itu dengan Kerajaan-kerajaan asing mengenai dasar-dasar dan usaha perang Amerika Syarikat di Vietnam dan Indo-China. Pendedahan surat-suratan rahsia seperti ini telah menggugatkan kewibawaan negara tersebut di dalam perang Vietnam. Pasukan-pasukan tentera Amerika Syarikat yang dihantar ke Vietnam pada masa itu telah hilang semangat untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Di samping itu, pihak yang bermusuhan dengan Amerika Syarikat telah mendapat keuntungan yang besar daripada pendedahan seperti yang dilakukan oleh Neil Sirhan di dalam The Pentagon Papersnya. Akhirnya, Amerika Syarikat sendiri terpaksa undur dari Vietnam dan Indo-China dan menyerah kalah.

Walaupun peristiwa-peristiwa di Amerika Syarikat dalam tahun 1970an tidak ada hubungannya dengan negara kita, jelas ternampak bahawa sekiranya tidak ada undang-undang yang kuat untuk melindungi rahsia-rahsia rasmi Kerajaan, maka kewibawaan dan kesejahteraan negara itu boleh digugat oleh sesiapa sahaja atas alasan kebebasan rakyat dan akhbar. Kita tidak mahu perkara seperti itu berlaku kepada negara kita sendiri, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa terdapat ancaman-ancaman terhadap keamanan negara daripada berbagai pihak termasuk golongan komunis dan kuasa-kuasa asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bagaimana pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan boleh menindas sesiapa, hanya golongan atau orang-orang yang berniat untuk melakukan kesalahan seperti menyampaikan rahsia-rahsia Kerajaan tanpa kebenaran kepada orang ramai atau kuasa-kuasa asing yang perlu takut kepada pindaan ini. Pihak yang tidak melakukan kesalahan sudah tentu tidak akan bimbang semata-mata kerana hukuman penjara dikenakan secara mandatori di dalam pindaan yang dicadangkan. Mungkin pihak-pihak yang selama ini telah menyampaikan rahsia-rahsia Kerajaan kepada pihak-pihak yang tertentu akan lebih berhati-hati di dalam kegiatan-kegiatan mereka.

Kepada pihak ini kita tidak harus bertolak ansur. Sekiranya mereka sanggup menggugatkan negara dengan kegiatan mereka, maka mereka harus juga menerima akibatnya. Kalau negara kita sudah boleh mengenakan hukuman mati kepada pesalah-pesalah seperti pengedar dadah, saya tidak nampak bagaimana kita boleh melepaskan penjenayah yang membongkarkan rahsia penting Kerajaan kepada pihak musuh dengan dikenakan hukuman denda sahaja. Di setengah-setengah negara pesalah-pesalah yang menyampaikan maklumat bertaraf rahsia kepada orang lain boleh dihukum mati. Jadinya hukuman penjara secara mandatori yang tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi daripada tujuh tahun, tidaklah begitu berat jika dibandingkan dengan hukuman-hukuman yang dikenakan oleh negara-negara lain seperti Republik Rakyat China dan Soviet Union.

Tuan Pengerusi, perlu juga dinyatakan bahawa bukan semua dokumen Kerajaan dikelaskan sebagai rahsia. Malahan kalau dibuat satu kajian kita akan dapati bahawa 70% atau 80% surat-suratan atau dokumen

tersebut bukannya rahsia dan terbuka kepada orang ramai. Dokumen atau surat-suratan ini boleh dilihat atau digunakan oleh orang ramai di mana perlu. Yang menjadi rahsia ialah dokumen atau surat yang kandungannya jika didedahkan kepada pihak yang tidak dibenarkan boleh menjejaskan imej Kerajaan atau kestabilan dan kesejahteraan negara. Dokumen-dokumen ini sebahagian besarnya terdiri daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan, pertahanan dan perhubungan antarabangsa. Ia juga meliputi kertas-kertas mesyuarat kabinet dan Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pendedahan Kertas-kertas Mesyuarat Kabinet atau mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri sudah tentu boleh dipertikai atau dieksploitasi oleh mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan.

Hal ini akan menjadi lebih rumit lagi sekiranya keputusan berkenaan mana-mana perkara belum lagi dibentang atau diputuskan oleh mesyuarat berkenaan. Saya kira yang penting untuk pengetahuan orang ramai bukanlah Minit-minit Mesyuarat Kabinet atau Mesyuarat Kerajaan Negeri. Hanya keputusan daripada mesyuarat tersebut harus dipersampaikan kepada orang ramai. Penyampaiannya hendaklah dibuat melalui saluran-saluran tertentu, sama ada melalui Menteri-menteri berkenaan ataupun pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang ditugaskan. Sekiranya penjelasan diperlukan maka pihak Menteri atau Kementerianya harus memberikan keterangan lanjut setakat mana yang dianggap sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesalahan yang disabitkan di bawah Akta Rahsia Rasmi dengan secara otomatis dikenakan hukuman penjara, maka saya ingin mencadangkan supaya pegawai-pegawai Kerajaan diberi kursus untuk mengetahui apa sebenarnya perkara-perkara atau dokumen yang boleh dikelaskan

sebagai rahsia atau sulit. Terlalu banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak tahu menahu tentang cara mengklasifikasikan dokumen-dokumen rasmi. Kadang-kadang perkara biasa seperti peruntukan bagi jabatan berkenaan dikelaskan sebagai rahsia. Kadangkala pula kertaskerja mengenai rancangan pembangunan di peringkat daerah atau negeri yang ditulis oleh juru perunding pun dikelaskan sebagai rahsia atau sulit oleh pejabat atau jabatan Kerajaan tertentu. Sebaliknya, ada pula kejadian di mana pegawai-pegawai tinggi Kerajaan tidak menjaga fail-fail atau dokumen-dokumen berkelas rahsia dan sebagainya dengan betul. Fail-fail ini kadangkalanya tertinggal begitu sahaja di atas meja pegawai-pegawai selepas waktu pejabat dan tidak disimpan secara berkunci seperti yang diarahkan. Kecuaian seperti ini boleh mengakibatkan kehilangan fail-fail tersebut di waktu-waktu tertentu dan kandungannya difotostat atau dicuri untuk kegunaan pihak yang tidak dibenarkan. Akibatnya ialah kerugian kepada negara oleh sebab rahsia-rahsia pentingnya terbongkar semata-mata atas kecuaiannya pegawai.

Untuk mengelakkan kecuaiannya tersebut, pegawai-pegawai Kerajaan mestilah diberi kursus berkenaan tanggungjawab mereka melindungi rahsia negara. Mereka juga harus faham benar-benar perkara-perkara atau dokumen yang dikelaskan sebagai rahsia dan tatacara untuk menaik atau menurunkan kelas dokumen-dokumen tersebut. Mereka juga harus membekalkan keterangan yang bukan berkelas rahsia atau sulit kepada orang ramai di mana perlu. Sudah terlalu banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang memberi alasan bahawa mereka tidak boleh memberi maklumat biasa kepada orang ramai kerana takut melakukan kesalahan. Kadang-kadang penyata untung rugi anak syarikat agensi Kerajaan dikatakan rahsia oleh kerana

pegawai yang bertanggungjawab sengaja tidak mahu membekalkannya kepada pihak yang ingin tahu. Sebaliknya, jika penyata yang sama diminta oleh pihak yang disetujui oleh pegawai berkenaan maka segala keterangan tidak lagi menjadi rahsia. Oleh itu, satu peraturan mestilah diadakan dan pegawai-pegawai Kerajaan harus memahaminya tentang apa yang dikelaskan rahsia dan apa yang tidak serta kewajipan mereka melindungi yang perlu dan membekalkan kepada orang ramai perkara-perkara yang merupakan maklumat biasa.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan termasuk juga yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera dan Polis serta Kementerian Luar Negeri harus berawas dan diawasi supaya mereka ini tidak menjadi mangsa kepada kuasa-kuasa asing dan golongan yang tidak senang dengan dasar dan pentadbiran negara kita. Kadangkala wakil-wakil atau agen-agen kuasa-kuasa asing mengambil kesempatan untuk mendekati pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang kecewa untuk digunakan sebagai sumber maklumat mereka. Agen-agen ini mempunyai latihan yang cukup dan berkemampuan untuk memberi sebarang upahan kepada sumber-sumber mereka dengan lumayan. Mereka juga mempunyai alat-alat pengintipan yang boleh digunakan untuk mengambil gambar, membuat salinan atau merakam apa-apa dokumen dan juga sesi mesyuarat-mesyuarat yang tertutup. Mereka ini sentiasa bergerak untuk mendapat maklumat dan sumber-sumber baru di negara kita. Sasaran mereka yang paling utama ialah jabatan-jabatan Kerajaan terutama yang berkaitan dengan dasar negara serta rahsia-rahsia pertahanan dan keselamatan. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan harus diberi taklimat dari masa ke semasa untuk menjauhkan

diri mereka dari terperangkap atau bekerjasama memberi maklumat kepada agen-agen kuasa-kuasa asing. Mereka yang memberi maklumat kepada agen-agen ini oleh kerana mendapat upahan atau kecewa dengan dasar-dasar Kerajaan, sebaliknya mesti dikesan dan dihukum di bawah Akta Rahsia Rasmi atau sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan Akta Rahsia Rasmi ini, saya ingin juga mencadangkan supaya Kerajaan mengawasi pihak yang bertentangan dengan dasar Kerajaan sama ada dari parti-parti Pembangkang, badan-badan sukarela, kesatuan-kesatuan yang menggelar diri mereka sebagai pelindung hak orang ramai dan kumpulan-kumpulan yang seumpama itu daripada digunakan oleh negara-negara asing untuk menjejaskan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Negara-negara luar tidak berhak untuk mencampurkan tangan berkenaan dengan perkara-perkara dalam negara kita. Mereka tidak boleh menggunakan sesiapa pun untuk menimbul suasana yang tidak diingini. Kalaulah negara-negara luar didapati menggunakan golongan-golongan yang kecewa di dalam negara untuk kepentingan mereka, maka tindakan yang sewajarnya harus diambil. Bagi golongan-golongan yang didapati bersubahat dengan negara luar atas apa alasan sekalipun, mereka mestilah dikenakan hukuman berat. Negara ini tidak perlu warganegara yang tidak setia kepada negara dan perbuatan-perbuatan membelot dan merosakkan kepentingan negara adalah perkara-perkara yang serius. Sesiapa sahaja yang sanggup menggadaikan dirinya untuk kepentingan negara asing haruslah menerima akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan di sini bahawa tidak ada apa yang perlu dibimbangkan oleh rakyat jelata mengenai pindaan Akta Rahsia Rasmi seperti yang dibentangkan di Dewan yang mulia

ini. Hanya pihak yang berniat untuk menjejaskan kepentingan negara dengan cara menyampaikan rahsia-rahsia Kerajaan kepada pihak-pihak tertentu tanpa kebenaran sahaja yang akan runsing oleh kerana hukuman penjara yang mandatori. Begitu juga pihak-pihak yang selama ini terlalu bebas menggunakan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk mendapatkan dokumen-dokumen atau maklumat-maklumat rahsia dari Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan tertentu akan merasa terancam dengan pindaan-pindaan yang akan dibuat. Kepada golongan seperti ini yang mempunyai niat yang tidak baik, maka seharusnya kekuatan Undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi dikenakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 seperti yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

7.02 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 dan di samping ini untuk menyampaikan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan perasaan tanggungjawab yang penuh dan mendalam kepada rakyat, terutamanya kepada para pengundi saya bahawa saya bangun untuk menyertai perbahasan mengenai Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986. Maka dengan rasa tanggungjawab yang penuh ini dan

komitmen dan perhatian berat saya terhadap pemerintahan demokrasi berparlimen dan dasar "accountability" awam Kerajaan, maka saya ingin menyuarakan pendapat saya dengan ikhlas dan bebas mengenai Rang Undang-undang (Pindaan) yang dicadangkan ini.

Sebagai Ahli Parlimen pembangkang selama bertahun-tahun ini, saya sering bersikap adil dalam kritikan-kritikan saya terhadap Kerajaan. Saya memberi pujian yang mana saya fikir sesuatu pujian itu dapat diberikan. Jika Rang Undang-undang Kerajaan yang dibentangkan dalam Dewan ini memberikan manfaat dan kebaikan kepada rakyat, maka saya tidak teragak-agak untuk memberikan sokongan.

Saya telah meneliti dengan hati-hati dan menyeluruh Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 dan selepas memikirkan secara terperinci mengenainya, saya tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang bertentangan dengan kepercayaan saya terhadap demokrasi berparlimen dan accountability awam. Fikiran yang waras menyedarkan saya bahawa saya tidak boleh berkompromi dengan hal-hal yang memberikan penentangan dan serangan ke atas 5 bidang penting dalam kehidupan rakyat di Malaysia, iaitu:

- Demokrasi berparlimen;
- Kebebasan akhbar;
- Kebebasan kehakiman;
- Kerajaan yang bertanggungjawab dan accountable; dan
- Sesebuah negara yang bebas dari amalan rasuah.

Walaupun Kerajaan mendakwa bahawa dalam membentangkan Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) yang baru, ia telah mengambil kira pandangan-pandangan dan kritik yang bernas terhadap Rang

Undang-undang Rahsia Rasmi yang awal, tetapi apabila Rang Undang-undang (Pindaan) yang baru ini dipandang dengan teliti, ia menunjukkan bahawa cadangan-cadangan pindaan dalam Rang Undang-undang ini tidak pun dapat menghapuskan kesan-kesan yang "draconian", menekan dan buruk dari Rang Undang-undang asal.

Sebagai contoh, walaupun Kerajaan telah memutuskan untuk menggugurkan 4 dari 7 perkara yang disenaraikan dalam Jadual Rang Undang-undang yang lama sebagai "rahsia rasmi", tetapi ia tidak bermakna bahawa 4 kategori yang diketepikan itu adalah bukan lagi rahsia rasmi oleh kerana ia masih lagi boleh termasuk dalam skopnya menerusi kemasukan seksyen-seksyen baru 2A dan 2B, iaitu selepas seksyen 2 Akta induk. Oleh kerana di bawah seksyen-seksyen baru ini Menteri berkuasa dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* boleh menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini. Lebih-lebih lagi, seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui satu perakuan untuk mengelaskan atau mengclassifykan, dengan izin, apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai "rahsia besar", "rahsia", "sulit" atau "terhad" mengikut mana yang berkenaan.

Apa yang terdapat dalam cadangan pindaan baru dalam Rang Undang-undang ini merupakan beberapa perubahan "kosmetik" sahaja, tetapi kelemahan-kelemahan asas dan kekurangan dalam Rang Undang-undang lalu masih lagi ada. Beberapa aspek yang kurang baik dalam Rang Undang-undang lama masih

dikekalkan dalam Rang Undang-undang baru dan ianya seperti yang berikut:

- (i) mengekalkan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri untuk menambah, memotong dan meminda mana-mana peruntukan Jadual tanpa perlu melalui Parlimen, yang terkandung dalam Fasal 3 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 2A dan 2B;
- (ii) mengekalkan kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri untuk melantik mana-mana pegawai awam bagi mengelaskan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan yang ditanda sebagai "rahsia rasmi";
- (iii) menghapuskan kuasa kehakiman dengan mengekalkan hukuman penjara mandatori satu tahun; dan
- (iv) peruntukan untuk membela seseorang pegawai awam terhadap kesalahan di bawah seksyen 17A yang tidak dilanjutkan kepada penerima-penerima maklumat.

Daripada di atas, kita boleh melihat dengan jelas bahawa Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 masih mengandungi peruntukan-peruntukan yang memudaratkan dan ianya tidak jauh berbeza dari Rang Undang-undang (Pindaan) yang lepas.

DAP mengakui keperluan Kerajaan untuk menyimpan rahsia beberapa perkara penting yang tertentu tentang pertahanan dan keselamatan negara, tetapi mengapa pula sesuatu maklumat yang perlu diketahui umum, walaupun ianya akan memalukan Kerajaan tentang pendedahan kesalahan penyelewengan atau kesilapan Kerajaan dipelihara.

Maklumat ialah unsur terpenting bagi membolehkan penyertaan rakyat dalam proses demokrasi. Dengan menafikan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat Kerajaan, bererti Kerajaan secara langsung telah menggugat asas sistem demokrasi dan kemasyarakatan itu sendiri. Jika inilah niat Kerajaan untuk melindungi keselamatan negara dan rahsia-rahsia pertahanan daripada musuh dan anasir jahat dan tidak bertanggungjawab yang hendak menghancurkan negara ini, maka objektif ini boleh dicapai menerusi satu Akta pengintipan.

Dengan jelasnya Rang Undang-undang ini bermaksud untuk meletakkan Kerajaan dalam kerahsiaan serta menafikan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat yang benar. Jika rakyat tidak didedahkan kepada maklumat-maklumat tentang aktiviti Kerajaan, maka mereka terpaksa hidup dengan mempercayai khabar angin dan pada masa ini khabar angin nampaknya kemungkinan benar, melainkan terbukti sebaliknya.

Prinsip tanggungjawab Kerajaan dan accountability kepada rakyat adalah merupakan asas kepada sesebuah pemerintahan demokrasi dan untuk melemahkan asas ini, maka Rang Undang-undang (Pindaan) Rahsia Rasmi adalah benar-benar bertentangan dengan kepentingan negara dan merupakan sesuatu yang malang ataupun, dengan izin, "a set back" kepada pemerintahan demokrasi berparlimen di negara kita.

Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) adalah merupakan satu penafian kepada sebuah Kerajaan terbuka di Malaysia. Ini merupakan tindakan yang tidak sihat dalam sebuah pemerintahan demokrasi oleh kerana Kerajaan akan menjadi kurang terbuka dan bertanggungjawab ataupun "accountable" terhadap

setiap tindakannya, terutamanya mereka yang terlibat dalam salahguna kuasa dan penyelewengan.

Aspek yang amat mendukacitakan dari Rang Undang-undang ini ialah hilang kepercayaan terhadap hakim-hakim oleh para pentadbir atau Eksekutif dan Peguam Negara. Ini telah melemahkan doktrin. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Jelutong, minta penjelasankah?

Tuan R. Karpal Singh: Ya, untuk penjelasan. (*Ketawa*) Adakah Ahli Yang Berhormat sedar apa yang ada dikatakan oleh Hakim Harun Hashim baru-baru ini dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada confused atas doktrin Separation of Powers. Apa yang ada dibuat tindakan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti, ada pula yang bangun. Beri peluang?

Tuan R. Karpal Singh: Saya tak beri.

Puan Ling Chooi Sieng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order? Apa order? Nombor berapa? Tahu? (*Disampuk*) Which order?

Puan Ling Chooi Sieng: 36, *sub judice*. . . .

Tuan R. Karpal Singh: 36 berapa? (*Disampuk*) Seorang lawyer sekarang dia cari. . . . (*Disampuk*)

Beberapa Orang Ahli: 36 berapa, berapa?

Puan Ling Chooi Sieng: Kerana. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Duduk! duduk! duduk!

Puan Ling Chooi Sieng: Saya rujuk kepada 36 (2), Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya.

Puan Ling Chooi Sieng: Perkara ini ialah *sub judice* kerana rayuan sedang "pending" dalam perkara ini—it is pending.

Tuan R. Karpal Singh: What is pending? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat.

Puan Ling Chooi Sieng: Rayuan. (*Ketawa*) (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Keluang.

Puan Ling Chooi Sieng: Itu *sub judice*, Tuan Yang di-Pertua, kerana. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Kalau hendak cakap, cakap baik-baik. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti, biar dia pakai cermin mata.

Puan Ling Chooi Sieng: . . . tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan Mahkamah sekiranya pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang dibicarakan itu. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Keluang, duduk! Saya

bersetuju dengan pandangan itu dan di bawah Standing Order 36 (2), saya tidak membenarkan Yang Berhormat dari Jelutong menyebutkan perkara itu lagi. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih. Penjelasan atas perkara lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Perkara lain pula? Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang sedar dan bersetuju dari apa yang ada dibuat bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini menuju ke arah satu zaman dictatorship seperti zaman dictatorship di Filipina? Adakah rakan saya bersetuju atas isu ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia jawab.

Tuan Lee Lam Thye: Tentulah saya sedar dan bersetuju. (*Tepuk*) (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah saya teruskan ucapan saya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh. Sila.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada menyatakan bahawa aspek yang amat mendukacitakan dalam Rang Undang-undang ini ialah hilang kepercayaan terhadap hakim-hakim.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Ya, Yang Berhormat dari Kuantan. Penjelasakah atau point of order?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan, boleh beri?

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ucapan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Saya hendak tahu sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuantan, dia tak beri. Sila duduk Yang Berhormat dari Kuantan—dia tak beri penjelasan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat dari Bukit Bintang (*Disampuk*) telah mengambil pertimbangan di atas ucapan.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dua-dua duduk! Yang Berhormat pun duduk juga. Sila duduk, saya suruh duduk.

Kalau penjelasan diminta dan Ahli yang sedang bercakap tak beri, saya tak membenarkan Ahli yang meminta penjelasan bercakap. Teruskan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang memberi apa-apa penjelasan, memandangkan bahawa ramai Ahli-ahli yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya tidak hendak membazirkan masa. (*Tepuk*)

Aspek yang mendukacitakan saya ialah bahawa nampaknya dari Rang Undang-undang ini membuktikan

bahawa pihak Eksekutif telah hilang kepercayaan terhadap hakim-hakim dan ini telah melemahkan doktrin pengasingan kuasa antara badan Legislative, Executive dan Kehakiman yang boleh memberikan checks and balances, dengan izin, yang perlu bagi menggerakkan demokrasi.

Berhubung dengan seksyen 17A Rang Undang-undang (Pindaan) ini, yang memberi pembelaan ke atas seseorang pegawai awam yang membocorkan rahsia rasmi semasa menjalankan tugas rasminya, saya berpendapat bahawa pembelaan yang serupa hendaklah juga diberi kepada penerima-penerima maklumat seperti wartawan, Wakil-wakil Rakyat, pelabur, penyelidik dan ahli-ahli akademik yang juga bekerja untuk kebaikan dan kesejahteraan negara.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada munasabah bagi Kerajaan Barisan Nasional tergesa-gesa membentang dan meluluskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dengan menggunakan suara majoriti dalam Parlimen. Kerajaan hendaklah menangguhkan dahulu Rang Undang-undang (Pindaan) ini untuk kajian lanjut dengan membenarkan perbincangan awam yang sepenuhnya, tidak sahaja ke atas Rang Undang-undang ini, tetapi juga ke atas persoalan kebebasan maklumat di Malaysia. Jika Kerajaan boleh menangguhkan Rang Undang-undang (Pindaan) yang lalu untuk selama 8 bulan sejak kali pertama dibentangkan di Parlimen pada bulan Mac tahun ini, saya tidak nampak sebabnya mengapa ianya tidak boleh ditangguhkan lagi demi kepentingan orang ramai.

Nampaknya terdapat asas untuk membantah kepada Rang Undang-undang (Pindaan) Rahsia Rasmi yang akan meninggalkan akibat yang serius terhadap hak asasi rakyat. Hak untuk menerima maklumat dan pengetahuan, hak untuk mendapat

kebenaran, hak untuk kebebasan bersuara dan berucap yang akan dinafikan kepada rakyat jika cadangan pindaan ini diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini memang benar-benar bersifat draconian dan telah meletakkan demokrasi Malaysia dalam bahaya yang besar sejak merdeka pada tahun 1957. Semua rakyat Malaysia yang cintakan demokrasi dan kebebasan mestilah bersatupadu dan mengambil pendirian yang tidak bertolak ansur untuk menentang Rang Undang-undang ini. Kerajaan tidak seharusnya mencuba tergesa-gesa untuk meluluskannya di Parlimen tetapi hendaklah merujukannya kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen sebagaimana yang tadi telah dicadangkan oleh Wakil dari Tanjong bagi mengkaji keseluruhan Rang Undang-undang ini dan persoalan kebebasan maklumat di Malaysia.

Memandangkan pelbagai ulasan yang saya telah menyuarakan mengenai Rang Undang-undang ini, saya turut menyertai rakan-rakan saya yang lain dalam membantah Rang Undang-undang ini. Sekian. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Taiping.

7.20 mlm.

Dato' Paul Leong Khee Seong (Taiping): Tuan Yang di-Pertua, perdebatan mengenai peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini telah diadakan hangat di seluruh negara kita ini dan akhirnya telah pun tiba di Dewan yang mulia ini.

Apabila Rang Undang-undang ini diperkenalkan untuk pertama kalinya, tidak ramai dapat menduga bahawa ianya dapat menarik minat yang begitu luas di kalangan rakyat Malaysia. Walaupun minat tersebut boleh dikatakan telah menjadi kebimbangan ramai, kita mestilah menyambut dengan baik pandangan-pandangan yang dikemukakan mengenai Rang Undang-undang pindaan ini, kerana ianya bermakna bahawa demokrasi hidup subur di dalam negara yang kita cintai ini dan rakyat masih lagi mengambil berat apabila isu-isu yang mereka menyangka mengguris sanubari kepercayaan asas dikemukakan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab kita di sini untuk menumpukan fikiran kita terhadap isu-isu yang patut memerlukan perhatian yang serius dari kita semua.

Lazimnya, pindaan-pindaan pada apa juga undang-undang memberi sumber bagi fikiran-fikiran yang berteras dan berpandukan pada undang-undang digunakan dengan baik. Berhubung dengan Rang Undang-undang ini, kita telah dan sedang dihujani dengan pendapat-pendapat undang-undang dari kedua-dua pihak Dewan yang mulia ini yang masing-masing meminta sokongan dan kefahaman. Jika kita benar-benar mengkaji Rang Undang-undang ini secara terperinci, kita sudah tentu akan menemui belantara undang-undang yang dipenuhi dengan soalan-soalan pengertian dan pengtakrifan yang susah. Tidakkah payah saya menghurainya semua, memadailah di sini untuk saya menyenaraikan sebahagian daripada kebimbangan tertentu yang disuarakan terhadap pindaan-pindaan yang dicadangkan.

- (1) Kuasa yang diberi kepada Menteri untuk menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan dalam Jadual melalui perintah *Warta*.

- (2) Pemberian kuasa kepada Menteri untuk memberi kuasa kepada pegawai Kerajaan untuk mengkelaskan apa-apa dokumen rasmi sebagai rahsia.
- (3) Penghakisan kuasa atau "jurisdiction", dengan izin, mahkamah menentukan kesalahan.
- (4) Pengenaan hukuman penjara minimum setahun secara paksaan atau mandatory terhadap mereka yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Dewan yang mulia ini telah difahamkan bahawa Akta Rahsia Rasmi pada mulanya telah diadakan kerana keperluan untuk mengekalkan "integrity" Kerajaan terutamanya keputusan yang berkaitan dengan hal-ehwal keselamatan. Melalui masa, fungsi-fungsi Kerajaan telah menjadi lebih luas dan sehingga timbul pula keperluan untuk melindungi semakin banyak maklumat rasmi. Ini merupakan satu keperluan sah manamana pentadbiran Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Memang kami di dalam Barisan Nasional menerima keperluan ini.

Di bawah undang-undang yang sedia ada, tidak ada peruntukan untuk mentakrifkan apakah "rahsia rasmi". Ini telah menyebabkan beberapa kritikan bahawa kuasa Akta tersebut adalah terlampau luas. Kini, memang benar sebarang dokumen di dalam tangan Kerajaan boleh dikelaskan sebagai "rahsia". Sebagai tindak-balas kepada permintaan untuk menyempitkan pengtakrifan mengenai rahsia rasmi, Kerajaan Barisan Nasional telah mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk diterima oleh Dewan yang mulia ini. Ini adalah satu langkah berani Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan telah dikritik kerana kononnya mengemukakan satu Rang Undang-undang yang "oppressive" dan "Draconian". Oleh

itu, Kerajaan telah membuat beberapa pindaan untuk menghadkan skop Akta tersebut. Kerajaan sedar mengenai perasaan bimbang di semua peringkat akibat dari Akta tersebut.

Di dalam konteks ini, saya suka menekankan kebimbangan terhadap Seksyen baru 2A yang dicadangkan kepada Seksyen 2 Akta ibu yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menambah, memotong atau meminda apa yang harus atau boleh dikelaskan sebagai rahsia. Ianya mungkin melampaui bidang perkara-perkara yang disenaraikan dalam Jadual kepada Akta yang dicadangkan. Ini merupakan satu pindaan yang sepatutnya menimbulkan perasaan bimbang. Pendek kata, implikasi-implikasinya adalah luas.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, penggunaan budi bicara seseorang Menteri adalah mutlak dan tidak boleh dipersoalkan lagi oleh kehakiman mengikut Seksyen 16A Akta ibu yang dicadangkan.

Parti Gerakan merasakan bahawa penjara tidak boleh dikenakan secara keseluruhannya, ataupun "applied universally", dengan izin, kepada semua kesalahan yang mungkin dilakukan di bawah Akta ini. Saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengkaji semula hukuman penjara mandatori tersebut.

Di bawah pindaan yang dicadangkan.

Tuan P. Patto (Ipoh): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan P. Patto: Oleh kerana tadi Yang Berhormat dari Taiping memberitahu bahawa parti Gerakan tidak bersetuju dengan semua pindaan yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini, adakah beliau bercadang dalam Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini harus diserahkan

kepada satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini supaya mengkaji semula semua pindaan yang ada di hadapan kita ini?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, sabar untuk mendengar ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pindaan yang dicadangkan, sebarang pelanggaran terhadap Akta tersebut, walaupun ianya tidak berat dan serius, akan mengakibatkan seseorang itu menerima hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya selama setahun. Hukuman denda dan kuasa budi bicara mahkamah untuk membuat hukuman setimpal dengan berat kesalahan, satu peruntukan yang wujud dalam Akta ibu yang asal sekarang, akan digantikan dengan pindaan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi persoalan yang boleh dibangkitkan mengenai peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Rang Undang-undang tersebut. Saya tidak bercadang untuk mengulang-alik hujah-hujah tersebut. Tetapi, setelah mengkaji Rang Undang-undang tersebut secara menyeluruh, satu soalan besar masih lagi kekal: Mengapa? Mengapakah pindaan-pindaan ini diperkenalkan? Apakah kejadian atau siri kejadian yang telah mencetuskan dan memerlukan pengenalan Rang Undang-undang ini? Adakah undang-undang yang sedia ada sekarang tidak cukup untuk mengendalikan kejadian demikian rupa? Saya terpaksa mengaku bahawa saya tidak dapat menemui jawapan yang tersedia kepada soalan-soalan ini.

Tuan P. Patto: Untuk penjelasan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan P. Patto: Saya boleh beri satu jawapan untuk soalan tadi.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Namun demikian, jawapan kepada soalan-soalan ini adalah penting kerana jawapan tersebut menggariskan tentang fikiran kita mengenai apa yang salah di dalam sistem Kerajaan kita sehinggakan kita memerlukan pindaan-pindaan tersebut. Seperti yang telah disuarakan oleh ramai yang lain, Rang Undang-undang ini memerlukan kita mendefinisikan balik rangkuman batas awam dan oleh itu apa yang boleh dibuka dan didedahkan kepada orang ramai dengan memberi Kerajaan kuasa dan budibicara yang diperlukannya sekarang ini.

Adakah kepentingan awam dapat diuruskan dengan lebih baik lagi? Dapatkah sistem "checks and balances", dengan izin, yang terdapat di dalam Sistem Perlembagaan kita dikekalkan setelah pindaan-pindaan ini diterima oleh Parlimen?

Pada pendapat parti GERAKAN, Rang Undang-undang ini jika diluluskan di dalam bentuk yang sedia ada, imbalan Perlembagaan di antara kepentingan awam dan kepentingan Eksekutif akan menjadi berat sebelah kepada kepentingan Eksekutif. Walau bagaimana baik sekalipun tujuan Kerajaan, dan tidak dinafikan bahawa ianya mempunyai tujuan baik untuk mewakili dan mencerminkan kepentingan negara, kelulusan Rang Undang-undang di dalam bentuk yang sedia ada, malangnya akan memberi tanggapan bahawa wujudnya kekurangan kepercayaan terhadap umbi masyarakat demokrasi. Sejak

merdeka, kita telah membentuk satu sistem Kerajaan yang dengan sendirinya telah menakrifkan garis dan batas Kerajaan dan hak individu kepada penerangan. Mungkin, ianya tidak merupakan satu imbalan yang lengkap ataupun "perfect equilibrium", dengan izin.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tidak beri jalan. Tetapi ianya merupakan satu imbalan yang telah berfungsi dengan baik. Marilah kita bersama menghayati pusaka kita ini dan marilah kita mempertahankan dan menilai prinsip-prinsip demokrasi dalam mana semua telah didewasakan.

Akhir sekali, izinkan saya menjelaskan pendirian saya. Kami dalam GERAKAN menerima tujuan baik Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini. Kami telah pun menghantar cadangan-cadangan mengenainya. Kami merasa gembira bahawa satu cadangan kami untuk menghadkan lagi definasi "rahsia rasmi" telah diterima. Namun demikian, kami juga. . . .

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Saya tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri.

Beberapa Orang Ahli: Oh! takutkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari meja "E", "F" sana, janganlah kata "takut". Itu hak (right) dia. Kita berbincang berkenaan dengan hak sekarang. Kita tidak

membenarkan kalau dia tidak beri jalan. Kalau dia tidak beri jalan, kita kata takut, tidak boleh seperti itu. (*Tepuk*) Sekian sahaja, sila teruskan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Patto: Dia beri tadi, bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan P. Patto: Untuk penjelasan ada.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan tadi.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Duduklah Yang Berhormat! Dengar ucapan saya.

Kami berasa gembira bahawa satu cadangan kami untuk menghadkan lagi definasi "rahsia rasmi" telah diterima. Namun demikian, kami juga telah menyarankan supaya kuasa budibicara pihak Eksekutif dihadkan lagi apabila menentukan apa yang "rahsia rasmi" dan apa yang "bukan rahsia rasmi". Kami juga meminta peranan kehakiman untuk menentukan hukuman di bawah Akta tersebut dikembalikan dan hukuman penjara mandatori selama setahun dimansuhkan. Saya berharap dengan jujur hati bahawa cadangan-cadangan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Sebagai kata penutup, saya suka membuat satu permintaan khas kepada pihak Kerajaan. Apabila Rang Undang-undang ini sudah menjadi undang-undang, ramai akan melihatnya sebagai titik permulaan satu era yang sukar di mana Kerajaan mempunyai kuasa yang ketat ke atas maklumat awam dan mereka yang urusannya menyentuh maklumat awam akan sentiasa diancam dengan hukuman penjara.

Kerajaan boleh bertindak untuk menjernihkan kekeruhan persepsi tersebut dan memberi pengertian kepada tujuan baiknya dengan melancarkan satu program yang selaras untuk memberi kepada orang awam dan terutamanya para wartawan sebanyak maklumat yang boleh yang tidak merupakan rahsia. Lancarkanlah satu kempen baru untuk mencapai satu masyarakat yang lebih berpengetahuan kerana adalah menjadi kepercayaan kita semua, Tuan Yang di-Pertua, bahawa demokrasi hidup subur dalam masyarakat yang berpengetahuan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seremban.

7.38 *mlm.*

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit pandangan mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita melihat versi ketiga Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986. Versi pertama dikemukakan sebelum pilihanraya umum tetapi ditarik balik kerana khawatir tidak mendapat undi dan kemungkinan tidak juga mendapat kemenangan 2/3 majoriti di Parlimen. Selepas pilihanraya, pindaan yang kedua dikemukakan, tetapi itu juga ditarik balik sekali lagi kerana pertikaian yang hebat daripada orang ramai.

Kini kita dihadapkan dengan versi ketiga. Selepas semua pembetulan "solek" dibuat, Kerajaan Barisan masih berjudi bahawa Ahli Dewan Rakyat dalam Dewan ini akan diperkenalkan wajah baru OSA. Kemungkinan besar, dengan izin, back-benchers Kerajaan telah terpicat kepada terjemahan baru Akta tersebut. Tetapi kami dalam DAP kesemua 24 Ahli Dewan Rakyat tidak begitu senang ditipu. Mereka boleh

menyolek dengan berapa lapisan yang tebal atau mengecatkan OSA, tetapi kekotoran dan kekejamannya tidak boleh disembunyikan.

OSA adalah satu Akta yang sangat kejam dan mempunyai implikasi kejam yang berleluasa. Akta ini begitu kejam sehingga pembuat-pembuat Akta tersebut berasa ragu-ragu dan terpaksa menarik balik dan membaiki Akta ini beberapa kali. Seseorang akan bertanya diri sendiri sama ada pembuat-pembuat Akta sedar apa yang mereka sedang lakukan dan kemungkinan kesan-kesan yang baru akan berlaku. Pendirian mereka yang teragak-agak ini menunjukkan bahawa mereka berasa ragu-ragu dan tidak dapat mengawal diri mereka sendiri atau situasi politik, ekonomi serta sosial dalam negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, dengan izin:

"It seems to me that those who are opposed to OSA will be opposed to it no matter what we do. They never bother to study it or to ask for any explanation. May be in UMNO too, there are those who never study it".

Ini adalah satu ucapan yang amat mengejutkan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seseorang mungkin menyangka pendapat ini datang dari seorang back-bencher Barisan. Pihak-pihak yang menentang OSA ini datang dari semua lapisan masyarakat iaitu dari peguam-peguam, dengan izin, civil rights champions, ahli akademik serta dari bekas Perdana Menteri. Mereka semua telah mengkaji serta menganalisa Akta tersebut beberapa kali. Oleh kerana mereka sedar akan kesan-kesan buruk Akta ini, dan kemungkinan besar OSA akan menjejaskan demokrasi, mereka telah menubuhkan Jawatankuasa Kempen Kebebasan Maklumat. Mereka telah menghabiskan masa mereka

memberitahu rakyat dari satu tempat ke satu tempat yang lain di seluruh negara. Mereka telah menghabiskan masa dan wang mereka bukan untuk memperolehi apa-apa untuk mereka sendiri, tetapi untuk kepentingan rakyat dan negara dan juga untuk memelihara hak-hak asasi demokrasi, kebebasan maklumat dan kebebasan berucap.

Tuan Yang di-Pertua, mereka adalah rakyat yang tidak mempunyai pengaruh politik. Jadi, jangan berkata yang DAP telah mempengaruhi mereka. Mereka adalah tokoh-tokoh integrasi dan "patriotism", dengan izin, yang paling dihormati. Mereka amat terkenal seperti Tan Sri Ahmad Noordin, Dr Chandra Muzaffar, Encik Param Cumarasamy dan Encik Gurmit Singh.

Tan Sri Ahmad Noordin seorang pesara kakitangan Kerajaan boleh tinggal di rumah dan menikmati kehidupannya dan menulis rancangan-rancangan tetapi beliau memilih pada masa kini yang genting ini untuk berjuang untuk hak-hak rakyat.

Dua bekas Perdana Menteri telah keluar menentang Akta Rahsia Rasmi. Tunku Abdul Rahman berkata undang-undang kini adalah mencukupi untuk bertindak ke atas sesiapa yang mencuri rahsia Kerajaan dan OSA hanya menyekat kebebasan. Tun Hussein Onn berkata, pindaan tersebut adalah seperti membunuh nyamuk dengan palu dan OSA hanya mewujudkan satu situasi kedudukan masa Occupation Jepun di negara kita.

Bekas Perdana Menteri kedua, tidak bersama kita. Sekiranya beliau masih ada beliau mesti tentang OSA juga. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dr Mahathir berkata kedua-dua bekas Perdana Menteri.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan sebut nama.

Dr Chen Man Hin: Ya. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata kedua-dua bekas Perdana Menteri tidak mengkaji OSA? Sekiranya kedua-dua bekas Perdana Menteri berpendapat pindaan ini tidak perlu, kenapa pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ini berpendapat lain? Ini bermakna dia tidak mempunyai kepercayaan yang penuh terhadap kesetiaan dan disiplin pegawai-pegawai Kerajaan dalam Kementerian daripada orang yang lebih dahulu memegang jawatannya. Bila pegawai-pegawai Kerajaan memecahkan keamanan, undang-undang kini seperti Akta Pencegah Rasuah boleh digunakan terhadap mereka tanpa meminda OSA. Kelemahan-kelemahan berlaku di dalam mengimplimentasikan undang-undang ini terhadap mereka yang menipu dan menerima rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah (ACA) harus dijadikan satu badan yang berdikari dan dikawal oleh Hakim jika dia hendak menjadi Badan Pencegah Rasuah yang berkesan. Ia tidak sepatutnya dipengaruhi oleh ahli-ahli politik jika ia hendak beroperasi dalam keadaan yang berdikari dan mempunyai kebebasan untuk mendakwa sesiapa sahaja tanpa merasa ketakutan atau berat sebelah kerana ini tidak dapat menghapuskan rasuah. Pegawai-pegawai yang menerima rasuah dan mencuri rahsia Kerajaan sepatutnya dibongkarkan dan ditangkap bila ACA tidak dipengaruhi oleh ahli-ahli politik.

Tuan Yang di-Pertua, OSA telah dipinda supaya rahsia-rahsia gelap (dark) dapat disembunyikan dalam rahsia Kerajaan. Rahsia ini termasuk ketidakcekapan mengurus, ketidakcekapan menggunakan wang Kerajaan, politik yang berat sebelah serta skandal-skandal yang mengancam negara ini.

Untuk memahami asal usul OSA seseorang mesti mengetahui latar belakang politik negara kita. Kerajaan ini diurus dengan dasar "patronage", dengan izin, dan ketidakadilan untuk parti "loyalist", dengan izin. Tanah diberikan dengan jumlah ekar yang besar; begitu juga konsesi kayu balak, kontrak-kontrak dan lain-lain lesen. Kesemua ketidakcekapan akan bertambah dan OSA adalah untuk menutup semua ini dari pengetahuan orang ramai.

Terdapat satu siri skandal yang terbesar sekali ialah skandal BMF di mana ia menunjukkan satu contoh, dengan izin, "financial fraud" yang besar dan rasuah di kalangan pegawai tinggi kewangan. Penyiasatan skandal ini dijalankan oleh tiga-orang-committee yang diketuai oleh.....

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Chen Man Hin: Sila.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Ahli Yang Berhormat itu menyebut pegawai tinggi Kerajaan yang terlibat dengan BMF. Saya ingin mendapat maklumat berkenaan dengan pegawai tinggi Kerajaan ini.

Dr Chen Man Hin: Beliau tersilap. Pegawai tinggi kewangan di dalam bank itu—saya tidak sebut "Kerajaan". Penyiasatan atas skandal ini dijalankan oleh tiga-orang-committee diketuai oleh Tan Sri Ahmad Noordin. Laporan Noordin telah membongkarkan banyak ketidakcekapan dan penipuan dan ia telah menunjukkan jalan untuk mengadakan lebih penyiasatan untuk menyelesaikannya.

Laporan Noordin juga mengumpul bukti-bukti yang banyak untuk didakwa ke atas individu-individu tetapi sehingga hari ini Peguam

Negara atau Attorney-General masih belum mendakwa sesiapa dalam mahkamah. Ini adalah satu skandal lagi, satu peninggalan tugas terhadap rakyat. Skandal BMF, diikuti oleh pembongkaran skandal yang seterusnya seperti skandal UMBC, skandal Pan-El.....

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Peraturan Mesyuarat 36 (1), isu BMF tidak ada berkaitan dengan urusan perbahasan kita pada malam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sangkutannya Yang Berhormat. Dia cuba sangkutkan.

Dr Chen Man Hin: Memang ada kaitan—skandal Pan-El, skandal MAMINCO serta skandal Koperasi dan lain-lain. Tujuan pindaan OSA ialah untuk menyembunyi lebih banyak skandal daripada terbongkar.

Tuan Yang di-Pertua, OSA 1972 yang asal adalah bermaksud untuk menangkap lebih pengintip dan pengkhianat yang menjual rahsia kepada negara luar. Ini adalah salinan daripada OSA England yang didrafftkan sebelum Perang Dunia Pertama.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuantan bangun.

Dr Chen Man Hin: Ya.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Seremban sama ada beliau mengambil pertimbangan terhadap penjelasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan Akta ini, di

dalam teks ucapan beliau yang sudah, dengan izin, "well prepared before hand" itu.

Dr Chen Man Hin: Ya, sudah. Tetapi Perdana Menteri yang inginkan satu perubahan yang luar biasa dan meminda OSA di mana tidak ada negara lain yang pernah buat selama ini untuk membuat rahsia Kerajaan yang tidak sepatutnya diketahui oleh negara luar. Ini adalah satu perkara untuk melindungi maklumat keselamatan dan ketenteraan dan tertakluk di dalam OSA 1972.

Tetapi Akta tersebut juga telah disalahgunakan. Dalam lima kes dibicara dalam mahkamah tiada satu defendent didakwa sebagai pengintip atau pengkhianat. Mereka disalahkan kerana memberi maklumat kepada rakyat yang patut mengetahuinya. Ketua Pembangkang, Ahli dari Tanjong, adalah salah seorang daripada mereka. Dalam kesnya dia membongkarkan ketidakcekapan pembelian bot-bot Angkatan Tentera Laut, dengan tujuan untuk menjimatkan wang rakyat sebanyak \$166 juta. Tuan Lim Kit Siang rela mengorbankan career politiknya tetapi counsel beliau memberitahu alasan untuk melanggar undang adalah tidak munasabah memandangkan kesalahannya. Jadi beliau didapati bersalah dan didenda. OSA 1986 mempunyai pindaan yang dapat mengelaskan perkara Kerajaan bersangkutan dengan Kabinet dan State Executive Councils sebagai "rahsia". Perkara ini tidak bersangkutan dengan pertahanan dan keselamatan negara. Sebagai contoh dalam perkara ini misalnya Cabinet reshuffle dan lain-lain dikelaskan sebagai rahsia. Ini adalah suatu yang keterlaluan. OSA diubahsuai.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Seremban yang merujuk kepada soal kes Public Prosecutor vs Lim Kit Siang, bahawa kononnya Lim Kit Siang ini membela kepentingan rakyat dan itu bukan satu perkara yang rahsia. Saya ingin merujuk Yang Berhormat dari Seremban kepada satu buku yang bertajuk, dengan izin, "So you want to be a journalist" dan dalam buku itu, Justice Abdul Hamid has defined, dengan izin, "Secret is something which nobody is entitled....."

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi ucapan itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak, Ada hubungan dengan soalan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan dengan penjelasan itu, jangan berucap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Soalan daripada penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, ialah secret yang dimaksudkan oleh Justice Abdul Hamid, dengan izin, "nobody is entitled to reveal something which is to be kept secret and the fact that other people know about it does not make it cease to be a secret". Jadi ertinya, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Seremban dia faham atau tidak soal kes itu, atau sahaja hendak menjual publisiti murah sebagai Ketua Pembangkang. Tidak ada orang hendak dengar, jam sudah 8.00 dan hendak baliklah. (*Disampuk*).

Dr Chen Man Hin: Itu kes saya faham. Masa itu saya ada di sana, ada ikut kes itu dengan teliti. Yang Berhormat dari Tanjong ada kata, dia bawa perkara ini kerana dia mahu tunjuk penyelewengan dalam pembelian boat-boat itu, dengan

tujuan untuk menjimat wang. Apa yang dia tunjuk itu bukan secret. Di mana-mana jenis pembelian kapal itu ada secret, tetapi di mana ada secret itu?

Tuan Yang di-Pertua, OSA 1986 mempunyai pindaan yang dapat mengelaskan perkara urusan Kerajaan bersangkut dengan Kabinet dan State Executive Councils sebagai rahsia. Perkara ini tidak bersangkut dengan pertahanan dan keselamatan negara. Sebagai contoh dalam perkara ini misalnya Cabinet reshuffle dikelaskan sebagai rahsia. Ini adalah sesuatu yang keterlaluan. OSA diubahsuai untuk melindungi kepentingan sebilangan orang dan bukan rakyat supaya mereka dapat kuasa dan mempunyai kebebasan untuk menggunakan wang dalam Perbendaharaan Negara.

Oleh kerana kuasa diberi kepada Menteri dan, dengan izin, public officer, mereka dapat meminda senarai rahsia. Dalam masa yang akan datang, tentu semua perkara Kerajaan akan dianggap sebagai rahsia rasmi. OSA 1986 akan menyembunyi semua perkara Kerajaan dan sesiapa yang membongkar perkara ini sama ada dia seorang pegawai Kerajaan, wartawan, Wakil Rakyat atau pekerja, penyelidik atau research officer akan didakwa. Jika bersalah dia akan dipenjarakan sekurang-kurangnya satu tahun, dan ini adalah mandatori dan hakim tidak mempunyai apa-apa pendapat jika ia dikelaskan sebagai rahsia dan beliau terpaksa menghukum pesalah itu. OSA telah dipinda dari objektif asal yang menangkap pengintip dan pengkhianat. Sekarang ia berarahkan kepada wartawan-wartawan yang mencari kebenaran, Wakil Rakyat yang mencari maklumat untuk kebaikan Kerajaan, pekerja dan penyelidik yang bekerja untuk masa hadapan negara kita.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kuantan bangun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Yang Berhormat dari Seremban baru menyebut tentang kebebasan dan juga wartawan. Jadi, saya ingin tahu daripada beliau apakah beliau sedar bahawa sebuah negara di selatan negara kita ini mempunyai satu holding company untuk menjadi majikan kepada semua suratkhbar di Singapura. Jadi, apakah penjelasannya tentang yang kita katakan freedom ini, kerana parti yang memerintah di sana saya difahamkan menjadi sumber ilham DAP di sini? (*Tepuk*)

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, itu sangkaan tidak baik.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Dr Chen Man Hin:dan patut ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya.

Tuan P. Patto: Saya minta Yang Berhormat dari Kuantan menarik balik perkataan-perkataan "parti' DAP mendapat ilham daripada parti yang memerintah di Singapura." Saya berdiri di atas Peraturan Mesyuarat 36 (6) iaitu seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuantan.

Tuan P. Patto: Tarik balik!

Tuan Yang di-Pertua: Minta tarik balik.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Saya rasa perkataan itu bukan unparliamentary, bukan juga sangka buruk, tetapi.....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat mempunyai sangkaan buruk?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tidak sangkaan buruk.

Tuan P. Patto: Ianya ternyata oleh kerana ia tidak ada bersangkutan dengan ucapan Yang Berhormat dari Seremban. Apa ada sangkutpaut dengan Singapura atau pemerintah di situ?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat dari Kuantan tarik balik.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Jadi, kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya menarik balik perkataan yang bererti menganggap DAP sebagai sumber ilham itu—saya boleh ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah lanjut. Saya mintalah supaya jangan memanjang-manjangkan mesyuarat ini dengan tidak sebab-sebab yang munasabah. Sedikit masa lagi saya akan menutup perbahasan ini. Sila Yang Berhormat dari Seremban.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari keputusan bagi OSA. Hari ini adalah juga hari "Doomsday" kalau ini diluluskan. Ia merupakan hari yang bersejarah. Ia boleh menjadi hari kemenangan atau hari kekalahan bagi demokrasi. Dewan ini boleh sama ada menarik balik atau merujuk kepada Committee untuk kajian lanjutan dan mendapat pendapat dari orang ramai. Semua Wakil Rakyat dari semua parti seharusnya menggunakan kesedaran atau "Conscience" mereka dan

mengundi untuk kepentingan demokrasi dan Kerajaan yang baik. Mereka tidak sepatutnya mengenakan "party whip", dengan izin, ke atas mereka terutama Barisan MPs. Jika Barisan "whip" dikenakan, semua Barisan MPs sepatutnya menggunakan kesedaran mereka sendiri dan keinginan orang ramai dalam kawasan pilihanraya mereka. MP-MP patut mengambil keputusan.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuantan bangun. Hendak beri jalankah Yang Berhormat? Tidak beri jalan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini "Party Whip", "Party Whip", kita datang ini bebaslah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Chen Man Hin: Ikut Tuan Speaker, masa sudah suntuk. Tuan Yang di-Pertua, MP-MP patut mengambil keputusan yang betul dengan membantah OSA 1986. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mas Gading. Selepas itu saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta satu penjelasan? Oleh kerana Rang Undang-undang ini adalah amat penting dan telah pun menarik perhatian dan pandangan orang ramai, bolehkah Yang Berhormat Tuan Speaker menggunakan budibicara untuk melanjutkan perbahasan. Saya mendapati rakan saya sendiri di sini dan juga Ahli-ahli Parlimen dalam Barisan Nasional pun mahu membahaskan Rang Undang-undang ini. Itu satu rayuan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun faham juga. Tetapi masa kita suntuk. Sekarang belum lagi masuk kepada Committee. Selain daripada itu, saya ada dengar ucapan-ucapan ialah ulangan-ulangan. Kebanyakan ulangan telah pun diucapkan. Jadi, yang demikian saya rasa eloklah kita menamatkan lepas ini.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya pun ada hak dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada hak, ya.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Bolehkah tidak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah memutuskan tadi.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya dengar Tuan Yang di-Pertua kata, lepas ini akan diberi pada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah jikalau begitu, saya beri Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bercakap. Selepas Yang Berhormat dari Mas Gading, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Ahli-ahli DAP telah pun diberi lebih daripada 2 jam.

Tuan P. Patto: Ada perkara-perkara baru (*Ketawa*) yang belum lagi diucapkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Mas Gading, sila teruskan.

7.58 m/m.

Dr Patau Rubis (Mas Gading): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, kita mari di sini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekiranya tiap-tiap Ahli

Yang Berhormat ini hendak berucap, bagaimanakah kita hendak menghabiskannya?

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, kita mari di sini.....

Tuan Yang di-Pertua: Kita telah luluskan satu usul hendak menghabiskan ini malam ini juga. Yang Berhormat dari Mas Gading, sila teruskan. (*Disampuk*)

Dr Patau Rubis: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli-ahli parti DAP ada menuduh Ketua Kerajaan sebagai "dictator, draconian" dan "oppressive" semuanya, dia sendiri tidak patuh dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*) Dengan itu juga.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dr Patau Rubis: Saya tidak memberi jalan kepada siapa-siapa. Ramai lagi mahu berdiri untuk mengambil peluang berucap sebelum ada keizinan dari Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 15 (1). Kalau begitulah sikap orang Pembangkang, bagaimanakah mereka dapat mendidik dan mengembangkan soal demokrasi? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak parti SNAP untuk menyokong cadangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Rang Undang-undang Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 dibaca kali yang kedua.

Kami sedar bahawa mengikut rujukan-rujukan yang dibuat oleh beberapa orang dan kumpulan pendirian ini tidak "Popular", dengan izin, tetapi oleh kerana kami memberi keutamaan kepada keamanan, keselamatan dan kestabilan negara, kami menyokong cadangan pindaan Akta ini. (*Tepuk*)

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Seterusnya kami berharap bahawa selepas kelulusan usul ini dan dalam pelaksanaan Akta baru ini, tidak adalah wartawan-wartawan dipenjarakan oleh kerana mereka menjalankan tugasnya dengan bertanggungjawab supaya pihak berkenaan tidak menyalahgunakan kuasanya untuk kepentingan diri sendiri. Sokongan kami bukanlah kerana kami tidak menghargai hak kebebasan rakyat.

Untuk pengetahuan, kami memang menghargai tetapi apa yang kami lebih hargai dari hak ini ialah keamanan dan kestabilan negara. Menurut keadaan dalam dunia ini sekarang, tidak ada negara yang kami tahu yang mentadbir secara terbuka dengan tidak ada rahsia rasminya. Dalam negara kita sendiri juga tiada parti politik menjalankan mesyuaratnya secara terbuka kepada orang awam. Pada pendapat saya sendiri tidak ada penyunting suratkhbar ingin memberi nama sebenarnya orang menulis surat kepada penyunting. Ertinya pada keseluruhannya semua seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat adalah rahsia yang kita tidak ingin memberitahu kepada orang ramai. Jikalau Kerajaan tidak diberi hak untuk menjalankan urusannya dengan ada rahsia rasmi, kami berpendapat Kerajaan tidak dapat mengambil pendirian atau tindakan yang sensitif tetapi penting untuk mengekalkan keselamatan, keamanan, kestabilan dan pertahanan negara.

Akhirnya, oleh kerana ramai lagi orang lain mahu berucap, Tuan Yang di-Pertua, kepada tuduhan-tuduhan Ketua Pembangkang dan ahli-ahli yang lain awal tadi, kami tidak perlu menjawab oleh kerana dari sikap beliau mengenai sebab-sebab kami menyokong pindaan ini adalah tidak benar. Nampaknya sikap beliau sendiri adalah "draconian, dictatorial dan oppressive", dengan izin, dan beliau nampaknya.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr Patau Rubis: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak beri, sila teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk!

Dr Patau Rubis:.....dan beliau nampaknya ingin.....

Tuan Hu Sepang: On a point of order.

Dr Patau Rubis:.....mengurus Dewan yang mulia ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada satu point of order, duduk sekejap!

Tuan Hu Sepang: Perkataan-perkataan yang disebutkan tadi adalah merupakan sangkaan jahat terhadap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apakah perkataan itu, Yang Berhormat?

Tuan Law Dak Kee: "Dictatorial" dan sebagainya. Kalau tidak ada bukti, jangan buat tuduhan yang tidak berasas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat.

Dr Patau Rubis: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat!

Tuan Hu Sepang: Buktikan, bukan teruskan!

Dr Patau Rubis: Bukti pun boleh, kalau Yang Berhormat mahu dan Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan. Tetapi soalan ini.....

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, izinkan supaya dia buktikan tuduhan beliau itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah, sila duduk!

Tuan Hu Sepang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Patau Rubis: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang disebut tadi bersamaan dengan soalan dan perkataan yang diberi oleh Ketua Pembangkang sendiri dalam Dewan yang mulia ini. (*Tepuk*) Jadi bagaimanalah Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Pembangkang boleh menggunakan perkataan itu sedangkan Ahli-ahli dari pihak Kerajaan tidak boleh dipakai.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dr Patau Rubis: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya kata tadi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta penjelasan, beri atau tidak?

Dr Patau Rubis: Tidak beri, Tuan Yang di-Pertua, (*Disampuk*) kerana ramai Ahli Yang Berhormat lain yang ingin berucap dan kita mestilah memberi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Dr Patau Rubis: Terima kasih. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rasah, jangan buat begitu.

Tuan Hu Sepang: Saya hendak komen, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Patau Rubis: Tidak payah, dengan tujuan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, kami menyokong pindaan yang dibuat kepada Akta Rahsia Rasmi ini dan kami percaya Kerajaan tidaklah menyalahgunakan kuasa itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

8.07 m/m.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat, kita tunggu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, kalau saya mahu mengambil jalan pendek dan ringkas, tidak payah.

Saya bangun dan bercakap pada petang ini, kerana pihak Kerajaan melalui Yang Amat Berhormat dalam membentangkan Rang Undang-undang tadi telah begitu panjang memberi hujah yang saya percaya bagi pihak Kerajaan dengan hujah itu akan mendapat undi bulat dari anggota Dewan, tetapi (*Ketawa*) oleh kerana kita semua tahu Akta ini adalah satu Akta yang serius yang sudah lama dicita-cita oleh Kerajaan tetapi belum mendapat kelulusan, maka saya sebagai wakil yang mewakili 700,000 pengundi di belakang saya, walaupun saya berseorangan di sini, maka perlulah juga saya mengambil peluang dan menarik pandangan Dewan ini supaya sama-sama kita dapat memberi pertimbangan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, ada yang bangun minta penjelasan, beri atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kira begini sahajalah, (*Ketawa*) pihak Kerajaan nanti beri undi sudahlah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan, lebih dahulu saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang sama kepada saya untuk menyertai perbahasan ini dan peluang ini hampir-hampir tidak dapat, kerana kali yang ke tujuh saya bangun, tidak mendapat perhatian seolah-olah demokrasi sudah "mati" dalam Dewan ini. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tarik balik perkataan itu!

Seorang Ahli: Belum "mati", "sakit" sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila tarik balik.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Belum mati.

Tuan Yang di-Pertua, Penggal Ketujuh, Dewan Rakyat ini bermula dengan Titah Di-Raja yang menggesa supaya sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat mempertahankan sistem demokrasi. Kerajaan Barisan Nasional melalui Titah Di-Raja ini mendakwa bahawa demokrasi berparlimen sudah sebatu dengan amalan rakyat dan Kerajaan negara ini. Tetapi Mesyuarat Pertama Penggal ini cuba ditutup dengan suatu Rang yang bercanggah

dengan roh Titah Di-Raja tadi dan Rang itu sedang kita bincang sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan parti saya mempunyai sikap yang tersendiri dan jelas mengenai sistem demokrasi itu dan kini saya meragui kesungguhan dan ketulusan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang ada untuk menjunjung amalan demokrasi itu. Dakwaan Kerajaan itu telah ternafi dengan terbentangnya di Dewan ini sebuah Rang Undang-undang yang meragut hak dan kemerdekaan rakyat khususnya berhubung dengan pengaliran maklumat dan kebebasan bersuara.

Tuan Yang di-Pertua, belum pernah dalam sejarah selepas merdeka program Kerajaan.....

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan. (*Disampuk*)

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak payahlah. (*Ketawa*)

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tidak boleh?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak boleh. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Masih tidak beri lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak beri. Cukuplah, sudah pihak Kerajaan bercakap, ramai.

Tuan Yang di-Pertua, belum pernah dalam sejarah selepas merdeka program Kerajaan dipersoalkan oleh segenap lapisan penduduk negara ini seperti Rang Undang-undang ini yang lebih dikenali sebagai OSA yang mula diumumkan sebagai kependekan dari "Orang Sakit Akhlak". (*Tepuk*) Rang

Undang-undang yang kita membahaskan sekarang adalah pindaan ke atas Rang Undang-undang pindaan. Rang Undang-undang yang pertama yang dibentangkan untuk bacaan pertama di Dewan ini telah ditarik balik. Ia digantikan dengan Rang Undang-undang baru yang tujuan dan rohnya tidak berbeza. Ia adalah menolak semangat Titah DiRaja pada Oktober lalu. Pindaan ini sebenarnya telah dikemukakan pada bulan Mac lalu sebelum Parlimen dibubarkan. Kerana ia dibenci oleh rakyat, Barisan bimbang untuk menghadapi pilihanraya, lalu ia ditarik balik. (*Tepuk*) Rakyat merasakan pemimpin Kerajaan peka dengan pandangan rakyat tetapi setelah rakyat tertentu menyokong semula maka balasan kepada sokongan itu ialah OSA. Suatu keadaan jika dibandingkan mungkin sama dengan budi Malaysia yang memberi kepada jirannya air tetapi dibalas dengan lawatan Ketua Negara Israel.

Rang Undang-undang pertama ditarik balik, kerana kononnya Kerajaan peka dengan reaksi rakyat tetapi sebenarnya Kerajaan tidak benar-benar memahami psikologi dan kemahuan rakyat. Bagi rakyat yang siuman yang tidak diselaputi oleh daki subsidi hak mereka yang tiada tolok bandingnya ialah kebebasan. Tetapi Kerajaan yang pada nama sahaja mewakili rakyat ini lalu mengemukakan pula Rang Undang-undang balasan yang juga menjerut saki baki kebebasan yang ada lagi itu. Rang Undang-undang ini dengan sendirinya mencemarkan nama baik Dewan ini dan kiranya diluluskan juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah menggunakan kemuliaan Dewan ini untuk menekan rakyat.

Timbalan Perdana Menteri mengira Rang Undang-undang yang baru itu jauh lebih baik dari yang dahulu. Pada saya kebaikan itu bolehlah diibaratkan kepada dua perbandingan, dua

perkara yang tidak sopan. Misalnya, kencing berdiri dengan kencing berlari. (*Ketawa*) Kencing berdiri lebih baik daripada kencing berlari tetapi kedua-duanya tidak sopan.

Perbezaan dalam pindaan yang baru cuma takrif "rahsia rasmi" itu agak khusus sedikit, tidak terlalu umum seperti yang dahulu. Kalau dahulu sekalian yang berpangkat ketua boleh memutuskan sesuatu sebagai rahsia atau apa-apa juga dan tidak boleh dipertikaikan oleh mahkamah tetapi yang baru ini membenarkan orang-orang tertentu termasuk pegawai awam boleh mengelaskan semula mana-mana surat dalam jadual sebagai "rahsia rasmi", "rahsia", "sulit" atau "terhad". Kalau yang dahulu siapa sahaja yang tertuduh tidak akan dapat dibela dan membela diri tetapi agak longgar sedikit kali ini kerana ada ruang membela diri bagi pegawai awam, jika apa-apa yang dilakukan itu adalah dalam masa menjalankan tugas rasminya atau kuasa yang sepatutnya. Dengan peruntukan itu cuma pegawai awam yang boleh melepaskan diri tetapi pihak lain termasuk ahli politik, para wartawan dan lain-lain tidak akan selamat. Rang Undang-undang ini jelas telah memberikan kuasa yang besar kepada para Menteri untuk memutuskan apakah yang rahsia dan apakah yang tidak. Sekalipun Menteri bertindak atas maklumat dan nasihat tetapi undang-undang rasional ialah yang mengelakkan sebarang orang diberi kuasa yang besar. Kuasa-kuasa yang sama juga diberi kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, orang UMNO Pulau Pinang akan menjadi pihak yang paling kecewa dengan Rang Undang-undang ini, kerana kita tahu parti itu tidak gembira dengan pimpinan Kerajaan Negeri itu. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini nanti, UMNO Pulau Pinang tidak lagi boleh menimbulkan atau mempersoalkan

suratan-suratan yang dikelaskan sebagai rahsia ataupun sebagainya oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. *(Tepuk)* Antara yang dipertikaikan.....

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Dia sebut UMNO Pulau Pinang, dan saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Beri atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Berasa kenakah? *(Ketawa)* Tidak payahlah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Teguran ini biarlah bertanggungjawab. Dia takut sangatkah, Tuan Yang di-Pertua? *(Disampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, antara yang dipertikaikan mengenai Rang Undang-undang dahulu ialah hukuman mandatori, *(Ketawa)* penjara tidak kurang dari setahun.

Seorang Ahli: Tidak larat hendak sebut.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya orang kampung. *(Tepuk)* Lidah telor. Tidak kurang dari setahun dan tidak lebih dari 7 tahun. Manakala dalam hal yang lain tidak lebih dari 14 tahun atas kesalahan di bawah Fasal ini. Penalti ini dikekalkan dalam Rang Undang-undang yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sekali lagi Dewan ini hendak mencatatkan sejarah hitam dalam

membatasi kebebasan rakyat. *(Tepuk)* Dewan ini pernah meluluskan ISA, Akta Mesin Cetak, Akta Universiti dan Kolej, Akta Hasutan, Akta Pertubuhan, Pindaan Perlembagaan yang memberi kuasa kepada Perdana Menteri mengisytiharkan darurat di mana-mana sahaja dia suka dan lain-lain. Sekarang Dewan ini dibebankan lagi dengan meluluskan undang-undang yang menjadikan rakyat laksana katak di bawah tempurung atau akan menjadi rakyat sama darjatnya dengan rakyat Temasek ketika dilanggar todak, dibodohkan oleh undang-undang yang kejam dan kuno. Yang malang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak boleh. Yang malangnya bila Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau pegawai awam mengelaskan sesuatu sebagai rahsia, ia adalah muktamad dan tidak lagi disangkal oleh sesiapa hatta oleh Mahkamah.

Para Hakim tidak berperanan untuk mentafsirkan sama ada sesuatu suratan itu rahsia, adil atau sebaliknya. Hakim arif lagi bijaksana dikehendaki oleh Undang-undang ini untuk menjatuhkan hukum sahaja sama ada setahun atau 7 tahun atau 14 tahun penjara. Dewan ini nyatalah tidak berlaku adil kepada Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri dan pegawai awam dengan memberikan kuasa yang besar sedangkan yang mereka perlukan ialah kuasa yang membantu mereka untuk mencari keadilan melalui kuasa yang sesuai dengan bidang keperluan jawatan mereka. Kuasa yang besar sesungguhnya ada kepada rakyat, Parlimen dan Mahkamah.

Kalau Menteri dan pegawai diberikan kuasa yang sepatutnya diberikan kepada Parlimen dan Mahkamah, maka di manalah letaknya maruah dan kemuliaan Parlimen dan Mahkamah. Undang-undang ini juga tidak berlaku adil kepada Majistret dan Hakim, kerana ilmu dan kepakaran mereka tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk mencari keadilan dan menegakkan Undang-undang dalam perkara ini, kerana Hakim dalam hal ini seolah-olah terlalu kerdil dan tidak mempunyai apa-apa peranan. Kelemahan Undang-undang seperti ini akan menjadi para Menteri dan para pegawai terdedah kepada kealpaan dan segala kelemahan yang berpunca dari kealpaan ini akan diatasi dengan menggunakan cap-cap rahsia besar, rahsia sahaja, sulit ataupun terhad yang diberikan percuma kepadanya.

Seorang Menteri yang baik boleh jadi tidak bertanggungjawab sematamata kerana peraturan yang ada tidak menggalakkan dia bertanggungjawab sebaliknya seorang yang mudah alpa bila dikawal rapi dan digalakkan untuk bertanggungjawab nescaya boleh memikul tanggungjawabnya dengan sempurna.

Kalau boleh disamakan seorang anak yang terbiar dimanjakan dengan wang yang berlebihan dan tidak diindahkan disiplin nescaya anak itu akan menyusahkan ibu bapa. Saya boleh menerima lojik bahawa Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan yang rahsianya sering bocor. Dan segala tingkah-laku para pemimpinnya mudah terdedah kepada umum, segala yang berlaku itu saya kira bukanlah kerana salah Undang-undang yang ada, tetapi adalah kerana tidak adanya disiplin oleh teraju Kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa selama ini kejadian membocorkan rahsia khususnya dalam zaman

pemerintahan British dahulu, jarang berlaku? Antara sebabnya ialah kuatnya disiplin dari pihak atasan. Kita tidak bangga dengan sikap pentadbiran penjajah yang mentadbirkan negara ini dahulu mementingkan kepentingan penjajah.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Jempol bangun untuk minta penjelasan. Beri atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tetapi demikianlah para pentadbir dan para pegawai memikul tanggungjawab menjaga disiplin bagi memastikan kepentingan pihak yang berkepentingan dipelihara. Dalam suasana pentadbiran kita sekarang, disiplin para pemimpin politik diragui oleh setiap pihak, justru itu penghormatan orang bawah terhadap orang atas boleh dikatakan telah hilang, tidak banyak contoh dan tauladan yang boleh diikuti oleh kakitangan Kerajaan terhadap para pemimpin walaupun Kerajaan telah menonjolkan cogannya "Kepimpinan Melalui Teladan".

Untuk membetulkan kepincangan yang ada bukan dengan mengetatkan Undang-undang yang ada tetapi ialah membetulkan sikap dan disiplin para pemimpin negara ini terlebih dahulu atau teraju Kerajaan itu digantikan. Tidak salah Undang-undang yang lemah dan yang longgar diketatkan supaya ia sempurna tetapi pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang yang ada ini tidak

akan menyempurnakan Undang-undang itu kiranya dalam peraturan yang sedia ada itu seseorang yang dituduh boleh membela diri dengan adanya hak para Hakim untuk mentafsirkan sesuatu suratan itu rahsia atau tidak, maka kali ini peluang bagi tertuduh untuk membela diri kurang atau boleh jadi hilang langsung. Mana-mana juga Undang-undang yang adil memberikan peluang yang luas kepada tertuduh untuk membela diri dan Undang-undang itu sendiri bukanlah untuk menghukum seseorang tetapi untuk membetulkan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini denda telah dihapuskan, hukuman yang dibenarkan cuma wajib penjara. Dalam Islam telah ditentukan bahawa tidak ada denda bagi kesalahan yang sepatutnya dihukum tetapi ia adalah dalam hal-hal yang telah jelas seperti zina, curi, rompak dan sebagainya. Dalam kes-kes yang belum ditentukan oleh Al-Quran secara jelas boleh manusia menentukan hukuman mengikut sandaran tertentu, tetapi tidak memastikan bahawa hukuman itu mesti dalam bentuk penjara sahaja atau pancung sahaja dan sebagainya.

Ada ruang yang luas diberi kepada Hakim untuk membuat pilihan terhadap denda ataupun hukuman apa yang patut dikenakan mengikut ijtihadnya. Implikasi dari Rang Undang-undang ini nanti akan menyebabkan orang mudah melakukan sesuatu yang menjerumuskan diri kepada penyelewengan dan salahguna kuasa. Ia boleh menutup semua peluang bagi rakyat untuk mendapat sebanyak-banyak maklumat mengenai budi bicara Kerajaan dan pemimpinnya. Bila peluang mendapat maklumat itu terputus, rakyat tidak dapat memastikan apakah pemimpin yang ada di hadapannya terdiri dari yang baik ataupun sebaliknya. Peranan rakyat sebagai orang merdeka juga

musnah, sebuah pentadbiran dan Kerajaan yang tertutup dari perhatian rakyat tidak lagi menjadi sebuah Kerajaan rakyat.

Ia mengembalikan suasana ke alam purba. Undang-undang terletak pada tangan Raja dan Orang Besar. Anak Raja boleh menjatuhkan hukum bunuh kepada seorang rakyat semata-mata atas bola raga yang disepak oleh rakyat terkena kepada anak Raja yang kebetulan lalu di tempat pemuda bermain Sepak Takraw. Tidak ada pembelaan kepada pemuda itu. Demikian juga seorang Raja boleh menebuk perut seorang wanita hamil kerana semata-mata wanita mengidam seulas nangka dari taman larangan Raja. Laksamana Hang Tuah yang terfitnah diperintah bunuh oleh Raja tanpa usul periksa, walaupun ada Pembesar seperti Bendahara Melaka sendiri tahu Hang Tuah tidak bersalah tetapi tidak memberikan pembelaan kepada Panglima yang malang dan tidak merdeka itu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita tidak akan tiba ke peringkat itu tetapi dari segi semangat Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan mengembalikan suasana cara berfikir rakyat dan para pemimpinnya ke alam purba tadi.

Saya mencadangkan sebelum Rang Undang-undang ini diterima kerana ia menyentuh hak dan kebebasan rakyat maka patutlah peluang diberi kepada orang ramai untuk meneliti perkara ini lebih dahulu walaupun Yang Berhormat sekalian telah diberi mandat oleh rakyat untuk membuat Undang-undang tetapi kuasanya tidak diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merampas hak dan kebebasan mereka seperti yang diakui oleh Perlembagaan dan piagam Islam. *(Tepuk)*

Berilah peluang kepada para peguam, ahli-ahli akademik, akhbar-akhbar, kesatuan sekerja, parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan

masyarakat dan lain-lain untuk membincangkannya melalui seminar, simposium, forum dan sebagainya. Biar mereka menyatakan pandangan mereka apakah mereka suka hak-hak mereka dirampas atau mereka akan mempertahankan hak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Rang Undang-undang ini kalau diluluskan akan memakan diri Yang Berhormat sekalian akhirnya nanti. Masanya akan tiba suatu hari nanti, Yang Berhormat sendiri akan mengutuk Undang-undang itu. Saya teringat kepada satu kejadian di mana seorang anggota Dewan pada suatu masa dahulu menjadi penyokong yang setia kepada ISA semasa dia menjadi Wakil Rakyat, tetapi bila dia sudah tidak menjadi Wakil Rakyat dan bila anaknya sendiri merengkok dalam tahanan ISA selama 18 bulan, bekas Wakil Rakyat itu ikut dalam perjumpaan mengancam ISA dan bersetuju pula duduk dalam Jawatankuasa Hak Asasi Manusia yang mahu supaya ISA dimansuhkan. Baru dia tahu (*Tepuk*) bahawa Undang-undang yang disokongnya dahulu adalah kejam. Sekiranya kita hendak tahu siapa anak bekas Wakil Rakyat itu ialah yang dianggap oleh pihak yang tertentu menjadi sindrom bisu di kalangan yang memerintah sekarang.

Belajarlah kita dari sejarah, kita mahu memajukan negara ini supaya setanding dengan lain-lain bangsa yang maju di dunia.

Tuan P. Patto: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan, bolehkah?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Boleh. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya berterima kasih kerana Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa memberi jalan kepada saya.

Saya ingin mendapat tahu siapakah anak bekas Ahli Dewan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu dan juga saya ingin mendapat tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa Rang Undang-undang ini yang dibawa ke dalam Dewan ini untuk diluluskan adalah satu Rang Undang-undang yang seratus peratus bertentangan dengan ajaran Islam, walaupun saya bukan seorang alim ulama (*Tepuk*) dan juga Rang Undang-undang ini (*Disampuk*)—ya saya sudah mengaku saya bukanlah seorang ulama (*Ketawa*) tetapi saya ingin mendapat tahu sedikit sebanyak yang saya mengetahui.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga bukan ulama.

Tuan P. Patto: Ya, saya bukan ulama, saya hendak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan minta penjelasan dari dia.

Tuan P. Patto: Saya ingin mendapat penjelasan sama ada ia bertentangan oleh kerana Rang Undang-undang ini menyembunyi segala-galanya yang benar supaya melindungi segala tindakan yang jahat, berniat jahat, dengan meluluskan Rang Undang-undang ini. Adakah Yang Berhormat itu bersetuju?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, teruskan, sudah sangat lama.....

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi..... (*Disampuk*) nantilah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah Ahli Yang Berhormat beri peluang kepada dia? Apa Ahli Yang Berhormat minta penjelasan?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Ya, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Sebab dia sudah beri peluang penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, saya hendak minta penjelasan pula.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya berilah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Untuk dia. Yang Berhormat dari Kuantan, sila.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan P. Patto: Ahli Yang Berhormat itu belum menjawab lagi atas penjelasan yang saya minta.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah tarik balik kata-kata saya yang dianggap ada sangkaan buruk atas permintaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Jadi saya hendak minta ruling daripada Yang di-Pertua supaya Wakil daripada Ipoh itu menarik balik kata-katanya tadi yang kita anggap sebagai sangkaan buruk juga.

Tuan P. Patto: Apa itu? Penjelasan atau soalan? (*Ketawa*)

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Bukan, saya hendak minta Wakil dari Ipoh menarik balik kata-kata sangkaan buruk terhadap agama Islam.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuantan, duduk sekejap—point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana sudah ada pertukaran Tuan Yang di-Pertua, perkara itu sudah habis. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, teruskan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Bolehkah saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan, boleh.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Apa yang diminta oleh Yang Berhormat Wakil dari Ipoh, saya rasa tidak payah saya jawab, sebab kalau saya jawab, bercanggah pun, Barisan Nasional tidak ikut juga.

Belajarlah kita dari sejarah, kita mahu memajukan negara ini supaya setanding dengan lain-lain bangsa yang maju di dunia. Kita para pemimpin.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan. Beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Beberapa Orang Ahli: Duduk, duduk!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Para pemimpin kita, peniaga kita.....

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti dahulu, ada Ahli Yang Berhormat yang berdiri. Apa ini—minta penjelasankah?

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya berilah. (*Ketawa*)

Tuan Hashim bin Safin: Sama-sama dari Kelantan, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenai soal demokrasi, demokratik dan sebagainya, kenapa baru sekarang dia beri jalan. Bila kami minta tadi, dia tak mahu beri jalan, tetapi kepada wakil DAP dia beri jalan. Kemudian kepada beberapa Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, dia tak beri jalan. Itu sahaja penjelasan yang saya hendak. (*Disampuk*)

Seorang Ahli: Ini bukan penjelasan. Ini salah guna kuasa.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Itu tak payah jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tak panjang, sekejap sahaja. Saya mengulang balik.

Tuan Yang di-Pertua, belajarlah kita dari sejarah. Kita mahu majukan negara ini supaya setanding dengan lain-lain bangsa yang maju di dunia. Kita para pemimpin, diplomat dan para peniaga kita boleh setanding dengan rakan-rakan sejawatnya di seluruh dunia. Untuk tiba ke tahap itu rakyat mesti didedahkan dengan kebebasan bersuara, membaca dan mendapat maklumat. Belajarlah dari kesilapan dan sebagainya.

Sistem yang terbukalah yang menyebabkan Jepun lebih maju dari China, Korea Selatan lebih terkemuka dari Korea Utara, Amerika Utara lebih gagah dari Amerika Selatan.

Akta Rahsia Rasmi tidak akan membantu Malaysia dan rakyatnya untuk muncul sebagai bangsa besar dan gagah. Undang-undang ini nanti akan menjadikan rakyat 70 juta pada tahun 2010 sebagai abdi atau separuh abdi kerana mereka kuno, walaupun, pandai menulis dan membaca. Contoh dunia yang paling ketara Akta Rahsia Rasminya ialah Jerman di bawah Hitler, Soviet Union di bawah Stalin dan China di bawah Mao Tse-tung. Tetapi apakah natijah yang dihadapi oleh regim-regim tadi? Jerman tidak berbangga dengan Hitler kerana....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun, tunggu sekejap.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Saya hendak bertanya, Rang Undang-undang apakah di Jerman itu?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kalau tak tahu, boleh belajar. (*Ketawa*) (*Tepuk*).

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya cabar Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, kalau boleh jawab, apakah nama Rang Undang-undang di Jerman dan Russia yang disebutkan itu. Saya cabar beliau.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bukan masa untuk saya jawab perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, tak berapa dengar.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Ini bukan masa untuk saya menjawab perkara itu. (*Ketawa*) Sekarang masa untuk saya menyampaikan ucapan.

Seorang Ahli: Kalau tak tahu, bilanglah tak tahu.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, Soviet Union sendiri terpaksa menggali kubur Stalin dan memindahkan tengkoraknya kerana dia tidak dikira orang yang mematuhi falsafah Soviet. Manakala China pula membersihkan seluruh ajaran Mao dan membuka pintu negara itu kepada Jepun. China yang tertutup memerlukan teknologi Jepun, sedangkan Jepun tidak memerlukan teknologi China. Rakyat China yang diasuh oleh Mao secara tertutup tidak mampu bersaing dengan rakyat Jepun yang boleh mengkritik dan menggantikan pemimpinnya apabila dirasakan pemimpinnya mempunyai kelemahan. Justeru itu apabila kita merangka undang-undang haruslah mengkaji.....

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Rasah, ya, hendak apa?

Tuan Hu Sepang: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Biarlah saya habiskan dahulu.

Tuan Hu Sepang: Bolehkah beri jalan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat bagi jalan atau tidak bagi jalan?

Tuan Hu Sepang: Saya cuma hendak bertanya sedikit sahaja. Jadi saya harap beliau beri jalan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tak beri jalanlah. (*Ketawa*) Justeru itu, kita merangka undang-undang haruslah dikaji dari segi kesan jangka pendek dan juga jangka panjang serta keadilan yang boleh didapati dari undang-undang ini.

Rang Undang-undang ini adalah untuk menyenangkan pemimpin dan pegawai tetapi dimanakah ada pemimpin dan Kerajaan yang senang? Rang Undang-undang pindaan ini hendaklah jangan diluluskan dahulu.

Saya bagi pihak Parti PAS sudah mempunyai pengalaman terutama dalam memberikan sokongan kepada Akta ISA dahulu yang menyebabkan pemimpin-pemimpin kami menjadi mangsa terus menerus kepada Akta itu. Walaupun sokongan kami diberi secara bersyarat dan pemimpin-pemimpin UMNO memberi janji dan jaminan yang bersungguh-sungguh, inilah pepatah orang tua-tua mengatakan lulus jarum lulus kelindan.

Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, terlibat dengan Akta ISA, saya diseret tengah malam buta ke Kuala Lumpur tetapi undang-undang tidak mensabitkan saya dengan mana-mana juga fasal dan ceraihan yang ada dalam Perlembagaan, cumanya ISA sahaja ganas, bertindak dengan alasan isu kafir mengkafir. Kafir mengkafir ini masalah agama dan masalah agama ialah masalah Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syariah Negeri. Maka kes saya tidak ada satu klausa pun dari Undang-undang Syariah untuk ditentukan. Inilah yang menyebabkan pihak Justice dan peguam-peguam ketawa untuk mensabitkan hukuman, tetapi inilah yang diamalkan oleh Kerajaan sampai ke hari ini.

Maka Rang Undang-undang ini jika diluluskan pula ia akan menjadi anak kembar dengan ISA. Yang tua nama

ISA yang baru nama OSA. (*Ketawa*) Kedua-dua ganas dan akan mengganas dan mengganas tanaman-tanaman rakyat yang sedang hijau dan subur. Kalau kelmarin saya menyokong Rang Undang-undang Dadah Berbahaya, maka hari ini saya bangkang. Bangkangan saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana tidak faham dan buka kerana seorang "pembangkang". Kalau Kerajaan mahu menghujahkan bangkangan ini dengan alasan itu, perlulah Kerajaan bertanya dengan orang yang lebih dekat kepada Kerajaan sendiri mengapa bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn dan bekas Timbalan Perdana Menteri yang sekarang menjadi Wakil Rakyat kawasan Panti menentang siang-siang lagi Akta Rahsia ini. Adakah mereka semua juga tidak faham seperti saya, ataupun mereka sekarang sudah masuk parti pembangkang? (*Tepuk*) (*Ketawa*) Dan bilakah mereka masuk PAS ataupun DAP? Ini ternyata bahawa Rang Undang-undang ini terlampau kelat dan pahit untuk ditelan dan orang-orang sihat yang tidak berpenyakit tidak akan menelan dengan tidak terpaksa, kecuali orang yang tenat yang hampir dengan ajal, mereka ingin telan dan minum.

Rang Undang-undang ini tidak lebih daripada Kerajaan untuk menjadikan senjata tambahan dan alat untuk mengekalkan kedudukan Kerajaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya (*Disampuk*)—tidak payah mintalah—saya percaya, pihak Kerajaan ini tidak boleh tersentuh, bila tersentuh, melenting (*Ketawa*), dan cuba untuk merendah-rendah dan mempermainkan pembangkang.

Seorang Ahli: Ya. Benar, benar.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Kerana itu memanglah amalan dia, tanggungjawab dia dan kerja dia. Sebab itu sebelum saya menamatkan ucapan saya.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap, Yang Berhormat dari Pasir Mas, apa ini!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa benda?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Minta dengar dulu, saya hendak baca ini, iaitu "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Saya rasa Wakil dari Pengkalan Chepa ini tidak sihat.....

Beberapa Orang Ahli: Duduk, kacaulah. (*Disampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Diamlah! Apa! Tunggu, duduk dulu. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila duduk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya bercakap hendak beri penjelasan pun tidak boleh?

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan penjelasan, point of order.

Tuan Lau Dak Kee: Itu buat kacau sahaja.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak tahu tunggu di luar nanti.

Beberapa Orang Ahli: Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun, teruskan!

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu melanjutkan ucapan saya, hanya setakat apa yang saya sampaikan, saya rasa saya sudah lepaskan tanggungjawab saya bagi mewakili rakyat dan penyokong-penyokong saya dan saya harap pihak Kerajaan jangan memandang kecil dan jangan merendah-rendahkan, sebagaimana dari awal lagi mereka menuduh apa yang saya hujah itu merupakan tulisan daripada orang lain. Kalau mereka mahu tahu apa yang saya baca daripada mana-mana, saya boleh minta pihak Kerajaan sendiri tanyalah jawapan Menteri, siapa yang tulisnya. (*Tepuk*) Saya tidak timbulkan Tuan Yang di-Pertua, masalah yang di hadapan kita, soal tulis-menulis, soal benda yang kita kemukakan itu dapat diperhujah ataupun sebagainya, tetapi inilah peluang bagi Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat masuk dalam Dewan, bersumpah di Dewan yang mulia, tetapi kita buka perbincangan. itulah. Saya ucapkan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya.....

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap, saya ingin memberitahu, kita selalu hormat kerusi Tuan Speaker, tetapi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Puchong, nanti sekejap, bangun atas apa?

Dr V. David: Fasal tidak boleh berucap dalam Parlimen. Fasal apa kita datang ke Parlimen?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila duduk!

Dr V. David: Tolong jangan paksa sama kita, kita datang sini mahu berucap. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu berucap, bolehlah, tetapi beri kami peluang berucap juga. Bila Perdana Menteri beri arahan agar jangan berucap, itu tidak patut, tidak adil. Kita yang jadi wakil bagi tiap-tiap kawasan mesti berucap, fasal Akta ini mustahak. Itu saja saya ingin beritahu. Saya hormat kepada Kerusi Tuan Speaker itu, tetapi Tuan Speaker yang duduk di atas kerusi itu kena jagalah keadilan, tetapi arahan daripada Kerajaan tidak boleh diterima.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Saya sudah faham. Tadi keputusan telah dibuat bahawa lepas ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab, dan dengan ini saya menjemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab.

8.44 m/m.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini termasuk jugalah ahli-ahli daripada parti pembangkang, kerana dengan ucapan mereka barulah saya dapat memahami fikiran yang kusut yang terdapat di kalangan mereka. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kluang yang telah memberi jawapan daripada sudut undang-undang, kerana beliau saya percaya adalah seorang lawyer dan saya cuma seorang doktor sahaja

yang cuba hendak menjawab berkenaan dengan perkara yang ada kaitan dengan undang-undang.

Yang mengkagumkan saya sekali dalam perbincangan ini ialah pendirian Ahli Pengkalan Chepa berkenaan dengan kebebasan, berkenaan dengan hak rakyat, berkenaan dengan bermacam-macam kebebasan yang terdapat di dalam demokrasi. Saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, akan tindakan Parti PAS apabila mereka kalah. Tindakan mereka yang pertama bagi menyalahkan wartawan-wartawan dan dengan itu mereka tidak membenarkan lagi wartawan-wartawan menghadiri mesyuarat mereka, kerana mesyuarat mereka itu adalah rahsia, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepuk*). Wartawan tidak berhak mengetahui apa yang mereka perkatakan. Jadi macam mana pula di dalam Dewan ini mereka bercakap berkenaan dengan kebebasan bersuara dan kebebasan wartawan-wartawan? (*Tepuk*) Di mana duduk cakap-cakap, di mana duduk amalan. Dalam Islam kita bukan sahaja patut berkata sesuatu, tetapi patut kita amalkan apa yang kita katakan itu. (*Tepuk*)

Ahli Yang Berhormat juga telah bercakap tentang hak hakim-hakim menjatuhkan hukuman, tetapi mereka juga tidak puas hati dengan segala hukuman yang dijatuhkan. Mereka dahulu menyokong ISA dengan harapan bahawa ini dikenakan kepada orang lain, tetapi apabila terkena kepada diri sendiri sekarang ini sudah tidak mahu menyokong. Sepatutnya sekali menyokong selalu menyokonglah. Jadi ini yang mendukacitakan kita, berkenaan dengan orang yang cakap saja berpegang kepada nilai-nilai Islam, bercakap berkenaan dengan ajaran Islam dan sebagainya, tetapi perbuatannya jauh sekali daripada apa yang dikehendaki oleh agama Islam.

Saya haraplah setelah membaca ucapan yang panjang lebar yang disediakan oleh orang lain itu (*Ketawa*), Ahli Yang Berhormat renungkan, kerana bila kita baca apa yang dituliskan oleh orang lain, kita tidak soal tentang diri kita dan kita dapati bahawa mereka tidak memikirkan tentang apa yang akan diperkatakan di dalam Dewan ini. Mereka cuma membuat sangkaan dan sangkaan mereka biasanya buruk terhadap Kerajaan dan memikirkan bahawa Kerajaan ini zalim sepanjang masa. Mereka cuma ingat tentang ahli-ahli mereka yang dimasukkan dalam tahanan tetapi yang dilepaskan mereka tidak sebut. Apakah ahli-ahli mereka itu kesemuanya berada dalam tahanan? Kalaulah benar Kerajaan ini tidak bertimbang rasa dan menyalahgunakan undang-undang—kita mempunyai Undang-undang ISA ini yang membolehkan kita memasukkan dalam tahanan semua ahli-ahli PAS dan semua pemimpin-pemimpin PAS, tetapi apakah kita berbuat demikian? Apakah kita pernah memasukkan semua ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin DAP di dalam tahanan? Hanya mereka yang menimbulkan bermacam-macam kekacauan dan mengancam kestabilan dan keamanan negara kita ini, mereka sahaja yang dikenakan hukuman dan itulah sebabnya kita mengadakan hukuman ini yang terpaksa dibuat kerana kadang-kadang kita percaya bahawa eloklah jika sebelum sesuatu jenayah itu berlaku yang mungkin membawa akibat yang buruk, kita mengambil tindakan menghalang jenayah itu daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh saya ingin memperkatakan di sini, kalau kita tahu bahawa seorang gila itu mungkin akan membunuh seorang yang lain, apakah harus kita tunggu sehingga dia membunuh orang itu sebelum kita tangkapnya? Kalau kita hendak tunggu, malang sekalilah

nasib orang yang kena bunuh kerana dia mesti dibunuh sebelum kita mengambil tindakan. Adakala

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Perdana Menteri: Boleh. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Adakah contoh ini menjadi alasan di mana ISA digunakan untuk menahan orang bahawa ada orang yang akan gila, akan amuk dan adakah ini satu alasan menjadi satu pedoman, satu panduan untuk Kerajaan, khasnya Menteri Dalam Negeri untuk meng'invoke'kan ISA?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak faham antara contoh dengan yang kenyataan (*Tepuk*). Saya bercakap dengan orang-orang yang setelah diberi peluang 8 bulan belajar bekeanan dengan Undang-undang ini masih lagi tidak faham. Oleh kerana mereka begitu sukar memahami benda yang murah, maka terpaksa saya guna contoh yang mudah difahami supaya orang yang tidak begitu cepat menangkap sesuatu, mereka dapat faham dengan lebih mudah. Itu contoh sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tak faham contoh, saya tak tahu apa yang dia faham. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Amat Berhormat, ada yang bangun, nanti sekejap, Yang Berhormat dari Rasah hendak apa?

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan. Saya tidak boleh bersetuju dengan contoh yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi itu sebab

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti! Itu bukan penjelasan, itu memberi pandangan.

Tuan Hu Sepang: Penjelasan. Sebab saya hendak tanya adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar di kawasan saya yang di mana ada seorang gila (*Ketawa*), apabila saya memberitahu pihak Polis menangkap orang gila itu, Polis kata dia belum membuat jenayah, tak boleh tangkap (*Ketawa*). Adakah Yang Amat Berhormat sedar, jadi contoh itu tak boleh pakai? (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Ahli dari DAP tidak bersetuju dengan saya. Kalau dia bersetuju, maka dia terpaksa dikeluarkan daripada DAP atas arahan daripada Setiausaha Agungnya (*Ketawa*). Dan tentang orang gila ini, bukan semua orang semacam gilanya, ada macam-macam jenis gila. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong waktu membahaskan Rang Undang-undang

Tuan P. Patto: Penjelasan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada memberitahu bahawa ada bermacam-macam jenis gila. Adakah gila kuasa juga termasuk dalam senarai itu? (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dia termasuk seperti DAP gila hendak dapat kuasa. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, jika diizinkan, saya ingin sambung.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana dianya berkata bahawa Barisan Nasional di dalam pilihanraya yang baru lepas telah

membuat ikrar yang murni kepada rakyat dan dianya menyatakan satu persatu apa dia ikrar yang murni itu, malangnya masa pilihanraya

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Perdana Menteri: Tak silap, saya ingat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Ikrar atau sumpah yang diangkat oleh setiap Ahli Parlimen dan saya ada senarai satu bahagian, satu bahagian, bukan mengenai ikrar atau apa dibuat kalau itu disenaraikan. Saya ada sebut dua perkara yang ada dijanjikan oleh Barisan Nasional dalam Pilihanraya besar ialah mengenai mahu menjadi pembela rakyat dan cogankata tahun 1981 masa itu Kerajaan yang bersih, cekap dan beramanah nampaknya sudah buang tong sampah. Itu sahaja. Ikrar ialah mengenai ikrar sumpah setiap Wakil Rakyat, setiap Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, namun demikian Ahli Yang Berhormat berkata bahawa Barisan Nasional membuat janji yang baik, yang mulia, tetapi malangnya masa pilihanraya dia tak beritahu kepada orang ramai (*Tepuk*) bagaimana janji yang mulia yang dibuat oleh Barisan Nasional ini dan oleh itu, patutlah menyokong Barisan Nasional dan bukan DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Kita tidak memanggil rakyat menyokong Barisan Nasional oleh kerana kita tahu sebelum perkara itu berlaku bahawa janji-janji itu kosong, selepas pilihanraya besar akan dibuang kepada tong sampah dan ini sudah berlaku (*Tepuk*) dalam kes KOSA, sebab itu kita patient.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti juga Ahli-ahli yang lain daripada DAP selalu mempunyai

sangkaan yang buruk, masa itu dia belum tahu lagi kita hendak lulus ataupun tak lulus Undang-undang ini. Patut masa itu tak sangka buruk, apa yang dijanji oleh kita, dia patut hebohkan kepada semua orang, tetapi dia ada sangkaan buruk sepanjang masa (*Tepuk*). Dalam Undang-undang inilah awal-awal lagi sudah dia ada sangkaan buruk terhadap Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Tanjong ini telah bercakap panjang berkenaan dengan bagaimana Kerajaan ini telah tidak membuat apa yang telah dijanji oleh Kerajaan ini berkenaan dengan beberapa Undang-undang, ISA dan sebagainya. Kita sukar membuat bandingan antara DAP dengan Kerajaan Barisan Nasional ini kerana DAP tidak pernah jadi kerajaan. Jadi, kalau kita tak dapat membuat bandingan antara DAP sebagai Kerajaan dengan Barisan Nasional sebagai Kerajaan, yang boleh kita buat ialah bandingan antara Barisan Nasional dengan pentadbiran DAP. Pentadbiran DAP ini amatlah demokratik daripada sudut pemimpinnya, kerana pemimpinnya berpendapat bahawa apa yang dikatakan olehnya, itulah yang demokratik. Kalau ada sesiapa yang menentangnya, maka dianya akan disingkirkan daripada DAP (*Tepuk*). Goh Hock Guan hilang, Fan Yew Teng hilang, siapapun yang menentang akan hilang daripada kerusi-kerusi di depan; hanya yang tahan lama sedikit, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang (*Ketawa*), itupun mungkin dia akan dambil tindakan 'disciplinary action' kerana hari ini dia terpaksa mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pula. (*Ketawa*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, sekarang saya ada bukti dan keterangan di sini, tidak ada paksaan tadi. Apa yang ada dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ikhlas, kepimpinan Barisan

Nasional ke arah satu zaman diktator, "dictatorship of Mahathir" seperti dictatorship di Philippines baru-baru ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat jangan buat ucapan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan ucapan, ini penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah Tuan Speaker beri peluang kepada rakan saya untuk jawab apa yang ada disebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak mahu bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Stand-up!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Jempol.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang mana itu?

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Mengikut Peraturan 36(5), sepatutnya Yang Berhormat dari Jelutong yang kata dia terlalu pandai ini, tahukah tak boleh sebut nama dalam Dewan ini, tak erti lagikah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Tadi Yang Amat Berhormat ada berkata mengenai beberapa orang yang dia kata sudah

ditinggalkan, Yang Berhormat dari Panti ditinggalkan, disingkirkan. Mana Yang Berhormat dari Panti sudah disingkirkan dan lain-lain. Mana Neo Yee Pan sudah pergi? (*Tepuk*). Disingkirkan daripada Kabinet. Dan di mana Yang Berhormat dari Gopeng sudah pergi? Ahli Parlimen daripada Crescent Bay Changi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua orang itu masih ada, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Panti, dari Gopeng, walaupun kita mungkin kadang-kadang tak secucuk berkenaan dengan sesuatu; kita tak singkir, tetapi tabiat DAP kalau lawan dengan Secretary General, bukan Presiden—tidak, singkir. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Ya, singkir.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga cuba memperkatakan bahawa Dewan ini menjadi pengancam kepada hak rakyat. Maksud beliau ialah kerana dalam Dewan ini terdapat majoriti yang begitu besar bagi Barisan Nasional dan Barisan Nasional dapat menentukan sama ada undang-undang lulus ataupun tidak, maka ini dikatakan Dewan ini menjadi pengancam kepada hak rakyat.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini adalah hasil daripada pemilihan rakyat dan kita berada di sini kerana rakyat memilih kita melainkan kalau DAPlah, Ahli-ahli DAP ada di sini kerana tidak dipilih oleh rakyat tetapi dipaksa, tetapi bagi Barisan Nasional kita dipilih berkali-kali. Rakyat tahu benar akan sejarah Barisan Nasional ataupun Perikatan daripada dahulu lagi dan kita bukan tidak pernah membawa undang-undang yang sama tegasnya dengan OSA ini. Kita membawa Undang-undang ISA, kita

membawa bermacam-macam undang-undang yang bertujuan untuk memelihara hak rakyat daripada tekanan segolongan daripada rakyat yang tidak mendapat sokongan daripada majoriti penduduk negara kita ini, tetapi rakyat masih bersetuju dengan Parti Barisan Nasional dan mereka memberi sokongan yang amat kuat kepada parti ini.

Dalam pilihanraya yang baru lepas bermacam-macam cara digunakan oleh parti lawan, terutamanya DAP termasuk mendapat sokongan daripada akhbar-akhbar luar negeri untuk menentukan mereka dapat kemenangan, tetapi walaupun bermacam-macam diperkatakan, walaupun berbagai perkara dibangkitkan, termasuk BMF dan lain-lain lagi; rakyat tidak tertipu dengan dahyah itu, rakyat masih memilih Barisan Nasional kerana rakyat percaya bahawa dengan adanya bilangan Wakil Rakyat yang terdiri daripada Barisan Nasional dengan banyaknya di dalam Dewan ini maka hak rakyat akan terpelihara.

Rakyat sekarang ini menghadapi bermacam-macam masalah. Tidak kurang daripadanya ialah masalah satu golongan yang kecil yang cuba membuat suara yang besar. Mereka ini memang pandai bercakap, memang tahu cara-cara untuk mendapat layanan daripada akhbar dalam dan luar negeri. Mereka ini cuba menekankan pendapat minoriti mereka ini ke atas majoriti, tetapi kalau kita percaya bahawa demokrasi bermakna majoriti yang akhirnya berkuasa, walaupun hak minoriti itu terlindung, maka kita harus terima bahawa dengan adanya Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat di dalam Dewan ini dengan banyaknya, ini adalah ketentuan yang dibuat oleh rakyat sendiri dan kita tidak harus berkata bahawa Dewan menjadi pengancam kepada hak rakyat. Di sinilah hak rakyat terpelihara dan

akan dipelihara dan saya yakin bahawa di negara kita ini tidak akan berlaku pemerintahan yang mana dalam pilihanraya mungkin cuma satu orang sahaja daripada Parti Pembangkang yang dipilih untuk berada dalam Dewan Rakyat, di sini tidak akan berlaku kerana rakyat bebas memilih di dalam negara kita. Bahkan kalau tidak ada kebebasan hari ini Parti DAP tidak dapat memenuhi kumpulan F di depan saya ini, tetapi kerana kita memberi kebebasan kepada rakyat, maka pihak DAP mendapat manfaat daripadanya dan kebebasan ini masih ada setelah kita meluluskan ISA, setelah kita meminda Perlembagaan, DAP masih boleh menang, masih boleh bercakap dengan lantang di dalam Dewan ini dan di luar Dewan, bahkan televisyen memberi keutamaan kepada pemimpin DAP untuk bercakap, berhujah mempertahankan pendiriannya di dalam negara yang dikatakan berkali-kali tidak merdeka, tidak bebas, macam-macam yang diperkatakan. (*Tepuk*)

Kita telah bentang dalam Dewan ini bermacam-macam undang-undang dan tiap kali kita membentangkan undang-undang, lagu lama itu juga bunyi. Demokrasi hancur (*Tepuk*), tidak ada demokrasi lagi, termasuk Ahli dari parti PAS. Tak ada demokrasi lagi. Kalau dia tinggal terkonteng-konteng seorang, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kerana tidak ada demokrasi (*Ketawa*). Katanya 700,000 menyokongnya—tak tahulah bilangan ini kadang-kadang silap sedikit angka-angka ini (*Ketawa*), bila sudah larut malam nampak angka tak berapa jelas

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Perdana Menteri: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan kepada rakyat mengenai peri mustahaknya Rang Undang-undang tersebut dan bukan sahaja untuk memainkan politik di dalam Dewan yang mulia ini (*Disampuk*), sepanjang hujahnya tadi berpolitik sahaja (*Disampuk*). Jadi, mengenenpikan apa yang penting yang termaktub dan terkandung di dalam Rang Undang-undang ini (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, eloklah Ahli Yang Berhormat itu menasihatkan ketuanya sendiri. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat berkata bahawa cuma selepas teguran dibuat oleh orang ramai barulah kita meminda undang-undang. Saya kurang faham. Kalau kita tidak memberi peluang kepada rakyat menegur, Ahli Yang Berhormat akan berkata kita tidak memberi peluang membuat peneguran, tetapi bila kita beri peluang membuat teguran dan kita pula menghormati taguran itu, itupun salah juga. Saya kurang faham kerana kita memberi masa yang agak lama berkenaan dengan undang-undang ini.

Pada mulanya kita mengemukakan satu Rang Undang-undang dalam bulan Mac tahun ini dan kita mendengar teguran-teguran, di antaranya ialah tafsiran takrif rahsia dan oleh kerana kita berpendapat bahawa apa yang diperkatakan itu ada asasnya, ada keraguan yang sebenar di kalangan sebahagian daripada rakyat negara kita ini, kita menghormati dan kita tidak meluluskan dengan begitu sahaja, walaupun pada ketika itu juga kita boleh meluluskan undang-undang ini dengan begitu mudah kerana kita juga mempunyai majoriti yang besar pada ketika itu.

Selepas daripada itu, apabila satu pindaan yang baru telah dibuat, kita mengemukakan undang-undang itu jauh lebih awal kerana teguran-teguran daripada parti lawan juga mengatakan kononnya mereka tidak diberi masa dan bila kita memberi masa, mereka berkata bahawa kita cuma membuat pindaan bila ada teguran. Jadi, apa gunanya kalau kita memberi masa dan kita tidak menghiraukan teguran yang dibuat, asalkan teguran itu berasas. Mereka berkata pula bahawa kalau kita boleh menunggu 8 bulan, kenapa tidak boleh menunggu lama lagi dengan cara kita memberi hak kepada satu Jawatankuasa Pemilihan Khas untuk mengkaji Rang Undang-undang ini.

Apa sebabnya kita tidak boleh meluluskan Undang-undang ini dalam bulan Mac tahun hadapan; ini kata mereka. Tetapi sepanjang yang saya tahu 8 bulan ini cuma tema itu satu sahaja yang disuarakan, tidak ada lain: "Kami bangkang, kami bangkang, kami bangkang", bunyi macam nyanyian sahaja dan asasnya sama dan kita timbang yang mana patut kita ubah, kita ubah; tetapi bila kita ubah "Ha! ini bukan perubahan". Jadi, apa lagi yang kita hendak buat? Apakah kita hendak mansuhkan undang-undang yang kita kemukakan kerana satu minoriti di dalam Dewan ini tidak bersetuju? Kalau kita terpaksa mansuhkan undang-undang ini kerana minoriti tidak bersetuju, lebih baiklah dalam demokrasi kita katakan bahawa minoriti lebih berkuasa daripada majoriti (*Tepuk*). Tetapi tentu Ahli Yang Berhormat itu bersetuju dengan saya bahawa dalam demokrasi, majoriti yang berhak menentukan sesuatu dan janganlah berasa tidak puas hati kerana kita menggunakan majoriti ini. Itulah sebabnya yang kita ada majoriti.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Bukankah benar bahawa sebenarnya ada parti-parti komponen dan termasuk pemimpin-pemimpin

dan Ahli-ahli Parlimen dalam Barisan Nasional yang tidak bersetuju dan bahawa kalau mereka ada satu pilihan yang bebas tanpa kiraan 'whip' arahan parti atau diadakan satu undi sulit, tentulah Rang Undang-undang ini akan ditolak dan ditendang? (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu suka tendang sana, suka tendang sini. Nampaknya dia belum main football barangkali, lebih baiklah pergi main football, di dalam Dewan tidak ada tendang itu, tendang ini (*Ketawa*). Apa yang kita buat di sini ialah kita membincang Rang Undang-undang dan kita nyatakan sokongan kita dengan cara suara ataupun tepukan ataupun bilangan ahli, tidak payahlah tendang apa-apa.

Sebenarnya kita boleh meluluskan Undang-undang ini bila-bila masa kerana Undang-undang ini tidak memerlukan dua pertiga majoriti. Ini adalah undang-undang biasa yang cuma memerlukan simple majority dan kita mempunyai lebih daripada simple majority. Kita mempunyai empat perlima daripada kerusi di dalam Dewan ini milik Barisan Nasional (*Tepuk*). Tetapi kalau Ahli-ahli Barisan Nasional ingin menyokong semuanya kepada Rang Undang-undang ini, janganlah buat sangkaan buruk bahawa kita memaksa mereka, seperti Ahli Yang Berhormat memaksa ahli-ahlinya menentang Rang Undang-undang ini (*Tepuk*). Ini sangkaan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

Tuan P. Patto: Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi menyatakan bahawa kalaulah semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menyokong satu Rang Undang-undang itu bukanlah bererti bahawa pemimpin atau 'whip'

dikenakan ke atas mereka dan juga beliau menyatakan sedemikian ke atas kami di sebelah sini. Bolehkah saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beranikah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik 'whip' yang dikenakan ke atas Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan saya memberitahu di sini, sebagai 'whip' Pembangkang, bahawa kami menarik balik 'whip' di sebelah sini dan saya cabar. Saya cabar tarik balik 'whip' (*Tepuk*). Kami tidak pernah mengenakan 'whip' dan kami tidak akan mengenakan 'whip' ke atas Rang Undang-undang ini. Bolehkah Yang Amat Berhormat menarik balik 'whip'?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik 'whip' kerana saya tidak pernah menggunakan 'whip' dalam perkara ini (*Tepuk*), tetapi Ahli Yang Berhormat itu mengaku dia menggunakan 'whip'!

Beberapa Orang Ahli: Hear, hear! (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya Ahli-ahli Barisan Nasional menyokong ini ialah kerana kita memberi penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang tidak begitu jelas. Sebab itu mereka sanggup menyokong walaupun pada mulanya timbul keraguan di kalangan beberapa orang Ahli dan keraguan ini telahpun kita jelaskan dan selepas daripada itu mereka menyokong dan ada juga Ahli dari Taiping yang menyuarakan pendapatnya yang berbeza sedikit daripada pendapat lain-lain Ahli Barisan Nasional.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Ahli dari Taiping ada beri sebab-sebab atas mana dia sokong

Rang Undang-undang ini, tetapi Parti MCA: Presiden MCA tidak berani dan juga Presiden MIC.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Saya berani!

Tuan R. Karpal Singh: Berdiri, berdiri!

Dato' S. Samy Vellu: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Siput, Yang Berhormat dari Jelutong, minta duduk dahulu.

Dato' S. Samy Vellu: (*Menyampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Gila!

Dato' S. Samy Vellu: Cabarlah kalau berani!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, minta duduk. Kalau tidak duduk, saya minta Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Dato' S. Samy Vellu: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, minta duduk.

Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat keluar!

Tuan R. Karpal Singh: Belum habis tadi, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payahlah.

Tuan R. Karpal Singh: Belum habis, sudah dikelirukan oleh satu orang gila! Belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak benarkan.

Dato' S. Samy Vellu: Gila nombor satu dari Jelutong!

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, minta duduk kesemuanya.

Seorang Ahli: Atas point of order, dasa minta ditarik balik perkataan 'gila'.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat dari Jelutong menggunakan perkataan 'gila'?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Minta tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada gunakan oleh kerana gila! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya mahu Yang Berhormat tarik balik perkataan itu. Yang Berhormat yang lain-lain minta diam. Yang Berhormat dari Jelutong bercakap

Tuan R. Karpal Singh: Saya ubah 'gila kuasa', kedua-duanya habis. 'Gila' tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat diminta tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: 'Gila' tarik balik dan gantikan dengan 'gila kuasa' kedua-duanya-habis!

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak terima penarikan balik itu. Jika Yang Berhormat tidak mahu menarik balik, saya akan minta supaya Yang Berhormat dikeluarkan daripada Majlis ini. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: 'Gila' saya tarik balik. 'Gila kuasa' tidak boleh tarik balik. Jikalau

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak boleh, oleh kerana 'gila kuasa' kedua-dua ini, Perdana Menteri pun 'gila kuasa'—habis!

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar daripada Dewan (*Tepuk*). Saya minta Bentara menjalankan kuatkuasa ini.

Dato' S. Samy Vellu: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Siput, jangan bising. Saya minta Bentara mengeluarkan Yang Berhormat dari Jelutong daripada Dewan. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Gila kuasa!

Tuan Hu Sepang (Rasah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah, saya telah beri peluang supaya tiap-tiap orang itu hendaklah berkelakuan baik dan saya harap janganlah disambung perkara ini lagi. Minta duduklah, Yang Berhormat. Saya tidak boleh menarik balik apa yang saya telah jatuhkan hukuman.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak campurtangan

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinjil): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan berhasrat campurtangan dalam keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Hu Sepang: Saya cuma hendak menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, tidak boleh menarik balik.

Tuan Hu Sepang: Bukan, menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa dari pihak sana pun ada orang sebut "gila". Jadi, untuk keadilan, sesiapa yang sebut "gila" patut semua beramai-ramai keluar. (*Ketawa*). Itu baru patut. Itu satu permintaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong keluar.

Tuan Lau Dak Kee: Yang Berhormat dari Sungai Siput telah mengatakan perkataan "gila" juga.

Dato' S. Samy Vellu: (*Menyampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, minta keluar. Nanti, satu persatu.

Tuan Lau Dak Kee: Ya, kemudian Yang Berhormat dari Sungai Siput

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta supaya Yang Berhormat dari Jelutong keluar. Kalau tidak, saya menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu keluar tetapi tidak boleh keluar, mahu lompat di sana!

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan main-mainkan perkara ini.

Tuan R. Karpal Singh: Saya bukan main-main, Tuan Speaker, saya hendak keluar tetapi tidak ada jalan di mana boleh keluar—habis! Saya mahu keluar, Tuan Speaker, tetapi saya tidak boleh keluar!

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta seorang Menteri menamakan Ahli ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menamakan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (3).

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya mahu keluar, oleh kerana

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu keluar, bolehkah saya keluar?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau boleh, saya mahu keluar, bukan saya tidak mahu keluar, saya ada beritahu tadi, Tuan Speaker. Tidak payah gunakan Peraturan lain, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Minta keluar.

(Ahli dari Jelutong keluar Dewan)

Tuan P. Patto: Point of order 36(4). Tadi Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput juga menggunakan perkataan yang sama seperti Ahli dari Jelutong iaitu "gila nombor satu", dan oleh kerana Tuan Speaker sendiri telah membuat keputusan mengarah Ahli dari Jelutong keluar daripada Dewan, saya minta satu keputusan daripada Tuan Speaker ke atas perkataan "gila" yang juga digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang sama-sama digunakan oleh Ahli dari Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Siput, adakah menggunakan perkataan "gila"?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik perkataan itu. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, minta teruskan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik sekali kerana Parti DAP ini selalu melaungkan, "The Rule of Law", bahawa semuanya mesti diurus mengikut undang-undang. Saya percaya undang-undang termasuklah juga peraturan-peraturan Dewan ini, tetapi apa yang kita lihat pada hari ini ialah, seorang yang sepatutnya faham tentang undang-undang telah membuat kelakuan yang bercanggah dengan cakap-cakapnya iaitu "The Rule of Law", dan malang sekali

apabila Yang Berhormat itu ingin keluar, ada halangan terhadapnya. *(Tepuk)*

Apakah parti ini boleh dipercayai boleh mengutarakan, mengutamakan "The Rule of Law in this country?" *(Tepuk)* Saya belum pernah dengar orang berkata bahawa saya gila, tetapi hari ini saya telah dengar Ahli dari Jelutong berkata bahawa kami bertiga ini semua gila. Saya maafkanlah, kerana kadang-kadang orang yang kurang siuman, dia buat juga teguran semacam itu. *(Tepuk)* Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. *(Ketawa)*

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa menggunakan perkataan "kurang siuman" dan tarik balik itu adalah biadap. Itulah. Saya tarik balik. *(Ketawa)*

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kebiadapan Ahli Yang Berhormat itu saya akuihlah, tetapi saya tarik balik juga. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga bercakap berkenaan dengan pengakuan yang telah dibuat oleh saya apabila saya menjadi Perdana Menteri, saya akan mengadakan Kerajaan yang terbuka dan liberal dan saya berani mencabar sesiapa yang berkata Kerajaan ini tidak terbuka dan tidak liberal? Sebenarnya, setelah saya menjadi Perdana Menteri, tindakan pertama yang dibuat oleh saya ialah menjemput akhbar-akhbar di dalam negara kita ini dan memberitahu kepada mereka supaya mengadakan columm tertentu untuk menegur Kerajaan. Sebab itulah, selepas itu ada "Action Line", ada "Hot Line" di dalam akhbar-akhbar supaya Kerajaan dapat mengetahui keluhan rakyat melalui akhbar-akhbar.

Juga Kerajaan ini telah mengeluarkan KDN kepada sesiapa sahaja yang meminta kebenaran

mengeluarkan akhbar-akhbar asalkan mereka mempunyai sikap yang baik dan akhbar-akhbar di Malaysia walaupun dikatakan tidak bebas oleh Ahli Yang Berhormat, ramai yang datang di sini tidak membaca lain, melainkan berkenaan dengan kecaman-kecaman terhadap Kerajaan sehingga orang asing yang datang ke sini berpendapat bahawa Kerajaan ini tidak popular, kerana mereka membaca akhbar-akhbar di dalam negara kita ini. Kalau mereka boleh mengecam Kerajaan dengan begitu mudah, dengan begitu bebas, bolehkah kita kata bahawa mereka terkongkong dan tidak berhak untuk menyuarakan tentangan terhadap Kerajaan?

Hari ini sebuah akhbar telah menyiarkan di muka hadapannya menyuruh Ahli-ahli semua jangan mengundi Kerajaan. Apakah kita sudah memasukkan mereka di bawah tahanan ISA ataupun menarik balik KDN? Mereka masih bebas. Sebenarnya dalam ahbar bahasa Cina umpamanya, sejak saya menjadi Perdana Menteri, begitu banyak sekali "mosquito newspaper" telah keluar sehingga tidak laku, kerana terlalu banyak dan kerana tidak laku, maka mereka membuat cerita-cerita yang memburuk-burukkan orang itu dan orang ini sehingga menjadi kes mahkamah dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kita memang terbuka dan liberal.

Juga berkenaan dengan tahanan ISA. Di waktu saya mengambil alih sebagai Perdana Menteri, terdapat lebih 600 orang di bawah tahanan ISA. Langkah yang pertama yang dibuat oleh saya ialah melepaskan kebanyakan daripada mereka itu dan hari ini cuma 35 orang sahaja yang ada di bawah tahanan ISA. (*Tepuk*). Mereka yang masih ditahan ialah mereka yang degil yang masih berharap, masih percaya kepada penggunaan 'violence' ataupun kekerasan untuk menjatuhkan

Kerajaan ataupun sanggaja ingin menimbulkan bermacam-macam masalah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesuatu yang menunjukkan bahawa Kerajaan ini liberal daripada ucapan-ucapan yang dibuat oleh ahli Pembangkang di dalam dan di luar Dewan ini. Mereka membuat kecaman yang hebat dan apabila mereka tidak puas hati dengan sesuatu mereka bebas untuk membawa kes-kes ke mahkamah dan Kerajaan tidak menahan mereka dan menyerah bulat-bulat kepada mahkamah untuk membuat keputusan. Kita tidak dapat memberi apa-apa arahan kepada mahkamah sebab itu kita dapati bahawa kes-kes yang dibawa oleh kita kerap kali juga gagal di dalam Dewan termasuklah kes Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Pendapat kita di dalam kes Ahli Yang Berhormat itu ialah ianya mendedahkan detail secara terperinci berkenaan dengan kapal perang kita yang boleh memberi maklumat kepada musuh-musuh untuk mengetahui akan kebolehan kapal perang-kapal perang kepunyaan kita. Tetapi pendapat mahkamah berbeza daripada pendapat Pendakwaraya. Dan oleh kerana mahkamah di dalam negara kita ini bebas maka mereka membuat keputusan berasaskan kepada pertimbangan mereka sendiri. Di manakah duduknya tuduhan bahawa kita cuba mempengaruhi mahkamah ataupun kita tidak menghormati mahkamah? Kalau kita tidak menghormati mahkamah maka kita tidak akan pedulikan keputusan yang di buat oleh mahkamah. Tetapi kita tahu bahawa di negara kita ini begitu mudah sekali kes-kes dibawa ke mahkamah walaupun kadang-kadang berkenaan dengan perkara-perkara titik-bengik.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai kes yang tersebut bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan kenapa dalam kes yang sama di mana semua maklumat yang sama yang digunakan oleh *Far Eastern Economic Review* dan *Asian Defence Journal* tidak didakwa sesungguhnya mereka pun ada disiasat dan dengan izin, "investigation papers" pun habis, tetapi sungguhpun kedua-dua kes yang sama tetapi saya ada didakwa, sedangkan kedua-dua majalah ini tidak. Kenapa ada pendakwaan "selective" dan "discriminatory".

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu ialah oleh kerana kita ingin mengadakan "test case" untuk menentukan sama ada kes ini dapat ditimbang dengan mengikut kehendak kita oleh mahkamah. Dan kita dapati bahawa mahkamah mempunyai pendapat yang berbeza dan oleh kerana itu sia-sia sahajalah kalau kita mendakwa kes-kes yang lain. Kita juga.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa tidak mahu guna *Far Eastern Economic Review* sebagai "test case" dan "guinea pig" kenapa gunakan saya sebagai "test case and guinea pig?"
(Ketawa)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tempoh sahaja akhbar, Ahli Yang Berhormat akan melompat lebih dahulu. Sebab itu lebih baik lagi kita ambil tindakan kepada rakyat yang taat setia ini.
(Ketawa)

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Oleh kerana taat setia ini adalah digunakan demi kepentingan negara, adakah Kerajaan berhasrat untuk "compensate" denda-denda yang telah saya bayar kepada mahkamah?
(Tepuk)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Maclean dan Burges mereka juga berpendapat

bahawa mereka melakukan pembocoran rahsia kerana kepentingan negara England tetapi mahkamah tidak bersetuju dengan pendapat mereka. Begitu juga dengan Kerajaan British pada ketika itu. Jadi hanya dengan Ahli Yang Berhormat sahaja menilai tindakannya sebagai satu tanda taat setianya tidak mencukupi, Tuan Yang di-Pertua.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah berkata bahawa kebebasan berucap yang dijamin di dalam Perlembagaan akan terjejas kerana Akta OSA ini. Sebenarnya kebebasan berucap bukanlah satu kebebasan mutlak ataupun yang tidak terhad. Di dalam Perlembagaan ini juga disebut bahawa segala kebebasan ini tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu. Ahli Yang Berhormat sendiri tahu bahawa di dalam Dewan ini pun mereka tidak boleh membuat sebarang ucapan. Umpamanya mereka tidak boleh kata orang itu gila, orang ini gila. Itu tidak dibenar di dalam Dewan ini walaupun kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak faham. Itu kita maafkan sahajalah. Tetapi apabila mereka faham mereka harus tahu bahawa dalam Dewan ini pun ada sekatan juga. Apakah ini bermakna kita tidak demokratik kerana kita tidak boleh memaki hamun Ahli-ahli yang lain? Tentulah di dalam Dewan ini kita harus sedar bahawa ada sekatan terhadap kebebasan kita berucap. Termasuk juga di dalam Dewan ini kita tidak boleh memperkatakan sesuatu yang melanggar "privilege" yang kita adakan, dan kita akan dibawa kepada "Committee of Privileges". Ini menunjukkan bahawa di mana-mana juga yang mana Perlembagaan berkata bahawa ada kebebasan berucap ataupun kebebasan mengeluarkan akhbar dan sebagainya, semua ini tertakluk

kepada sekatan-sekatan tertentu. Janganlah kita fikir bahawa tidak ada langsung undang-undang yang menyekat kita daripada memperkatakan sesuatu yang mungkin menimbulkan bermacam-macam masalah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat berkata kenapa saya tidak boleh membenarkan beliau menyemak berkenaan dengan minit-minit Mesyuarat Jemaah Menteri. Ini saya hendak ulanglah apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini. Pepatah Melayu berkata, "lulus jarum, lulus kelindan". Jadi ini sebagai "test case" jugalah. Kalau sekali sudah diberi hak untuk menyemak minit Mesyuarat Jemaah Menteri, saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga akan berkali-kali meminta untuk menyemak minit-minit Mesyuarat Jemaah Menteri. Dengan itu seperti yang telah saya jelaskan dalam ucapan saya, tidak akan ada rahsia lagi. Kalau kita tidak beri, maka dikatakan kita ingin menyembunyikan sesuatu. Kalau kita memberi maka ini akan digunakan untuk kepentingan politik. Dan kita tidak sanggup untuk mendedahkan minit mesyuarat berkenaan dengan MAMINCO ataupun tentang apa-apa lain kepada orang yang tidak berhak menyemak minit mesyuarat ini. Seperti yang saya katakan tadi, DAP masih ada harapan dalam tahun 3000 barangkali menjadi Kerajaan dan bolehlah menyemak pada ketika itu, tidak ada masalah bagi saya dan saya pun tidak ada lagi pada ketika itu.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa Kerajaan tidak rela untuk memberi perjanjian yang tercapai di antara MAMINCO dan Marc Rich yang mengenai kadungan perjanjian itu untuk maklumat atau disemak oleh Ahli-ahli Parlimen atau orang ramai. Adakah ini pun satu dokumen yang rahsia dan kenapa ada rahsia di dalam itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian antara Mark Rich dengan MAMINCO adalah sebahagian daripada kertas-kertas yang ada bersama dengan kertas-kertas Jemaah Menteri dan semua kertas-kertas itu adalah rahsia Kerajaan.

Walaupun demikian, sepertimana saya telah terangkan oleh kerana ada orang yang melibatkan nama bekas Perdana Menteri dan oleh kerana bekas Perdana Menteri pada ketika itu telah menjadi Pengerusi dalam mesyuarat berkenaan dengan perjanjian ini dan juga berkenaan dengan penjualan timah maka beliau berhak untuk menyemak supaya memperingati semula akan apa yang sebenarnya berlaku. Dan beliau boleh menentukan sama ada benar ataupun tidak beliau mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri dan apakah kandungan perjanjian dengan Mark-Rich dan kandungan dalam minit itu berkenaan dengan keputusan Kabinet untuk mencebur diri di dalam bidang penjualan bijih timah pada ketika itu. Dan oleh kerana Ahli Yang Berhormat mengatakan betapa ianya menghormati pendapat bekas-bekas Perdana Menteri, sudah tentulah ianya boleh dapat mengesahkan sama ada apa yang diperkatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan itu benar ataupun tidak daripada bekas Perdana Menteri. Jadi, kita tidak sembunyi melainkan daripada orang yang tidak berhak menyemak. Bagi orang yang berhak menyemak boleh semak dan boleh kata benar ataupun tidak apa yang telah kita katakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga kerana Ahli Yang Berhormat berkata bahawa dengan lulusnya undang-undang OSA ini maka akan tamatlah sebuah Kerajaan yang open, liberal dan accountable. Jadi, adalah pengakuan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa kita ini adalah open, liberal dan accountable sekarang ini, terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak point, tetapi saya boleh pendekkanlah, barangkali ada setengah orang lapar.

Ahli Yang Berhormat juga telah berkata bahawa kita tidak membenarkan perjumpaan orang ramai diadakan di Chin Woo Stadium pada hari Ahad ini. Dan pihak Polis telah membuat kenyataan bahawa ramai

Tuan Lim Kit Siang: Chinese Assembly Hall.

Perdana Menteri: All right, Chinese Assembly Hall, sorry, lupa.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah dengar melalui Radio dan TV bahawa orang ramai tidak dibenar berkumpul di Chinese Assembly Hall anjuran mereka ini kerana mereka tidak membuat permohonan untuk mengadakan perjumpaan ini. Pada ketika itu mereka tidak membuat permohonan, tetapi saya diberitahu bahawa mereka baru membuat permohonan dan permohonan itu telah pun diluluskan dan mereka boleh mengadakan perjumpaan ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa ini bukanlah satu tindakan yang wajar. Kita membincang undang-undang dan tempat membincang undang-undang ialah dalam Dewan ini. Memang benar kita boleh membincang juga undang-undang di tempat-tempat yang lain. Tetapi kalau kita cuba menggunakan perasaan masses untuk menyokong sesuatu tindakan kita, maka kita memindahkan proses menggubal

undang-undang daripada Dewan ini kepada jalan, to the street. Saya khuatir kalau tabiat ini diluaskan, maka ia akan membawa kesan yang buruk kepada negara kita.

Saya percaya bahawa kalau hendak kumpul orang, hendak tunjuk sokong ataupun tidak sokong kepada undang-undang ini, kalau Barisan Nasional membuat persetujuan akan mengadakan perjumpaan, bukan setakat Chinese Assembly Hall, tetapi Merdeka Stadium pun boleh kita penuh dengan penyokong-penyokong (*Tepuk*). Apakah cara ini yang kita hendak tentukan sama ada undang-undang boleh diluluskan atau tidak? Kalau kita hendak gunakan the masses untuk memaksa Kerajaan tunduk kepada sesuatu pihak, jangan kita marah kalau orang lain pula menggunakan masses. Kalau kita memanggil Barisan Nasional untuk mengadakan satu perhimpunan menyatakan sokongan mereka kepada undang-undang ini, saya yakin sekurang-kurangnya pun 500,000 akan hadir (*Tepuk*). Ahli UMNO sahaja pun ada satu juta lebih, 1.4 juta. Tetapi itu bukan caranya. Sebab itu Barisan Nasional tidak cuba untuk menggunakan the masses untuk meluluskan undang-undang ini. Sebaliknya

Tuan Lim Kit Siang: Apa Kerajaan Barisan Nasional dapati Barisan Nasional buat dalam tahun 1983 dalam masa krisis Perlembagaan, di mana Yang Amat Berhormat jelajah negara setiap negeri. Bukankah ini menggunakan masses? Adakah ini lagi satu double standard? Perdana Menteri kata tadi ialah bahawa masalah baik pun undang-undang baik atau tidak baik dan lain-lain masalah national tidak boleh dibincang di luar Dewan yang mulia ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Barisan Nasional mengadakan perjumpaan ini, kita buat itu kerana parti-parti lain membuat

dahulu daripada kita. Parti PAS umpamanya tidak menghiraukan sama sekali tentang teguhan terhadap mengadakan perjumpaan. Mereka mengadakan perhimpunan 40,000 orang dan mencabar Polis, "datanglah tangkap, kalau berani". Jadi, ini telah dibuat oleh orang lain dan mustahil parti Barisan Nasional tidak boleh buat. Sebab itu kita buat dan kita boleh buat lebih daripada itu. Cuma kita buat secara kecil-kecilan pada ketika itu. Kalau kita hendak buat secara besar-besaran, kita juga boleh tunjuk kekuatan penyokong-penyokong kita dan sokongan yang kita dapat. Dan kita kalau cakap bahawa kita di sini mempunyai perwakilan yang lebih daripada 2/3, ianya bukan 2/3 cakap mulut sahaja. Kita boleh tunjuk berapa ramai pun yang kita kehendaki, bahkan kita boleh membanjiri Kuala Lumpur ini dengan penyokong-penyokong Barisan Nasional. Dan kalau kita sudah sampai ke peringkat itu untuk membuat undang-undang dengan menggunakan mass action ini, saya yakin bahawa selepas itu tidak akan ada demokrasi lagi. It may be the democracy of the streets. Mungkin ada yang tertarik dengan apa yang berlaku di Filipina, menunjuk *people's power*. Kalau hendak tunjuk *people's power* di dalam Malaysia ini pun, *people's power* adalah di belakang Barisan Nasional. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah mengemukakan Rang Undang-undang ini sebelum Parlimen yang Keenam dimansuhkan. Dan kita tidak pernah berkata bahawa kita akan menarik balik undang-undang ini. Hanya yang kita memberi jaminan ialah kita akan mengkaji takrif rahsia rasmi. Itu sahaja yang dijanji oleh saya kepada orang ramai. Dan ini terang-terang telah diperkatakan dan kita tidak mungkir janji jika selepas kita menang, kita kemukakan semula pindaan-pindaan yang telah dipinda

mengikut kehendak dan janji-janji kita, iaitu kita berjanji untuk membuat takrif terhadap perkataan rahsia rasmi. Itu yang dijanji sebelum pilihanraya dan selepas pilihanraya kita memang menunaikan janji kita dengan membuat takrif yang baru yang dipinda lagi sekali untuk memuaskan hati rakyat. Jadi, kita tidak pernah mungkir janji seperti DAP cakap "rule of law" tetapi dalam Dewan ini pun tidak dapat tunjuk "rule of law".

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat berkata bahawa jarak antara Kerajaan dengan rakyat jelata menjadi lebih jauh kerana undang-undang ini. Bila Ahli Yang Berhormat membuat ukuran ini? Saya belum tahu kerana setakat yang saya tahu adalah orang tertentu yang selalunya tidak pernah bersetuju dengan Kerajaan dan mereka ini memang akan tidak bersetuju dengan Kerajaan. Jarak mereka dengan Kerajaan memang jauh kerana itu adalah pilihan mereka. Kalau mereka ingin mendekati dengan Kerajaan, maka akan dekatlah mereka. Termasuk juga DAP, kalau dia hendak dekat dengan Kerajaan, boleh. Bukan kita tidak beri, tetapi kena patuhlah sedikit. Jangan "Patto" sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bertanya di manakah terdapat hukuman yang begitu keras terhadap pembocoran rahsia. Di negara lain kononnya cuma dikenakan hukuman denda sahaja. Mungkin juga jel tetapi tidak secara mandatori. Tetapi kita tahu juga di setengah-setengah negara, hukum mati pun ada juga. Ditembak kalau mengintip dan membocorkan rahsia Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita boleh menggunakan negara-negara lain sebagai contoh bagi kita, kita harus ingat bahawa negara lain adalah negara lain, negara kita adalah negara kita. Keadaan di negara kita

tidak serupa 100% dengan keadaan di negara lain. Sebab itu di dalam negara kita pengedaran dadah sekian banyak, dikenakan hukuman mati secara mandatori. Tidak banyak negara-negara lain yang mengadakan hukuman ini.

Setakat yang saya tahu di waktu saya ada di Harere di Zimbabwe, saya berjumpa dengan Presiden Mauritius dan dia berkata dengan bangganya bahawa dia sama dengan Malaysia, sekarang ini hukuman mati secara mandatori dikenakan kepada pengedar dadah di Mauritius. Jadi ada juga negara lain yang memandang tinggi kepada kita, bahkan alam cakap-cakap saya dengan wakil-wakil daripada negara utara, negara-negara Eropah dan Amerika mereka menyatakan perasaan kesal mereka kerana tidak dapat menjatuhkan hukuman bunuh ini kepada pengedar dadah.

Sebenarnya Presiden Reagan juga ingin menjatuhkan hukuman bunuh kepada pengedar dadah, malangnya tidak diluluskan oleh Kongressnya, tetapi keadaan di sana berbeza, kongress lain, Presiden lain, di sini Prime Minister dengan Ahli-ahli Barisan Nasional satu sahaja.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Perdana Menteri: Boleh.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan hukuman bunuh. Adakah itu sebenarnya hukuman bunuh atau hukuman mati yang Presiden Reagan ingin buat?

Perdana Menteri: Akhirnya dia matilah (*Ketawa*), tetapi kerana dia tidak mati secara natural bermakna dia dibunuh, sama ada guna tali gantung, ditembak, guna electric chair ataupun gas akhirnya mati kerana dibunuh.

Tuan Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan dan memberi penjelasan apakah undang-undang kita sendiri akan dipinda kemudian untuk memberi makna yang sama seperti yang diberi oleh Yang Amat Perdana Menteri, iaitu seseorang yang disabit kesalahan kerana memiliki dadah, yang ditentukan hadnya akan dibunuh dan bukan hukuman mati tetapi hukuman bunuh dan dengan apa cara sahaja, tembakkah, tikamkah, (*Ketawa*) gantungkan. Itu saya rasa bukanlah perkara yang boleh dimain-mainkan. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkataan yang biasa digunakan ialah:

“He shall be hanged by the neck until he dies”. Tetapi bahasa yang digunakan dalam undang-undang itu ialah bahasa undang-undang, saya tidak guna bahasa undang-undang dalam masa bercakap dengan Ahli Yang Berhormat, takut tidak faham. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, ada kekhuatiran berkenaan dengan hak Menteri yang berkenaan menambah kepada Jadual. Ini diadakan, kerana kadangkala terdapat dokumen-dokumen yang menjadi penting dan oleh kerana itu perlu dimasukkan di dalam Jadual dan sudah tentu sebelum dianya dimasukkan di dalam Jadual, pertimbangan yang teliti akan dibuat sama ada dia dimasukkan dalam Jadual. Peruntukan seperti ini bukanlah satu peruntukan yang istimewa bagi kes ini sahaja, terdapat peruntukan ini di dalam banyak undang-undang yang mengatakan bahawa Menteri diberi kuasa untuk memasukkan ataupun mengeluarkan sesuatu daripada Jadual-jadual tertentu dan dalam kes itu kita tahu bahawa Menteri terutama Menteri-menteri Barisan Nasional adalah Menteri yang bertanggungjawab dan

mereka tidak akan memasukkan sebarang perkara dalam Jadual itu. Oleh kerana itu tidak usahlah Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang sengaja menakutkan rakyat. Kita tidak harus mencari sokongan dengan cara menakutkan orang, kita patut cari sokongan dengan berbuat baik dan berbuat baik bermakna menyokong undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan! Kalau begitu, kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Taiping, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud pun takut, adakah ini menunjukkan bahawa Ahli-ahli Parlimen dan komponen-komponen Barisan Nasional tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, takut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita dari Parti Barisan Nasional terlalu besar, kadang-kadang ada

Tuan Maidom bin Pansai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin beri penjelasan. Yang Berhormat dari Tanjong tadi ada menyatakan Ahli dari Kota Belud takut. Sebenarnya saya telah katakan tadi bahawa penjelasan saya itu adalah jujur dan ikhlas berdasarkan kepada keputusan terakhir yang dibuat oleh parti PBS dan bukanlah ada perasaan takut atau sebagainya. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Amat Berhormat, teruskan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sudah pun dijawab. Jadi tidak perlulah saya jawab.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah berkata bahawa maklumat adalah penting untuk rakyat—memang maklumat penting, tetapi maklumat tentang apa? Takkan semua maklumat mesti disampaikan kepada rakyat barulah diannya dapat hidup. Ada maklumat yang penting, ada maklumat yang tidak penting. Kalau umpamanya, banjir berlaku di Terengganu dan dia hendak balik ke sana itu kita beri maklumat kepadanya, itu penting. Tetapi apakah rakyat semua mesti mengetahui apakah jenis meriam yang dipasang di atas sebuah kapal. Itu maklumat penting. Semua orang mesti tahu, kalau tidak tahu, maka tidak boleh jadi rakyat, tidak bebas, tahu boleh makan nasi, kalau tidak ada maklumat itu. Tentulah ada maklumat yang penting bagi rakyat dan maklumat yang tidak penting. Rahsia yang dirahsiakan oleh Kerajaan boleh diketepikan ataupun tidak akan mempunyai kesan apa-apa kepada rakyat dan tidak akan menjadi satu perkara yang penting bagi rakyat. Oleh kerana itu saya berasa tidak perlu kita khuatir tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat juga bercakap berkenaan dengan Akta pengintipan, saya tidak tahulah apa maksudnya, mungkin untuk menembak sesiapa yang membocorkan rahsia, tetapi saya berpendapat bahawa OSA ini sudah mencukupi. Juga berkenaan dengan meminta supaya ditangguh dan dilanjutkan ini, saya fikir itu tidak perlu.

Ahli Yang Berhormat dari Taiping telah bercakap berkenaan dengan masalah "mandatory jail sentence" ini dan diannya berasa tidak puas hati. Saya telah pun terangkan kepada Ahli Yang Berhormat dahulu kenapa kita perlu mengadakan peruntukan ini, sebabnya ialah perbuatan membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan sudah berleluasa, terlalu banyak sehingga tidak ada sesuatu pun yang

dapat dibuat oleh kita tanpa diketahui oleh orang-orang yang tidak sepatutnya mengetahuinya. Kertas Jemaah Menteri sebelum Jemaah Menteri bermesyuarat, sudah pun diketahui oleh orang-orang tertentu yang tahu iaitu pada mesyuarat yang akan diadakan dua minggu lagi, perkara ini akan dibincang. Juga kita dapati ada kertas-kertas berkenaan dengan tender telah pun diedar dengan luasnya bukan sahaja di dalam Malaysia ini, tetapi di England. Buku yang tebal itu sudah diedar ke merata-rata tempat, bermacam-macam rahsia Kerajaan telah dibocorkan dan dianya menjadi sesuatu amalan yang begitu berleluasa, kerana

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat hendak apa? Minta penjelasan!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejauh manakah satu Kertas Kabinet yang bertajuk: "A Managed at of and a Controlled Relationship with the People's Republic of China" yang tersiar dalam "Far Eastern Economic Review" dan akhirnya James Clark dihukum dengan denda sebanyak \$10,000. Sejauh manakah maklumat ini telah menjejaskan kepentingan negara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perhubungan negara kita dengan sebuah negara yang mempunyai sistem yang berbeza daripada kita yang dahulunya dianggap sebagai musuh kita sudah tentu strategi berkenaan dengan perhubungan ini adalah perkara yang amat serius, tetapi demikianlah mudahnya mereka mendapat maklumat sehingga mereka dapat mengeluarkan siaran berkenaan dengan isi kandungan kertas yang

rahsia ini dengan tidak sama sekali menghormati negara kita. Ini menunjukkan bahawa ada orang-orang yang sengaja mengedarkan kertas ini ataupun ada orang-orang yang mencuri kerana ada pihak yang ingin membeli. Ini tidaklah mustahil kerana sekarang ini moral setengah-setengah daripada pemberita luar negeri sudahpun merosot dengan begitu rupa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Bukankah benar bahawa dalam kes ini maklumat atau Kertas Kabinet ini didapati daripada seorang anggota Kabinet dan Kerajaan tahu dan kenapa Kerajaan tidak ambil tindakan mengenai pemberian maklumat ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahil anggota Kabinet memberi kertas ini. Mungkin anggota Kabinet menyebutkan berapa perkara tetapi apa yang dibuat ialah menyiarkan secara detail isi kandungan Kertas Kabinet ini dan saya tidak percaya bahawa ianya mendapat kertas ini dengan kerjasama daripada Menteri Kabinet. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh membuktikan, saya boleh ambil tindakan. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tidakkah Kerajaan adakan satu siasatan untuk mengetahui siapa yang memberi surat-suratan Kabinet ini, tentulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu atau kes ini adalah semacam kes Siddiq Qhouse diberi satu layanan yang istimewa di mana Siddiq Qhouse seorang "spy" tidak didakwa di bawah OSA tetapi ditahan di bawah ISA.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita tahulah kita tidak payah buat siasatan dengan lebih lanjut. Kita sudah tahu bahawa ini tidak benar apa yang dikatakan berkenaan dengan Siddiq Qhouse. Dia

tidak ada kena-mengena dengan kes ini. Sebenarnya dia terlibat dengan kes pengitipan dan kes pengitipan biasanya sukar untuk kita membawa ke mahkamah, oleh kerana itu dia dimasukkan dalam tahanan di bawah Undang-undang ISA. Kalau kita hendak bawa kepada mahkamah dia akan melibatkan negara lain dan mustahil negara lain akan datang menjadi saksi dan berkata di dalam mahkamah kita bahawa, kami telah menerima daripada siddiq Ghouse information sekian, sekian. Jadi, Ahli Yang Berhormat patutlah timbang sedikit tentang apa yang hendak dicadangkan itu. *(Tepuk)*

Ahli Yang Berhormat dari Seremban bercakap fasal

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Amat Berhormat, ada orang yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat, kejadian-kejadian pembocoran yang serius itu, bukanlah ini kegagalan usaha-usaha untuk mengawasi rahsia-rahsia ini, bukan kerana OSA atau apa sahaja. Bolehkah Yang Amat Berhormat itu menjamin bahawa dengan adanya pindaan ini semua ini akan berhenti dengan serta-merta? Itu adalah usaha-usaha pengawasan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ini ada undang-undang yang menjatuhkan hukuman mati kepada orang yang membunuh tetapi kita tidak boleh memberi jaminan pembunuhan tidak akan berlaku. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah menjawab hampir semua daripada apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan

walaupun ada point-point yang lain ini sebenarnya tidak penting cuma untuk memakan masa sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang menyebut tentangnya dan saya tidak bercadang untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sekian. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, belum lagi-belum habis.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengikut Peraturan Mesyuarat 46 (3) dan (4) dan saya minta Dewan dibelahbahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada 15 orang bangun?

Tuan P. Patto: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cuba bilang berapa.

Loceng dibunyikan.

Dewan berbelahbahagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Dauh): Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mencadangkan untuk pertimbangan Tuan Yang di-Pertua, apabila pengundian diambil di setiap blok, setiap anggota Parlimen berdiri dan bercakap dengan lantang sama ada dia bersetuju atau tidak ataupun berkecuali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, pengundian sedang dijalankan sekarang. Undi-undi akan dijumlahkan oleh Setiausaha yang akan menyerahkan keputusan undi itu kepada Tuan Yang di-Pertua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini dia keputusan yang ditunggu-tunggukan pada 10.13 minit malam ini.

Ahli-ahli Yang Bersetuju, 132 undi. *(Tepuk)* Yang Tidak Bersetuju, 23 undi, *(Tepuk)*

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 54 (2) untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tunggu sekejap. Peraturan berapa?

Tuan Lim Kit Siang: 54 (2), bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada sokongan?

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya

bahawa Rang Undang-undang ini dibawa kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan di-Pertua, saya bangun minta dijalankan undi dengan cara belahbahagian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Undi secara belahbahagian telah dipohon, saya minta tidak kurang daripada 15 orang bangun untuk menyokong. Cuba bilang.

Lebih daripada 15 orang bangun. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli dari Rasah bangun dan mengebarkan poster)

Tuan Hu Sepang: Pihak berkuasa menyalahgunakan kuasa. Ini satu contoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Hu Sepang: Mana satu peraturan mengatakan saya tidak boleh buat demikian. Saya duduk pun boleh buat. Apa salah? Cuba beritahu saya.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, orang sasau sahaja yang buat kelakuan yang demikian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan tunjuk. Oleh kerana Yang Berhormat berkelakuan haru-biru dalam Majlis.

Tuan Hu Sepang: Mana saya minta satu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya memberi amaran kepada Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Tidak apa, saya akan terima apa keputusannya. Cuma satu jawapan saya ialah Peraturan dalam perkara berapa? Kita mahu tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya suruh duduk.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Speaker, mesti tahu mana itu Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Rasah. (*Tepuk*)

Tuan Hu Sepang: Terima kasih. Satu hari semua orang regret. Belum sampai lagi, ada masa. Sekarang sudah sampai, boleh, (*Ketawa*) Saya akan keluar bawa bantahan. Ini tidak adil. Salahguna kuasa.

(*Ahli dari Rasah keluar Dewan*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan P. Patto: Perkataan "biadap" digunakan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya tidak kata "biadap", Yang Berhormat kurang ajar.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya minta perkataan "biadap" di tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Othman bin Abdul: Saya tarik balik perkataan kurang ajar.

Tuan P. Patto: Dia orang yang paling biadap dalam Dewan ini. Saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan Othman bin Abdul: Yang Berhormat kurang ajar. Sikap macam budak-budak, kurang ajar.

Tuan P. Patto: Paling kurang ajar dalam Dewan ini ialah Ahli Yang Berhormat dari Pendang. Saya tarik balik. (*Ketawa*) Boleh. Kalau macam ini boleh, sampai tengah malam besok pun boleh.

Tuan Othman bin Abdul: Boleh, apa-apa pun boleh. Tetapi janganlah kurang ajar dengan biadap dalam Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan P. Patto: Jangan kata biadap. Kamu paling kurang ajar, paling biadap. saya tarik balik. Dia belum tarik balik.

Tuan Othman bin Abdul: Saya akan tarik balik perkataan "biadap" saya.

Tuan P. Patto: Tarik balik atau tidak. saya minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohammed Amin bin Haji Daud): Saya minta kedua-kedua Yang Berhormat jangan bercakap lagi. Kedua-dua Yang Berhormat dari Ipoh dan Pendang jangan bercakap lagi. Duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat di hadapan blok masing-masing.

Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dibawa oleh pihak Pembangkang, usul untuk melaporkan kepada Jawatankuasa Pilihan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Bersetuju kepada Usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ialah sebanyak 22 undi; Yang Tidak Bersetuju ialah 132 undi.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak dipersetujukan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 9—

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, oleh kerana rakan saya dari Jelutong ada memberi notis untuk membuat beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang ini dalam Peringkat Jawatankuasa dan memandangkan bahawa rakan saya telah diperintah keluar daripada Dewan, saya ingin mendapat satu keputusan daripada Tuan Pengerusi. sama ada saya boleh mengambil alih pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh rakan saya dari Jelutong sebagai pindaan yang dikemukakan oleh saya sendiri.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, oleh kerana pembawa usul asal tidak ada dalam Dewan ini oleh sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, saya membuat keputusan, lain Ahli tak boleh membawa usul itu. itu.

Dr V. David: Tuan Pengerusi, adakah saya boleh berucap atas usul asal?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, belum boleh lagi.

Dr V. David: Tuan Pengerusi, saya yang pertamanya mahu beri Dewan ini satu peribahasa. Peribahasa itu biasanya dikatakan

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, duduk sekejap! Saya jemput pencadang Rang Undang-undang mencadangkan.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan di Peringkat Jawatankuasa dan telah diluluskan dan saya ingin melaporkan kepada Majlis semula.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, itu bukan diluluskan, belum ada perbahasan dalam Committee.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, usul belum disokong lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Usul belum dibahaskan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Fasal-fasal 1 hingga 9 ini dikemukakan untuk perbahasan dahulu, kemudian baharulah diputuskan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sila duduk dahulu, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu Peraturan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah ini untuk dibahaskan. Ahli Yang Berhormat dari Puchong, silakan.

Dr V. David: Tuan Pengerusi, ini saya ada satu peluang yang pertama. Saya ingin beri tahu satu peribahasa iaitu, siapa yang tidur, kita boleh bangkitkan dia dengan senang, tetapi kalau dia berpura-pura tidur, susah kita mahu bangunkan dia. Dengan izin, peribahasa itu dalam bahasa Inggeris, "Those who are sleeping can be awoken but those who pretend to sleep you cannot awake."

Lagi satu saya nampak petang ini

Perdana Menteri: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Puchong, duduk sekejap!

Dr V. David: Saya minta maaf.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, kita masih dalam Jawatankuasa, kalau dalam Jawatankuasa, saya ingin tahu Fasal-fasal berapa yang hendak diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat itu?

Dr V. David: Tentang Fasal-fasal itu, saya akan sambung. Saya akan sentuh sekaligus Fasal 1 hingga 9. Saya boleh bercakap dengan panjang. Fasal apa yang saya nampak semua peringkat-peringkat kita mahu luluskan di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, sebutkan fasal-fasal yang tertentu.

Dr V. David: Fasal-fasal ini, saya bangkang penuh. Fasal 1 sampai 9, semua sekali. Apa yang saya nampak dalam Fasal 2, Rahsia Besar, Rahsia Sulit atau Terhad, saya bangkang penuh. Sebab apa, jika pindaan-pindaan ini dibenarkan, kalangan rakyat akan dinafikan hak mereka untuk mengetahui segala kegiatan-kegiatan Kerajaan, kegunaan wang bayaran cukai rakyat dan sebagainya.

Fasal 2, Akta ini juga "mencekik" kebebasan media-massa dan mengasingkannya dari rakyat.

Fasal 3, Akta ini akan membolehkan Kerajaan mentadbirkan negara ini secara perintah tanpa prinsip-prinsip demokrasi.

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, dalam Peringkat Jawatankuasa, apa yang harus disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan perkataan-perkataan yang terdapat dalam Fasal itu, bukan membahas dari segi umum.

Dr V. David: Tidak, bukan umum. Saya berucap atas nama Bil ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada fasal-fasal yang tertentu.

Dr V. David: Ya, itulah saya kata, Rahsia Besar, Rahsia Sulit atau Terhad.

Seorang Ahli: Fasal nombor berapa?

Dr V. David: Fasal 2.

Beberapa Orang Ahli: (*Menyampuk*)

Dr V. David: Fasal 2 lah, dalam Fasal 2 hak asasi rakyat, sepertimana yang

Perdana Menteri: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Dr V. David: Sorry, saya minta maaf.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu ingin menggugurkan perkataan "Rahsia Besar", "Rahsia Sulit" atau apakah pindaan kepada ayat-ayat terdapat di dalam undang-undang ini, tetapi beliau belum bercakap berkenaan dengan apa yang hendak dipinda.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan Yang Berhormat.

Dr V. David: Saya beri keterangan, ini mahu ditarik balik, di atas peringkat 2

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Adakah Yang Berhormat

Dr V. David: Peringkat 2, muka 2, saya mencadangkan supaya nama "Rahsia Besar", "Rahsia Sulit" atau

“Terhad” ditarik balik daripada Akta ini. Itu cadangan saya dan atas itu saya berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Apakah perkataan-perkataan pindaan yang perlu dibuat?

Dr V. David: Ya, saya bawa satu pindaan, fasal tarik balik. Saya belum berucap, Perdana Menteri tidak mahu berikan saya berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay. Teruskan Yang Berhormat.

Dr V. David: Baik, terima kasih.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, dia mesti beri notis, bukannya begitu? Tetapi dia tidak ada notis, macam mana dia hendak pinda?

Dr V. David: Tetapi saya belum berucap lagi, saya tidak beritahu apa-apa, saya mahu cakap.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: No, notis dengan bersurat. Adakah notis bersurat disampaikan kepada Speaker?

Dr V. David: Berilah saya bercakap dahulu.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya mahu tahu dahulu, sama ada notis bersurat telah disampaikan.

Dr V. David: Saya hanya mencadangkan. Tetapi saya tidak berucap, barangkali Tuan Pengerusi boleh kata luluskan atau tidak lulus.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, apakah pindaan-pindaan Yang Berhormat akan kemukakan kepada Dewan ini, sila sebut.

Dr V. David: Fasal muka ini—1 sampai 9, saya mahu berucap di dalam itu semua sekali.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Hak asasi rakyat sepertimana yang tercatat dalam Perlembagaan kita akan diketepikan oleh Akta ini. Saya nampak rakyat tersangkut oleh perkara ini, fasal pada masa lepas, rakyat luar, Kabinet boleh bawa undang-undang atau apa-apa yang sulit, yang sesiapa pegawai-pegawai Kerajaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita dalam masa Jawatankuasa, minta berucap di atas detailnya sahaja, bukan principle.

Dr V. David: Saya minta Kerajaan tarik balik fasal Rahsia Besar ini

Tuan Pengerusi: Tarik balik apa itu?

Dr V. David: Rahsia Besar, Rahsia Sulit atau Terhad.

Tuan Pengerusi: Tarik balik apa Yang Berhormat?

Dr V. David: Dalam muka surat 2.

Tuan Pengerusi: Tarik balik apa dia?

Dr V. David: Atas nama rahsia itu, itu yang saya cakap, Rahsia Besar. Saya cadangkan satu pindaan.

Seorang Ahli: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau hendak pinda, kena ada notis.

Dr V. David: Baiklah. Kalau begitu, saya cadangkan ambil satu referendum, dengan izin, sebelum bawa pindaan ini.

Tuan Pengerusi: Perkara yang itu atas dasar. Referendum dan sebagainya ialah dasar. Dalam Jawatankuasa kenalah bercakap atas butir-butirnya sahaja.

Dr V. David: Saya nampak syarat-syarat dalam Rang Undang-undang ini kalau kita menerima apa yang dibawa di Dewan ini kita yang korek kubur sendiri.

Tuan Pengerusi: Ya, yang itu dasar.

Dr V. David: Ya, tetapi macam manapun saya minta Fasal 2 (b) Akta ini di muka pertama, saya mencadangkan supaya Kerajaan fikirkan atas rayuan menarik balik Fasal 2. Saya punya cadangan sahaja, saya ada kuasa mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Baik, baik, teruskan. Lagi apa Yang Berhormat hendak cakap?

Dr V. David: Lagi saya minta 5 (b).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jikalau Yang Berhormat meminta supaya dipinda, ini tidak dibenarkan, jikalau tidak ada notis.

Dr V. David: Baik, saya minta rayuan sahaja, saya bukan mencadangkan, rayuan pun tidak boleh?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, kalau rayuan itu makna kata pindaanlah.

Dr V. David: Saya minta rayuan, sebab Perdana Menteri selalu, minta izin, dia kata, liberation, liberalised society.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap tidak mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau sekiranya Yang Berhormat teruskan, saya tidak akan membenarkan Yang Berhormat bercakap.

Dr V. David: Satu juga saya boleh cakap di dalam Dewan ini, yang nampaknya Akta ini, Perdana Menteri ada cadangan mahu meluluskan Fasal 1 sampai 9. Saya nampak isi di dalamnya satu dosa besar. Siapa yang sokong berdosa dan lebih lagi dosanya bagi orang yang membuat.

Tuan Pengerusi: Di situlah dasar, tidak boleh dicakapkan dalam Jawatankuasa.

Dr V. David: Baik, terima kasih. Tetapi saya, walau apa sekalipun tidak boleh menerimanya. Saya bangkang penuh, saya minta rayuan dengan Perdana Menteri, tolonglah fikirkan sedikit bahawa orang yang luar dari Dewan ini, apa yang mereka fikirkan. Itu yang mustahak, kalau kita mahu satu masyarakat atau, dengan izin, enlightened society.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap atas dasar (principle) Yang Berhormat.

Dr V. David: Saya tidak lama, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jikalau begitu, saya tidak benarkan Yang Berhormat bercakap. Saya minta Yang Berhormat duduk!

Dr V. David: Saya minta rayuan sekali lagi.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat duduk!

Dr V. David: Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh.

10.37 mlm.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Rang Undang-undang, Suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi Tahun 1972, dalam peringkat Jawatankuasa. Saya merujuk kepada Jadual, Tuan Pengerusi, dalam jadual

Tuan Pengerusi: Jadual belum lagi.

Tuan P. Patto: Saya minta maaf, sebelum itu, Fasal 3.

Beberapa Orang Ahli: (Menyampuk)

Tuan Pengerusi: Tetapi Jadual tidak disebut.

Tuan P. Patto: Yes, that is right, Tuan Pengerusi.

Beberapa Orang Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Jadual di bahagian terakhir.

Tuan Pengerusi: Tidak, Jadual diiktirafkan asing.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak "The principal Act is amended by inserting the following new Schedule:" Bahagian itu!

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap lagi Jadual akan dikemukakan mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, mengikut apa yang tertulis di bawah Fasal 9, adakah "Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31, Jadual baru yang berikut:" Jadi saya rasa Jadual yang berikut adalah sebahagian daripada Fasal 9 dan tadi Tuan Pengerusi telah mengemukakan supaya Fasal 1 hingga 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang, dan kalau Fasal 1 hingga 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang maka saya rasa Jadual yang menjadi sebahagian daripada Fasal 9 itu boleh dibahaskan sekarang. Itu pandangan saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu barangkali betul, sebenarnya Fasal 9 tidak patut dikemukakan, kerana mengikut Peraturan Mesyuarat, Jadual hendaklah dikemukakan berasingan. Jikalau sekiranya Yang Berhormat sekalian hendak bercakap tentang Jadual sekarang, saya membenarkan, tetapi sekejap lagi tidak payah dikemukakan lagi.

Tuan P. Patto: Adakah Tuan Pengerusi bercadang untuk membahaskan Fasal 1 hingga 8 dan kemukakan

Tuan Pengerusi: 9, ya.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi buat cadangan sekarang?

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan P. Patto: Okay. Jadi ini satu pembetulan atas keputusan Tuan Pengerusi terlebih dahulu daripada Tuan Pengerusi sekarang.

Tuan Pengerusi, Fasal 3 berbunyi, "Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2, seksyen baru 2A, 2B dan 2c yang berikut:

2A. xx xx xx xx.

"2B. Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui satu perakuan di bawah tanda-tandanya untuk melancarkan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" atau "Terhad", mengikut mana-mana yang berkenaan."

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apakah setiap anggota dalam Jemaah Menteri ini sungguh lengkap dengan fahaman atas takrifan "Rahsia Besar", "Rahsia", "Sulit" dan "Terhad"?

Yang kedua, bagaimanakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh meyakinkan bahawa Menteri-menteri Besar yang ada dalam negeri-negeri dan juga Ketua-ketua Menteri yang memang mempunyai kuasa tetapi sama ada mereka memahami apakah satu-satunya yang boleh diklasifikasikan sebagai "Rahsia Besar", yang menjadi "Rahsia", yang menjadi "Sulit" dan "Terhad", oleh kerana saya bimbang bahawa 2B ini akan disalahgunakan untuk menjadikan segala-galanya sekurang-kurangnya terhad atau kalau sekiranya didapati yang terhad itu sudah melebihi

hadnya ia menjadi sulit dan kalau Menteri atau Menteri Besar atau Ketua Menteri itu mendapati bahawa ianya lebih daripada sulit pada satu ketika, kemudiannya ia akan menjadi rahsia dan ia boleh ditukar-tukar sehingga menjadi rahsia besar, oleh kerana kuasa untuk mengelaskan dan kuasa untuk membatalkan pengelasan itu memang diberi kepada Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar, Dan, oleh kerana mereka mempunyai kuasa itu, maka yang "Terhad", dengan izin, ada orang-orang yang bergila kuasa, dan mereka berkelakuan seolah-olah gila kuasa, kemungkinan mereka akan menggunakan kuasa ini iaitu yang "Terhad" untuk dijadikan "Rahsia Besar".

Umpamanya katalah dalam Jabatan Perdana Menteri, Ketua Jabatannya membeli 100 cawan untuk minum teh dalam Jabatan dan apabila pesanan dibuat dan didapati bayaran dibuat untuk 100, tetapi bahan yang diterima yang sepatutnya 100 cawan bukan 100, barangkali 90. Apabila didapati bahawa satu kesilapan sudah berlaku yang mana mungkin ia menjadikan saluran untuk amalan-amalan curang, amalan-amalan rasuah untuk dilakukan oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan di sinilah Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri dan dalam keadaan ini Perdana Menteri sendiri boleh memberi perlindungan dengan mengecap sahaja fail itu sebagai "Rahsia", iaitu fail yang mengandungi pesanan untuk 100 cawan. Jadi, minum teh itu sendiri boleh jadi rahsia besar negara.

Tuan Pengerusi: Yang Amat Berhormat, ya.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya "object" kepada sangkaan buruk yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat terhadap saya bahawa saya akan menyalahgunakan kuasa yang ada

kepada saya. Apakah Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti, saya menyalahgunakan kuasa?

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentulah faham. Apa yang saya katakan di sini adalah "kalau". Saya memang tidak mempunyai sebarang sangkaan jahat ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perkara itu waktu sekarang, pada hari kemudian saya tidak tahu dan hal lain, itu lain. Dalam soal yang saya bangkitkan, saya tidak mempunyai sangkaan jahat.

Perkara ini barangkali boleh berlaku dalam Jabatan Kerjaya atau Perdagangan dan Perindustrian atau Jabatan Pengangkutan Jalan. Kemungkinan ini boleh berlaku, kerana peruntukan ini adalah terlalu luas kuasanya. Itulah saya khuatiri dan penentangan, bangkangan kami daripada awal adalah kerana ini dan lain-lain unsur-unsur yang terdapat tersembunyi dalam Fasal-fasal ini dan unsur-unsur ini adalah unsur-unsur yang membolehkan pegawai-pegawai, khususnya Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri untuk menjadikan "Terhad" itu "Rahsia Besar" dan yang sebenarnya bukan "Terhad" pun boleh jadi "Rahsia Besar". Itulah menjadi satu ketakutan orang ramai walaupun Yang Amat Berhormat mungkin memberi jaminan-jaminan, tetapi jaminan-jaminan itu seperti jaminan-jaminan lain, sepertimana rakan saya Ketua Pembangkang telah menyebutkan sewaktu membahaskan Rang Undang-undang ini dalam Bacaan Kali Kedua telah menyatakan beberapa contoh yang mana janji-janji dan jaminan-jaminan telah diketepikan dan saya khuatir dan rasa bimbang bahawa janji yang akan diberi nanti pun mungkin boleh jadi begini. Itulah sebabnya saya menentang ini.

Dan juga seksyen 2B, tadi saya dapat dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan Ketua

Setiausaha, Ketua Jabatan dan Setiausaha Negeri berkuasa untuk mengelaskan. Dalam Fasal 3 di mana pindaan dibuat kepada seksyen 2 Akta ibu, iaitu:

“2B Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya”

Saya ingin mendapat tahu apakah jawatan yang dipegang oleh pegawai yang boleh dilantik oleh mereka ini dan apakah mereka ini kesemuanya tidak akan menyalahgunakan kuasa yang diberi oleh kerana orang yang memberi kuasa ini sendiri adalah satu tanda tanya besar.

Adakah mereka ini boleh menggunakan kuasanya dengan budibicara yang waras dan boleh diterima? Saya khawatir bahawa 2b ini adalah sangat luas dan ini akan mengakibatkan perkara-perkara seperti rasuah, amalan-amalan curang untuk dilakukan dan kemudiannya ditutup dengan cop “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad”. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

10.47 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ada beberapa soalan yang saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi keterangan.

Yang pertama, seksyen 2b di mana ada 4 klasifikasi ialah “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit”, “Terhad”. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan bagaimana keempat-empat klasifikasi ini akan digolongkan? Apa kriteria, apa jenis bahan-bahan (materials)

akan digolongkan “Rahsia Besar”, kemudian “Rahsia”, kemudian “Sulit” dan “Terhad”. Oleh kerana baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada kata bahawa Kerajaan berhasrat untuk mengadakan satu “administrative order” yang akan diappend kepada Bil ini, adakah satu “administrative order” akan dibuat untuk menerangkan keempat-empat klasifikasi ini, semacam disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau sama ada “administrative order” ini sudah digugur, sudah diketepikan? Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi penjelasan sama ada “administrative order” akan dibuat, bila dibuat dan cara “administrative order” ini dibuat, sama ada akan dibentang dalam Parlimen atau tidak? Itulah soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, saya mahu sebut mengenai seksyen baru 2c atau dalam fasal 3 dalam Bil ini di mana seorang public officer yang, dengan izin:

“ charged with any responsibility in respect of any Ministry, department or any public service may, at any time, declassify any document specified in the Schedule or any official document,”

yang mengenai declassification. Adakah ini pengertian bahawa golongan “public officer” dalam 2c berbeza daripada golongan “public officer” dalam 2b di mana perlu satu sijil (certificate) yang diberi di bawah tangan Menteri itu. Itulah mengikut 2b dan 2c, apa kita baca bahawa kedua-dua golongan “public officer” ini berbeza.

Ketiga, mengenai 16A di mana certificate by a public officer to be conclusive evidence dan mengikut definisi dalam Akta ibu, definisi public officer sangat luas, mungkin beribu-ribu, berpuluh ribu—tak tahu sama ada beratus ribu orang yang boleh

digolongkan dalam istilah public officer di mana Parent act ini, dengan izin:

“public officer” means any person holding any office or any employment in or under any public service”; dan

“public service” means—

- (a) any of the public services referred to in Article 132 of the Constitution including any Ministry, any department of the Government or any Court;
- (b) any city council, municipality, town council or local authority ;
- (c) any statutory authority exercising powers vested in it by federal or State law;
- (d) any person, tribunal, body, institution or authority whatsoever which may be declared by the Minister, by order published in the Gazette to be a public service for the purpose of this definition; dan”

Ini bererti bahawa ini satu golongan yang sangat besar. Tak tahu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kata anggaran (estimate) berpuhulh ribu atau beratus ribu.

Soalan saya yang ketiga, ialah kenapa orang-orang dalam kategori ini diberi kuasa untuk mengeluarkan satu sijil yang akan jadi conclusive evidence yang tidak boleh dikaji atau reviewed oleh Mahkamah, bukannya ini boleh menimbulkan satu keadaan di mana salah guna kuasa akan sangat mudah berlaku, oleh kerana jenis Public Officer dalam 16A ialah berbeza daripada jenis Public Officer dalam 2B, mereka yang berhak untuk klasifikasikan dokumen-dokumen sebagai keempat-empat bahagian ini oleh kerana mereka perlu by a certificate, appointed oleh Menteri atau Menteri Besar atau Chief Minister. Adakah ini bererti bahawa untuk klasifikasikan perlu certificate of

appointment untuk memberi certificate kepada mahkamah bahawa conclusive evidence tidak perlu dan kalau begitu saya rasa tentulah tidak ada kontrol, tidak ada apa-apa. Mungkin seorang office boy pun boleh beri satu sijil kepada Mahkamah di mana Lord President tak boleh review any Public Officer.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bersetuju, tetapi inilah erti Public Officer—any person holding any office or employment in/or other any public service. Tentulah satu contoh yang luar biasa tetapi ini bolehlah digolongkan sebagai slip short legislation. Apa yang disebut baru-baru ini slip short yang menimbulkan masalah dalam mahkamah, masalah keadilan dan lain-lain. Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi penjelasan yang memuaskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

10.55 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, bolehkah saya mengambil bahagian dari satu fasal ke satu fasal atau merangkumi ke semua fasal yang di

Tuan Pengerusi: Baik satu fasal ke satu fasal.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Fasal 2B tadi, muka surat 2 sebagaimana yang boleh diklasikan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” mengikut mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B.

Tuan Pengerusi, saya hendak menanyakan Yang Amat Berhormat, dengan kuasa dan skop yang begitu

luas bagaimana beliau hendak menentukan bahawa penyalahgunaan kuasa tidak berlaku.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, jangan ulang-ulangkan, rakan-rakan Yang Berhormat telah pun berucap di atas perkara itu tadi.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan yang

Tuan Pengerusi: Kalau ada perkara baru, sila keluarkan.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan satu perkara yang baru, Tuan Pengerusi, kerana di dalam ini kita boleh dapati bahawa skop yang terlalu luas dan kuasa diberi kepada Menteri Besar ini, Yang Amat Berhormat tidak dapat memastikan, tidak dapat menentukan bahawa tidak akan berlaku penyalahgunaan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh telah pun berucap di atas perkara itu, Yang Berhormat dari Keping

Dr Tan Seng Giaw: kerana dengan itu mengecopkan "Rahsia Besar" dan "Rahsia" ini akan menafikan hak rakyat untuk mendapat maklumat yang seterusnya mengelakkan penyiaran khabar-khabar angin dan sebagainya dan saya mahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi jaminan bagaimana dia dapat memastikan beliau sendiri, bukan akan ada di dalam jawatannya selama-lamanya, mungkin dengan hati murni yang ikhlas ini beliau tidak dapat memastikan penggantinya akan datang tidak akan menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Ini saya berharap beliau dapat menjelaskan sekali lagi mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Fasal 3, seksyen baru 2A, "Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada

Akta ini." Ini menunjukkan satu rampasan kuasa iaitu Menteri lebih besar, lebih berkuasa daripada Parlimen ini.

Saya tidak bersetuju dengan fasal ini, saya tidak tahulah bagaimana Yang Amat Berhormat dapat menjustifikasikan perbuatan ini, memberi kuasa yang begitu besar kepada Menteri yang lebih daripada Parlimen.

Fasal 5 (d). Tuan Yang di-Pertua hendak saya duduk dahulu, biar Perdana Menteri jawab dahulu ataupun habiskan semua fasal?

Tuan Pengerusi: Habiskan semua.

Dr Tan Seng Giaw: Habis semua, ya.

Fasal 5 (d) ini, jika seseorang menerima sesuatu rahsia atau sesuatu perkataan kod dan sebagainya, ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun. Jadi, saya berpendapat hukuman ini terlalu berat. Bolehkah

Tuan Pengerusi: Dalam dasar tadi telah pun dibincangkan. Tak payahlah dibawa lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Fasal 7, "Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh disabitkan jika dia membuktikan yang dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa sepatutnya". Ini untuk pegawai-pegawai, tetapi bagi Wakil-wakil Rakyat bolehkah Yang Amat Berhormat beri jaminan bahawa apabila pihak kami melakukan sesuatu untuk kepentingan awam, untuk kepentingan negara, tidak akan dituduh di dalam Mahkamah?

Jadi itulah malangnya pencadang pindaan ini tiada di sini. Walau bagaimanapun, itulah satu perkara

yang tidak betul kerana Wakil-wakil Rakyat itu adalah mewakili rakyat. Sekian, terima kasih.

11.00 mlm.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya menyetujui kepada Fasal 7.

Tuan Pengerusi: Minta jangan ulang!

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak. Fasal 7 untuk memberi pembelaan kepada pegawai awam. Terlebih dahulu ingin saya sebutkan bahawa walaupun perkara yang telah berlaku di negara lain adalah berlainan oleh kerana keadaannya pun lain juga, tetapi oleh kerana negara kita mengamalkan Rule of Law di dalam common law system, dengan izin, dan kita diliputi oleh precedent juga, ingin saya membangkitkan satu kes yang telah berlaku di England baru-baru ini mengenai Clive Pontine case

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak boleh, keluar daripada butir-butir itu. Itu di atas dasar.

Tuan Sim Kwang Yang: Pada dasarnya.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya harap ini boleh diberi sebagai contoh sahaja.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak boleh juga.

Tuan Pengerusi: Itu terkeluar daripada butir.

Tuan Sim Kwang Yang: Pada dasarnya pembelaan ini diberi jikalau pegawai ini melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya dan dengan kuasa sifatnya sahaja. Pada hemat saya, mungkin satu perkara harus dimasukkan ke dalam Fasal ini jikalau kepentingan negara juga diberi kepada sesiapa orang

pegawai untuk mempertahankannya oleh kerana Clive Pontine menggunakan kepentingan negara sebagai pembelaannya dan ia pun menang kes itu walaupun kes lain—kes lain orang-orang tertentu pun kalah.

Walaupun demikian kepentingan negara memberi satu pembelaan tambahan, satu perlindungan kepada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas mereka. Oleh kerana pegawai-pegawai Kerajaan adalah dalam satu keadaan yang amat sensitif—delima, apakah keutamaan mereka yang tertinggi? Adakah keutamaan mereka taat-setia kepada Kerajaan yang menguasai ataupun Government of the day, dengan izin, ataupun mereka menumpahkan taat-setia kepada satu tujuan yang besar lagi iaitu “largest purpose” iaitu kepentingan rakyat, jikalau kepentingan rakyat melanggarkan dengan apa-apa keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan dan jikalau seorang pegawai yang mempunyai “conscience”, dengan izin

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di atas dasar itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak, ada berkaitan. Dasar pada masa didaftarkan

Tuan Pengerusi: Jikalau, jikalau, jikalau—itu dasarlah!

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kami akan meluluskan Rang Undang-undang ini, akan meliputi banyak kes-kes yang akan berlaku, tetapi belum berlaku. Oleh yang demikian, saya hanya anticipate, dengan izin, bagaimanakah Rang Undang-undang ini akan digunakan. Oleh yang demikian, tanpa kepentingan negara, pegawai Kerajaan tidak akan dapat menjalankan tugas mereka dengan sepenuhnya kepada kepentingan negara, dan supaya Fasal yang ada sekarang, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Second Reading tadi sudah pun disentuh atas perkara ini. Ramai orang yang menyentuh perkara berkenaan dengan kepentingan negara.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya juga bersetuju dengan rakan saya dari Kepong bahawa saya pun tidak begitu jelas sama ada Fasal ini meliputi Ahli Parlimen juga.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong apabila dia dituduh di bawah Akta ini pada masa lalu menggunakan tugasnya sebagai Ahli Parlimen, tetapi kalau saya tidak silap hukuman ialah bahawa privilegenya sebagai seorang Ahli Parlimen hanya bersabit jikalau ia menjalankan tugas dalam Dewan ini sahaja dan di luar tidak ada. Dan kalau dengan kelulusan Akta ini Ahli Parlimen tidak akan berkesan untuk menjalankan tugas mereka, dengan izin, no Member of Parliament, no Wakil Rakyat boleh discharge tugas mereka jikalau Fasal ini diluluskan tanpa pindaan. Ini sahaja. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Tadi saya tidak nampak Yang Berhormat berdiri, cukuplah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

11.05 mlm.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, berhubung dengan keraguan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tentang keupayaan Menteri-menteri Kerajaan, Ketua Menteri dan Menteri Besar menentukan sama ada sesuatu itu adalah "Rahsia Besar" ataupun tidak, saya sebagai Perdana Menteri penuh keyakinan bahawa Ahli-ahli Dewan ini yang dipilih menjadi Menteri mempunyai pengetahuan dan

kecekapan untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Saya tidak khuatir sama sekali bahawa mereka akan menyalahgunakan kuasa yang diberi kepada mereka. Demikian juga dengan pegawai-pegawai yang dilantik, saya penuh yakin bahawa mereka akan menjalankan tugas mereka dengan jujur dan kalau mereka membuat sesuatu yang salah, tentulah mereka terpaksa menghadapi tindakan terhadap perbuatan mereka. Lainlah pula kalau Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu menjadi Menteri, mungkin dianya tidak bertanggungjawab. Umpamanya, dalam sangkaan buruk

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan.

Perdana Menteri: Saya tidak berilah.

Tuan P. Patto: Point of order.

Perdana Menteri: What point of order? Apa dia?

Tuan P. Patto: Sangkaan jahat.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya hendak kata ini kerana Ahli Yang Berhormat itu sendiri berkata: "Kalau, kalau, kalau", bukan benar, bukan ada sangkaan jahat, dia kata cuma "kalau" sahaja. Saya pun hendak kata "kalau" sahaja (*Ketawa*). Kalau Ahli Yang Berhormat itu mencuri 10 daripada 100 buah cawan yang dibeli dalam pejabat saya dan selepas itu membuat laporan bahawa pegawai saya itu membuat salah, jadi itu tentulah akan diperiksa terlebih dahulu. Tetapi kalau didapati bahawa Ahli Yang Berhormat itu yang mencuri, dialah yang akan dikenakan hukuman, bukan pegawai. Ini bukan sangkaan buruk, tetapi cuma "kalau" sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan membuat

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, Tuan Pengerusi. Sungguhpun Yang Amat Berhormat menggunakan "kalau, kalau"

Tuan Pengerusi: Point of order mana itu?

Tuan Lim Kit Siang: 36 (4)—bahawa "kalau, kalau" itu jatuh di bawah 36 (4) dan sangat offensive, insulting dan saya rasa tidak patut digunakan kalau kita mahu menjaga kemuliaan Dewan ini, oleh kerana kita boleh mengikut precedent, dan "kalau, kalau" sampai habis.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh tadi saya membenarkan dia membuat "kalau" beberapa kali.

Tuan Lim Kit Siang: Itu umum, bukan terhad kepada seseorang.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Itu berbeza besar.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu menyebut saya sebagai Perdana Menteri, kalau menyalahgunakan kuasa, jadi tepat kepada muka saya. Jadi ini tepat kepada muka dia juga. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Tadi saya pun sudah terangkan itu adalah satu misalan dan kalau Yang Amat Berhormat rasa sakit, saya pun tadi sudah menyatakan bukanlah satu sangkaan jahat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya pun sudah alih daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian lain, sudah saya alih.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya pun membuat misalan juga, kalau kalau perkara ini berlaku kepada Ahli Yang Berhormat. Alih kepada Menteri lain tidak menjadi apa-apa, kerana bagi saya Menteri dalam Kabinet

semuanya mempunyai tanggungjawab bersama. Jadi tidak ada kalih kepada satu orang lain.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soal membuat classification kepada Rahsia Besar, Rahsia, Sulit, Terhad dan lain-lain, ini semua terkandung di dalam buku yang disediakan berkenaan dengan Arahan Keselamatan yang mana buku ini sendiri terhad, dan dalam buku ini telah dijelaskan kepada pegawai-pegawai dan Menteri-menteri tentang bagaimana menentukan sama ada sesuatu dokumen itu Rahsia Besar, Rahsia, Sulit, Terhad dan sebagainya. Ini sudah pun ada aturan peraturan ini. Saya yakin penuh bahawa ini akan dibuat classification dengan tepat.

Tentang soal classification ini tidak boleh disoal dalam Mahkamah. Sebenarnya sekarang ini semua dokumen Kerajaan adalah Rahsia. Apabila undang-undang baru ini berkuatkuasa, maka tentulah sebahagian daripada kertas-kertas dan dokumen-dokumen ini terkeluar daripada Jadual. Dengan itu maka perlulah diadakan satu classification tentang sebahagian daripada dokumen-dokumen yang terkeluar daripada Jadual dan untuk ini hanya Kerajaan, pegawai-pegawainya, Menteri-menterinya yang berhak menentukan sama ada sesuatu dokumen itu Rahsia ataupun tidak. Pihak Mahkamah tidak akan mengetahui sama ada sesuatu itu Rahsia ataupun tidak.

Dalam perkara yang semacam ini, tentulah pihak executive yang akan menentukan tentang classification sesuatu dokumen. Kalau ini disoal, terutama berkenaan dengan dokumen-dokumen yang lama yang sudah dirahsiakan semuanya dahulu, kalau disoal, maka kita akan menghadapi masalah, kerana begitu banyak sekali dokumen yang sedia ada dengan Kerajaan ini adalah Rahsia, tetapi

dianya tidak dapat ditentukan melalui Jadual semata-mata. Jadi soal classification ini terpaksa dibuat. Dahulu classification ini memang benarlah boleh dibuat oleh sesiapa sahaja termasuk office boy, mengikut cara lama.

Saya sendiri telah menghadapi masalah apabila saya menulis surat kepada seorang pemimpin penuntut di London yang bertujuan untuk disampaikan kepada penuntut-penuntut di London. Surat itu ditulis oleh saya tetapi ditaip dan dihantar oleh pihak Setiausaha saya dan Setiausaha saya rupanya menggunakan cop "Rahsia" kepada semua surat yang datang daripada saya. Apabila saya berjumpa pemimpin penuntut ini dan bertanya sama ada dia sudah menerima surat saya, dia jawab, sudah terima dan bila saya tanya, sudahkah tunjuk kepada kawan-kawannya, dia berkata, "saya tidak dapat tunjukkan, kerana surat itu adalah Rahsia". Perkara yang semacam itu tidak akan berlaku lagi, kerana cuma pegawai-pegawai tertentu sahaja yang boleh menurunkan cop "Rahsia" ataupun "Terhad" dan sebagainya. Dengan cara itu, maka tidaklah akan terdedah sesiapa kepada tuduhan membocorkan surat rahsia, sedangkan perkara itu sebenarnya tidak rahsia.

Tentang soal sama ada Ahli Parlimen boleh dibenarkan membuat classification, yang ini agak ganjil sedikit, kerana Ahli Parlimen bukanlah anggota Kerajaan. Yang dinamakan anggota Kerajaan ialah Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan sebagainya. Mereka adalah anggota

Tuan Lim Kit Siang: Untuk penjelasan. Siapa yang menimbulkan perkara itu sama ada Ahli Parlimen boleh mengklasifikasikan. Saya

percaya Yang Berhormat dari Kuching dan Kepong membangkitkan dalam Seksyen 7, defence untuk seorang public officer akan dipanjangkan kepada Ahli Parlimen. Tetapi tadi Yang Amat Berhormat nampaknya salah anggap atas satu perkara yang saya bangkitkan tentang Seksyen 6 mengenai suatu sijil oleh seorang public officer yang akan menjadi conclusive evidence untuk Mahkamah bahawa bahan atau dokumen ialah Rahsia sama ada golongan public officer di bawah Seksyen 16A ini sama dengan public officer di bawah Seksyen 2B atau tidak, oleh kerana ini tentu akan bercanggah.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, ada perbezaan sedikit dalam perkara ini. Ini adalah berasaskan kepada kepentingan pengurusan kerja-kerja dalam Kerajaan, kerana bilangan dokumen yang perlu diklasifikasikan setelah undang-undang ini berkuatkuasa adalah begitu banyak dan kita perlu menentukan pegawai yang lebih banyak untuk membuat classification dan declassification adalah kurang daripada itu dan pegawai-pegawai tertentu dipilih.

Tuan Pengerusi, tentang hak Ahli Yang Berhormat mendapat dokumen-dokumen rahsia, ini tidak perlu saya jawab, kerana kalau semua Ahli Parlimen ini semuanya berhak, maka tidak adalah rahsia lagi. Oleh kerana itu, pihak Kerajaan tidak dapat menerima pandangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Umumnya saya menolak semua pandangan-pandangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, *Fasal 1 hingga 8* jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 dan Jadual—

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya menyentuh tentang Jadual. Di sini Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31 Jadual baru yang berikut:

“Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Majlis Mesyuarat Negeri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jawatankuasa-jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;”

Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidakkah bahagian ini dan juga bahagian yang sebelum itu yang dimasukkan ke dalam Jadual boleh menimbulkan satu keadaan di mana khususnya di dalam Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk meluluskan tanah dan sebagainya boleh menimbulkan keadaan di mana mereka dengan sendirinya boleh meluluskan tanah untuk diri sendiri dan menggunakan Akta ini untuk mengkelaskan ianya

Tuan Pengerusi: Tadi kita mengeluarkan perkataan-perkataan sangkaan buruk. Saya ingat tidak payahlah mengeluarkan perasaan sangkaan buruk ini.

Tuan P. Patto: Okay, terima kasih. Oleh kerana nampaknya Yang Amat Berhormat makin lama makin sensitif kepada perkataan-perkataan yang dikeluarkan, saya ingin mendapat tahu, apakah jaminan yang boleh diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang boleh meyakinkan bahawa Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tidak akan menggunakan bahagian-bahagian dalam *Jadual* ini untuk kepentingan diri ataupun sanak-saudara mereka. Itu yang saya ingin bangkitkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dengan tiga kategori yang disebutkan di sini, saya hendak mendapat

penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai bilakah dokumen-dokumen yang disebutkan ini akan dirahsiakan, dan kepada penyelidik dan sebagainya mereka tidak dapat meneliti minit-minit dan rekod-rekod ini. Adakah selepas 25 tahun mereka dibenarkan untuk meneliti dokumen-dokumen ini? Sebab, Yang Amat Berhormat tidak pernah menyebut di dalam Dewan yang mulia ini sama ada 25 years rule atau 30 years rule akan diadakan. Saya pernah mendengar bahawa ahli-ahli akademik yang membuat penyelidik apabila datang ke pejabat-pejabat Kerajaan tidak dibenarkan untuk membaca dokumen-dokumen.

Tuan Pengerusi: Yang Amat Berhormat, sila jawab.

Perdana Menteri: Tuan Pengerusi, saya tidak perlu memberi jaminan tentang kelakuan ahli-ahli yang menjadi anggota Kerajaan melainkan kalau ahli DAP dapatlah menang menjadi anggota Kerajaan masa itu, saya fikir perkara yang disangka oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu akan berlaku.

Berkenaan dengan sampai bila perkara ini akan dirahsiakan; sebenarnya tidak ada “statue of limitation” dalam perkara ini walaupun setengah-setengah negara seperti Great Britain umpamanya menganggap 30 tahun sebagai “statue of limitation” yang mana selepas 30 tahun semua dokumen boleh mendedahkan kepada orang ramai.

Ini telah menimbulkan banyak masalah kepada keluarga-keluarga orang-orang yang terlibat yang sebenarnya tidak bersalah. Oleh kerana itu kita tidak bercadang untuk mengadakan “limitation” tentang masa ini tetapi apabila kita dapati bahawa sesuatu dokumen itu tidak lagi penting dan tidak perlu dirahsiakan lagi maka kita akan “declassify” dokumen itu.

Soal ahli-ahli akademik ingin mendapat maklumat, ini tidak timbul. Sekarang ini pun semua dokumen Kerajaan adalah Rahsia tetapi apabila kita dapati bahawa ada orang-orang yang memerlukan dokumen-dokumen yang tertentu kita memberi kebenaran untuk mereka melihat dokumen-dokumen ini secara terhad kepada mereka ataupun memberi hak kepada mereka mengeluarkan cabutan-cabutan daripada dokumen ini. Semua ini boleh dibuat dulu di waktu semua dokumen rahsia dan sudah tentu sekarang ini perkara ini dapat diteruskan dan Ahli Yang Berhormat tidak perlu khuatir bahawa sebenarnya yang membela rakyat negara kita ini ialah Kerajaan Barisan Nasional. *(Tepuk)*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal 9 dan Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 dan Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta cara belahbahagian di bawah Peraturan 46 (1).

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah pun membaca dan Rang Undang ini telah pun diluluskan. Macam mana hendak diadakan belahbahagian *(Tepuk)*. Yang Berhormat boleh membaca Peraturan Mesyuarat 46. Yang sudah lulus, tidak boleh dibangkitkan. Saya rasa tidak payahlah.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan 46 (4) selepas keputusan suara, barulah saya boleh ada hak bangun untuk mencabar pengundian itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang sebenarnya saya minta supaya jangan diadakan. Bukanlah dengan sebab apa-apa, saya tidak mahu mengambil hak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hanya apakah tujuannya dan apakah sebabnya, kerana kita sudah adakan belahbahagi dua kali. Bukanlah fasal apa, tidak. Saya meminta . . . *(Disampuk)*

Tuan Gooi Hock Seng: Saya faham Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya minta dibelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat minta juga, saya akan berikan tetapi bukanlah dalam "spirit", kerana kita sudah adajan belahbahagi dua kali.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya faham, sebab Rang Undang-undang ini adalah mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bukannya kita sudah ada belahbahagi dua kali?

Beberapa Orang Ahli: balik, baliklah!

Tuan Gooi Hock Seng: Itu hak saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukanlah Perlembagaan. Perlembagaan dikatakan dia kena belahbahagi. Jadi, belahbahagi ketiga-tiga lapisannya sekali. Kalau Yang Berhormat hendak adakan juga—adakanlah tetapi saya rasa tidaklah seeloknya. Sepatutnya kalau sekiranya saya di tempat Ahli Yang Berhormat, saya akan minta hanya satu sahaja belahbahagian. *(Tepuk)* Sudah cukuplah. Umpamanya hendak meregisteredkan protes dan tidak puas hati itu dan sebagainya dan kita boleh tahu siapa dia yang mengundi "Ya" ataupun siapa yang mengundi "Tidak". Hendak minta belahbahagi juga?

Tuan Gooi Hock Seng: Ya, lagi sekali minta division.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, minta 15 orang berdiri. Sekarang saya mengarahkan supaya diadakan belahbahagi.

Loceng dibunyikan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta supaya penghitung-penghitung undi mengambil tempat masing-masing. Minta undian dijalankan sekarang sama ada "Bersetuju" atau "Tidak" Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga.

Dewan berbelahbahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, undinya ialah Yang Bersetuju, 131 (*Tepuk*); Yang tidak Bersetuju, 21 (*Tepuk*). Yang kalah puntepek juga (*Ketawa*). Rang

Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. (*Tepuk*)

Setiausaha: Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tuan Yang di-Pertua: Berbalik kepada usul kita tadi, saya tangguhkan mesyuarat ini dan sebelum saya menangguhkan, saya ucapkan terima kasih di atas kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada saya dan juga kepada Timbalan-timbalan Speaker. Ada kadang-kadangnya sungguhpun panas, sungguhpun kadang-kadang serius, tetapi ada juga kadang-kadang seronok. Oleh yang demikian, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga 2.30 petang pada hari Isnin yang akan datang. (*Tepuk*)

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.35 malam.

